# كتاب
# فاتي رهسيا

# KITAB
# PATI RAHSIA

Dihiasi di dalamnya nama Allah Yang Maha Besar lagi Maha Tinggi,
Kelebihan, basmallah, Al-Fatihah, Ayat-ayat,
Hizib-hizib dan lain-lain.

Susunan
Haji Nik Mahmud bin Ismail
(Dato Perdana Menteri Paduka Raja)

Sebuah kitab lama, diterjemah oleh
Ibnu Najib Al-Husaini
(Edisi Asal)

## KANDUNGAN KITAB PATI RAHSIA

Pujian bagi Tuhan Yang amat Murah lagi Maha Kaya cucuran rahmat sentosa ke atas nabi Muhammad galian segala rahsia, dan ke atas keluarga dan semua sahabat serta pengikut yang berbahagia.

Wa ba'du, apakala telah dikurnia oleh Tuhan Yang Maha Mulia menetapkan kitab yang bernama Pati Rahsia, saya dapati apa yang saya faham daripada kandungannya, sangat bersetuju dan berkebetulan dengan namanya dan kitab inilah setahu saya, julung karangan yang baru ditimbulkan ke alam Melayu dari lautan ilmu rahsia yang disimpan oleh Tuhan pada kejadianNya, maka tak payah lagi saya terangkan kelengkapan kitab kerana kezahirannya daripada Al-Mahtram Haji Nik Mahmud bin Ismail (Dato' Perdana Menteri Paduka Raja kelantan) telah memadai dan mencukupi.

Ditulis oleh yang berharap patuh Tuhan Yang Karim, hamba yang fakir Muhammad Nur bin Ibrahim pada hari Rabu  (buah) bulan Jamadil Thaniah bagi tahun (biji Pati Rahsia akan ditani lebih) yang bersamaan dengan (raya) bulan Mei bagi Tahun (patuh minum ilmu Pati rahsia)

**Muhammad Nur**
15.5.1946 - 14.6.1365

Ke hadapan Majlis Dato' Lela Jasa,
Setiausaha Majlis Agama Islam
Yang dengan kesejahteraannya

Dato'
Dengan hormatnya saya kembarkan bersama-sama ini sebuah kitab yang bernama "Pati Rahsia' harapkan majlis tolong sahkan kitab ini supaya boleh cap bagi pergunaan anak-anak negeri ini dan lain-lainnya.

Saya harap boleh dapat kebenaran ini tidak lewat 10 hari daripada tarikh ini dengan mendahului saya berbanyak-banyak terima kasih adanya.

*Mahmud Ismail*

Dato; Menteri Kelantan

Kota Bharu, Kelantan.
Pada 28 hari bulan Mei 1946

Bilangan (3) dalam MA 136/46

Kota Bharu, Kelantan.
Pada 15 hari bulan Jun 1946

Kemudian majlis yang amat berhormat Dato; Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan, dengan beberapa maat kesejahteraannya.

Dato'

Adalah saya bagi pihak Majlis Agama dengan hormatnya memaklumkan kepada Dato' bahawa surat Dato' yang bertarikh pada 28 hari bulan Mei 1946 berkenaan dengan meminta majlis mengesahkan sebuah kitab Pati Rahsia kerana hendak di cop bagi pergunaan anak-anak negeri ini dan lain-lainnya itu telah sampai dan faham.

Maka saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa kitab yang tersebut itu sudahlah disahkan oleh Majlis Agama dan diampuni oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan pada 12 hari bulan Jun 1946 serta diluluskan Dato' mengecopnya bagaimana maksud Dato; itu dan bersama-sama ini saya kembarkan balik naskhah kitab yang termaklum itu diharapkan Dato' terima dengan selamatnya.

Dan lagi, saya bagi pihak Majlis Agama mengucapkan dengan sepenuh-penuh terima kasih kepada Dato' yang telah berusaha pada menjalankan pekerjaan yang maha kebajikan bagi faedah orang Muslimin dan Muslimat itu, mudah-mudahan tuhan kabul jua maksud Dato' itu, wassalam.

Saya dengan hormatnya

Disain oleh Raja Muda

*Indera Putera*

Yang Dipertua Majlis Agama islam

Segala pujian itu bagi Tuhan Yang mempunyai Ehsan, rahmat dan selama di atas junjungan kita nabi Muhammad yang beramal dengan Al-Quran, dan di atas keluarganya, sahabatnya dan sekalian pengikutnya yang mempunyai irafan. Wa ba'du, maka dengan taufik dan hidayah daripada Allah Subhanahu Wa Taala telah saya tetap akan kitab Pati Rahsia karangan bagi yang amat berhormat (Dato Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan) daripada awalnya hingga akhirnya - Maka saya dapati apa-apa kandungan yang saya faham itu sangatlah bersetuju dan berkenan.

Dan saya percaya ini kitab akan digunakan oleh yang ramai, betapa tidak? Kerana isinya sangat wangi dan rasanya sangat manis, maka tak payahlah saya menyifatkan kelebihan dan ketinggian kerana rahsia itu tak dapat disifatkan - bahkan memadailah namanya itu menyaksikan,

Katah Tarab Al-Aqdam
Haji Muhammad Ali Solehuddin
(Murid Tua bagi Al-Marhum Tuan Guru Kenali)
Di Kota Bharu Kelantan pada hari Selasa 10 Syaaban 1365*

Pujian bagi Allah tuhan Yang Menyusunkan Perkataan daripada kalimah dan huruf yang mengandungi bermacam-macam-macam rahsia dan menghinggakan tiap-tiap sesuatu itu kepada zatNya Yang Maha Suci, selawat dan salam atas penghulu kami Nabi Muhammad yang mempunyai kelebihan yang bersinaran dan atas ahli dan sahabatnya yang amat tinggi kemuliaan.

(Amma ba'du) tatkala adalah tiap-tiap seseorang itu berlainan kehendak dan tujuannya bagi menyucikan diri dan menuntut segala hajat bawah segala cahaya bintang yang bergerak maka inilah sehidangan bermacam-macam ilmu daripada hantaran hukama dan ulama diterjemahkan daripada kitab Khuzbanah Al-Asrar, Syamsul Maarif, Mujarobat Ad-Dhairaby, Al-Fuyudhat Al-Ilahiyah, Al-Sarurbani dan lain-lainnya dan kami namakan Pati rahsia mudah-mudahan Allah Subhanahu Wa Taala mengurniai manfaat dan kebajikan kepada lelaki dan perempuan pada dunia dan akhiratnya serta mengelokkan kesudahan segala pekerjaan kami dan melepaskan kami daripada kekejian dunia dan azab akhirat dan memulai kami dengan menyatakan bilangan nama Allah Yang maha Besar lagi Maha Tinggi kemudian kelebihan Bismillahirrahmanirrahim dan lain-lainnya.

Al-Haqir
Mahmud bin Ismail
Atas Bonggol Kota Bharu, Kelantan.

1 hari bulan Rejab 1363 Hijrah

## Latar belakang Dato Paduka Raja

Datuk Nik Mahmud - Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan
NAMA lengkapnya ialah Nik Mahmud bin Haji Nik Ismail Qadhi bin Haji Mahmud bin Cik Seman. Beliau meninggal dunia pada 1384 Hijrah/1964 Masihi. Ibunya bernama Wan Aisyah binti Wan Utsman.

Ayahnya, Haji Nik Wan Ismail Qadhi bin Haji Nik Wan Mahmud adalah sahabat Syeikh Ahmad al-Fathani. Kedua-duanya adalah ulama besar. Oleh itu Nik Mahmud mendapat pendidikan awal daripada ayahnya sendiri di Kelantan.

Setelah ayahnya wafat pada 1315 Hijrah/1898 Masihi, dalam tahun itu juga ibunya Wan Aisyah membawa Nik Mahmud dan tiga orang anaknya yang lain ke Mekah. Nik Mahmud diserahkan pengurusannya kepada Syeikh Ahmad al-Fathani.

Oleh sebab ilmu-ilmu dalam bidang keislaman yang dipelajari oleh Nik Mahmud daripada ayahnya dipandang sudah memadai, maka al-Fathani hanya mendidik Nik Mahmud dalam bidang-bidang ilmu khusus, terutama ilmu pentadbiran dan siasah, serta diperlengkap lagi dengan ilmu pertahanan diri.

Pati Rahsia. Diselesaikan pada 1 Rejab 1363 Hijrah. Cetakan yang ketiga Haji Daud bin Haji Abu Bakar al-Ahmadi, 3296-B, Jalan Tengku Petra Semerak, Kota Bharu, Kelantan, 1389 Hijrah/1969 Masihi. Dicetak atas perbelanjaan Nik Ahmad Kamil (Datuk Seri Setia Raja) bin Nik Mahmud, dan dicetak atas kebenarannya. Ditandatangani oleh Raja Muda, Yang Dipertua Majlis Ugama Islam, Pejabat Majlis Ugama Islam Kelantan pada tarikh 15 Jun 1946 Masihi, bilangan (3) 136/46. Kandungannya mengupas ilmu hikmah menggunakan berbagai-bagai, isim, wirid, doa, dan lain-lain.

Di antara anak Datuk Nik Mahmud yang menjadi tokoh atau pembesar sama ada di Malaysia mahupun peringkat antarabangsa ialah Tan Sri Datuk Nik Ahmad Kamil (meninggal dunia 20 Disember 1977). Di antara anak Tan Sri Datuk Nik Ahmad Kamil pula ialah Tan Sri Datuk Nik Ibrahim Kamil, sekarang Pengerusi Southern Investment Bank Berhad, Kuala Lumpur.

**KATA ALUAN DARI AL-MUALLIJ MUSTAQIM**

Selawat dan salam buat junjungan nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wassalam, keluarganya, sahabatnya, para tabiin, para aulia, para ulama dan guru-guru sekalian. Syukur ke hadrat Allah Taala kerana memberi masa dan ruang untuk saya siapkan buku terjemahan Pati Rahsia ini. Wa ba’du.

Sebelum membaca buku ini, bacalah kata aluan saya ini terlebih dahulu mudah-mudahan mengerti apa niat saya dan apa yang telah saya karangkan ini.

Di dalam buku ini banyak terkandung hadis daif dan palsu. Hadis daif boleh diamalkan menurut pendapat Imam Nawawi dan Ibnu Hajar al-Asqolani tetapi dengan syarat-syarat yang ketat. Boleh digunakan untuk targhib dan fada'il amal. Tetapi tidak boleh digunakan sebagai hujah untuk hukum syarak dan aqidah seperti sifat-sifat Allah ia tidak boleh digunakan. syarat beramal menurut pendapat al-hafiz ibn hajar al-asqolani ialah:

1. Daif yang ada pada hadis itu adalah tidak keterlaluan.

2. Maksud yang terkandung di dalam hadis daif itu tidak bercanggah dengan kaedah umum agama Islam

3. Hendaklah berhati-hati ataupun ihtiyat dari sudut pegangan ketika beramal dengannya. Supaya kita tidak bersalah menyandarkan hadis tersebut kepada Rasulullah, sedangkan hakikatnya ia bukan hadis atau bukan perkataan nabi.

Ada juga sebahagian hadis daif yang sampai kepada peringkat hadis maudhu (palsu). Mana-mana hadis daif yang sampai ke peringkat itu (maudhu) dilabelkan sebagai darjat hadis yang paling buruk. Para ulama bersikap tegas terhadap hadis daif tersebut (yang sampai kepada peringkat maudhu) pada penggunaannya terhadap sesuatu hukum. Malah haram untuk kita berpegang dan beramal dengan hadis maudhu. Walau bagaimanapun ada di kalangan para Ulama mengambil sikap yang lebih longgar dalam meriwayatkan hadis-hadis daif yang bersifat targhib (galakan) dan jua tarhib (menakut-nakutkan). Penerangan lebih jelas Abu al-Sheikh Ibn Hibban dalam kitabnya al-Nawaib meriwayatkan secara marfuk hadis Jabir yang menyebutkan:

Buku ini diterbitkan sekadar untuk berkongsi ilmu dan pendedahan lanjut tentang apa yang terkandung di dalam kitab pati rahsia ini. Bukanlah tujuan mengutip untung duniawi, tetapi untuk perkongsian ilmu sahaja. Dihuraikan dengan lebih jelas serta dijelaskan sumber hadis, sumber doa dan sumber perawi. Bukanlah bermaksud ingin mencacatkan atau menuduh syirik atau mengkafirkan atau berkhilaf pendapat, tetapi pada dekad ini telah ramai yang mencari ilmu tanpa berguru di mana kesudahannya mendapat gila isim. Tidak tahu asal-usul, tidak berguru, bertaklid sesuka hati, bertambah ego dengan ilmu yang dimiliki dan bertegang urat menegakkan benang yang basah. Maka terhasillah buku ini fisabilillah dengan niat ikhlas untuk memperbetulkan persepsi masyarakat terhadap kitab yang pernah diajar di pondok-pondok di Malaysia. Isi kandungan asal telah bercampur dengan isi huraian yang telah saya huraikan iaitu bagi membezakannya, tulisan isi kandungan asal tegak dan tulisan nota tambahan dalam berbentuk *italik*. Saya tidak menjadikan ulasan saya sebagai nota kaki kerana ia lebih mudah dan lebih mesra untuk dibaca.

Buku ini diterbitkan sebagai Edisi Asal kerana mereka yang pernah memiliki kitab syarah Pati Rahsia yang telah saya terbitkan pada tahun lepas membuat permintaan agar dapat mencetaknya dalam bentuk yang asal. Saya tidak bertanggungjawab di atas kerosakan jiwa, gila isim atau apa sahaja bentuk ritual syirik yang berlaku selepas buku ini diedarkan. Sekali lagi saya berpesan, di dalam kitab ini bukanlah ilmu yang betul dan hampir 98% mengandungi hadis maudhu serta dinilai sebagai mengandungi unsur yang boleh membawa ke arah syirik. Semoga Allah merahmati kalian, Insya Allah.

Al-Muallij Al-Quraisy
Ibnu Najib Al-Husaini
Masjid Tanah, Melaka.
28 Feb 2012

## NAMA ALLAH YANG MAHA BESAR LAGI MAHA TINGGI

Bahawasanya Allah ﷻ ada mempunyai 3000 (tiga ribu) nama iaitu:

(1) Sebanyak 1000 (seribu) nama – Allah Taala memberi ketahui kepada malaikat- malaikat sahaja.

(2) Sebanyak 1000 (seribu) nama – Allah taala memberi ketahui kepada Nabi-nabi sahaja.

(3) Sebanyak 300 (tiga ratus) nama ada tersebut di dalam Al-Taurat.

(4) Sebanyak 300 (tiga ratus) nama ada tersebut di dalam Al-Injil.

(5) Sebanyak 300 (tiga ratus) nama ada tersebut di dalam Al-Zabur.

(6) Sebanyak 99 (sembilan puluh sembilan) nama tersebut di dalam Al-Quran.

Dan 1 (satu) nama khas tersimpan di dalam pengetahuan Allah ﷻ.

Sekalian makna nama-nama Allah ﷻ yang 3000 (tiga ribu) itu ada terkandung di dalam ayat بسم الله الرحمن الرحيم dan jika siapa-siapa membaca بسم الله الرحمن الرحيم, nescaya mengurniai Allah ﷻ kepadanya akan balasan pahala sebanyak pahala yang dikurniai kepada orang yang membaca sekalian nama Allah ﷻ yang 3000 (tiga ribu) itu.

Siapa-siapa banyak membaca : 'بسم الله الرحمن الرحيم' pada mana-mana perkara yang dihajati istimewa pula pada mendapatkan rezeki. Nescaya memudah Allah taala kepadanya dan mengurniai Allah taala hebat pada hati mereka-mereka yang memandang kepadanya.

Siapa-siapa membaca: '21–' بسم الله الرحمن الرحيم (Dua Puluh Satu)- kali ketika hendak tidur terpeliharalah pada malam itu daripada Syaitan dan daripada kejahatan Manusia dan Jin dan daripada Kecurian dan Kebakaran, dan selamat daripada Mati Terkejut, dan terjauh daripada Bala' dan Penyakit.

Jika dibaca : '100-' بسم الله الرحمن الرحيم (Seratus) – kali selama (7) tujuh hari berturut-turut pada mana-mana Penyakit ataupun pada orang yang kena Sihir nescaya sembuh orang itu daripada Sihir dan Penyakitnya.

Siapa-siapa banyak membaca : ' 113–' بسم الله الرحمن الرحيم (Seratus tiga Belas) – kali pada Jumaat ketika khatib di atas mimbar, kemudian berdoa' bersama khatib, dan memohon daripada Allah Taala akan apa-apa hajat nescaya mengurniai Allah Taala apa-apa yang dipohonkan itu.

Siapa-siapa banyak membaca : ‘ 313–‘ بسم الله الرحمن الرحيم (Tiga ratus Tiga Belas) Kali ketika terbit matahari pada hari Ahad dengan keadaan menghadap Kiblat nescaya Mengurniai Allah Taala kepadanya rezeki yang tiada terhingga banyaknya.

Siapa-siapa banyak membaca : ‘ 787 – ‘ بسم الله الرحمن الرحيم (Tujuh Ratus Lapan Puluh Tujuh) kali dengan hati yang suci pada suatu perkara yang diredai akan dia oleh Allah Taala atau pada mencapai sesuatu hajat, atau hendak menjauhkan apa-apa bala’ nescaya dapat dan berhasil apa-apa yang dipohonkannya.

Dan yang terlebih elok dibaca : ‘ بسم الله الرحمن الرحيم ’–sebanyak 787 (Tujuh Ratus Lapan Puluh Tujuh) kali itu ialah dibaca ketika berpuasa di tempat yang suci (berkhalwat) selama (7) Tujuh Hari berturut-turut, kerana kaifiat yang seperti ini terlebih diharap akan dapat dengan segera apa-apa yang dihajati.

Siapa-siapa membaca : ‘ 2500 –‘ بسم الله الرحمن الرحيم (Dua Ribu Lima Ratus) kali tiap-tiap lepas sembahyang Subuh, selama (40) empat puluh hari berturut-turut serta ingat kepada fadilat-fadilat (kelebihannya) nescaya dibuka Allah Taala akan hatinya mudah mengetahui ilmu-ilmu.

Siapa-siapa sentiasa membaca : ‘ 1500 –‘ بسم الله الرحمن الرحيم (Seribu Lima Ratus) kali pada tiap-tiap hari, nescaya dijadikan semua manusia bersetuju dengannya.

Siapa-siapa sentiasa membaca: ‘ 1000-‘ بسم الله الرحمن الرحيم (Seribu) kali pada tiap-tiap hari, mudahlah memperoleh apa-apa yang dikehendakinya.

Siapa-siapa membaca: ‘ 1000-‘ بسم الله الرحمن الرحيم (Seribu) kali pada tiap-tiap hari dan malam, terlepaslah daripada Bala’ dan Kesusahan.

Jika dibaca : ‘ 1000-‘ بسم الله الرحمن الرحيم (Seribu) pada suatu mangkuk air hujan, kemudian diberi minum kepada orang yang bodoh ketika terbit matahari berturut-turut tujuh pagi, teranglah hatinya dan mudah ingat apa-apa yang dipelajarinya.

Siapa-siapa yang mengekalkan membaca : ‘ بسم الله الرحمن الرحيم ’ketika memulai sesuatu pekerjaan atau ketika duduk, bangun, hendak berjalan, tidur, makan, mengambil wuduk, menulis, membaca dan lain-lainnya lagi, nescaya mempermudah Allah Taala baginya keluar nyawa ketika hendak mati dengan tidak merasai apa-apa kesakitan, dan fasih lidahnya menjawab apa-apa pertanyaan Munkar dan Nakir dan memperluas Allah Taala akan kuburnya dengan keadaan cahaya yang gilang gemilang, dan pada hari kiamat keluar dari kuburnya putih kulitnya dan bercahaya-cahaya dan dapatlah kebahagiaan dan kesenangan dan melalui titian dengan cepat seolah-olah seperti kilat lakunya masuk ke dalam syurga.

Siapa-siapa puasa 3 hari berturut-turut mulai hari Rabu, Khamis, Jumaat, serta pergi ke masjid pada hari Jumaat dengan keadaan yang bersih dan bersedekah sekadar yang boleh, kemudian apabila selesai sembahyang Jumaat, berdoa dgn doa :

اللهم انى اسألك باسمك بسم الله الرحمن الرحيم الذي لا اله الا هو عالم الغيب والشهادة هو الرحمن الرحيم واسألك باسمك بسم الله الرحمن الرحيم, لا اله الا هو الحي القيوم لا تأخذه سنة ولا نوم الذي ملاءت عظمته السموات والأرض واسألك باسمك بسم الله الرحمن الرحيم الذي لا اله الا هوعنت له الوجوه وخضعت له الرقاب وخشعت له الابصار – ووجلت القلوب من خشيته, ذرفت منه العيون, ان تصلي على محمد وعلى ال محمد وان تعطينى حاجتي... (sebut apa yang dihajati)

Nescaya dimakbulkan akan hajatnya oleh Allah Taala. Sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wassalam. ertinya: “ Allah Taala tiada menolak permintaan orang yang berdoa’ yang dimulai denganبسم الله الرحمن الرحيم “.

Sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wassalam. ertinya : siapa-siapa daripada kamu hendak menulis jadikanlah ‘ بسم الله الرحمن الرحيم ’ pada awal tulisan kamu. Dan lagi sabdanya : siapa-siapa menulis ‘ بسم الله الرحمن الرحيم ’ dengan tiada dihapus nescaya mengurniai Allah Taala kepada 1000 (seribu) kebajikan dan menghapuskan 1000 (seribu) kejahatan “.

Siapa menulis ‘ بسم الله الرحمن الرحيم ’ dengan tulisan yang elok kerana memuliakan Allah Taala, nescaya mengampuni Allah Taala akan dosanya.

Siapa mengutip kertas yang ada padanya ‘ بسم الله الرحمن الرحيم ’ kerana takut terkena pijak, nescaya mengurniai Allah Taala kepadanya masuk kumpulan al-Siddiqin.

Dan setengah daripada tanda-tanda kelebihan ‘ بسم الله الرحمن الرحيم ’ itu ialah surah-surah dalam Al-Quran dimulai dengannya.

Jika ditulis ‘21 – ‘بسم الله الرحمن الرحيم (Dua Puluh Satu) kali pada suatu kertas, kemudian diberi pakai kepada budak-budak kecil yang selalu terkejut ketika tidur, nescaya hilang penyakitnya itu.

Siapa-siapa menulis '35 – 'بسم الله الرحمن الرحيم (Tiga Puluh Lima) kali pada suatu kertas, kemudian digantungkan dalam rumah, terpeliharalah rumah itu daripada Syaitan, Jin dan diberi kepadanya berkat yang banyak, dan memelihara oleh Allah akan hartanya dan usahanya serta terjauh daripada kesusahan.

Siapa- siapa menulis '101 – 'بسم الله الرحمن الرحيم (Seratus satu) kali pada kertas putih, kemudian tanamkan dalam kebun, nescaya subur tumbuh-tumbuhannya dan terpelihara daripada musuh-musuhnya. Walahu a'lam

**********

## FADILAT SURAH AL- FATIHAH (فاتحه)

Sabda Rasulullah ﷺ:
Ertinya: "Sesiapa membaca Al-Fatihah nescaya mendapat pahala baginya seumpama pahala orang yang membaca tujuh kali At Taurat, Al Injil, Az Zabur, Al Quran dan Suhuf (Idris dan Ibrahim)"

Dan tiap-tiap satu huruf yang dibacanya itu dikurniakan kepadanya satu darjah di dalam syurga yang luasnya seumpama perantaraan Bumi dengan Langit.

Sabda Rasulullah ﷺ.:
Ertinya: "Demi Allah sanya Al-Fatihah itu ialah 'Al Sab'ul masyaani ' dan Quran yang maha besar yang dikurniakan Allah Subhanahu Wa Taala kepada aku dan tidak ada dalam At Taurat, Al Injil, Az-Zabur dan Quran yang serupa dengannya."

Al-Fatihah sunat dibaca pada tiap-tiap kali hadir di masjid sebelum keluar daripadanya, Sabda Rasulullah ﷺ. ertinya: " Barang-barang yang dikeluarkan daripada harta perbendaharaan 'Arasy ialah empat perkara iaitu: Al-Fatihah, Ayat Kursi, dua ayat yang penghabisan surah Al Baqarah (285-286) dan surah Al-Kauthar."

Pahala orang yang membaca Al-Fatihah setimbang dengan pahala orang yang membaca dua pertiga(2/3) Al-Quran.

Sabda Rasulullah ﷺ. ertinya:
"Yang terlebih afdal dalam Al-Quran ialah 'ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ '

Sesiapa membaca Al-Fatihah dan "قُلْ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ",

nescaya sejahteralah daripada sekalian bencana yang lain selain daripada mati.

Sunat melafazkan 'Amin' ketika lepas membaca Al-Fatihah sama ada Al-Fatihah yang kita baca sendiri atau Al-Fatihah yang iman baca.

Sabda rasulullah ﷺ. ertinya: " Apabila selesai iman daripada membaca Al-Fatihah hendaklah kamu baca amin nescaya diperkenankan permintaan kamu."

Hadis Rasulullah ﷺ.:
"Pada suatu masa sedang rasulullah ﷺ. bersama dengan Abu Zaid berjalan pada suatu jalan di Madinah tiba-tiba kedengaran suara seorang lelaki sedang membaca Al-Fatihah lalu nabi ﷺ. bersabda: "Kita berhenti dengarkan Al-Fatihah ini hingga sempurna bacaannya."

Sabda Rasulullah ﷺ. ertinya: "Sesiapa membaca Al-Fatihah maka mendapat pahala baginya seumpama pahala orang yang membaca Al-Injil, Az-Zabur, At-Taurat, Al-Quran dan tiap-tiap satu ayat yang dibacanya itu baginya pahala seumpama menyedekahkan beberapa banyak emas kerana fiisabilillah dan terpelihara tubuhnya daripada masuk ke dalam api neraka dan kemudiannya daripada Nabi ialah orang yang terlebih kaya daripada orang-orang yang masuk ke dalam syurga."

Sabda Rasulullah ﷺ. ertinya: "Pada malam dibawaku daripada Baitullah ke Baitulmuqaddis, ketika ku berhenti di 'Arasy dan aku nampak Al-Fatihah dan sekalian Quran tertulis pada Lauh mutiara dan yakut, kemudian ku pohon daripada Allah Subhanahu Wa Taala akan dua perkara yang tersebut, supaya dikurniakan kepada umatku,

Firman Allah Subhanahu Wa Taala :
"Dua perkara yang tersebut Aku berikanlah kepada engkau dan umat engkau."

Kemudian aku bertanya pulak:
"Apa pahala orang yang membaca Al-Fatihah dan apa pahala orang yang membaca Quran."
Berfirman Allah Subhanahu Wa Taala :
"Wahai Muhammad, Al-Fatihah itu ada mengandungi tujuh ayat, maka aku haramkan-tutupkan atas orang yang membacanya tujuh pintu api neraka jahanam, dan orang yang membaca Quran aku berikan kepadanya pahala dengan tiap-tiap satu huruf yang dibacanya itu, satu pohon kayu daripada tanaman syurga yang mempunyai beberapa banyak nikmat."

Siapa-siapa yang membaca Al-Fatihah, nescaya adalah tiap-tiap satu ayat daripada Al-Fatihah itu mendinding baginya daripada neraka jahanam.

Siapa-siapa yang di dalam bilangan masuk neraka,

jika anaknya ada membaca 'ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ' nescaya diberhentikan azabnya selama 40 hari.

Siapa-siapa membaca sepuluh perkara yang disebut di bawah ini nescaya sejahtera daripada sepuluh perkara iaitu:

1. Surah Al-Fatihah- Menegahkan daripada kemurkaan Tuhan.
2. Surah Yaasin- Menegahkan dahaga pada hari kiamat.
3. Surah Ad Dhukhan- menegahkan huru-hara pada hari kiamat.
4. surah Al Waqi'ah- menegahkan daripada fakir.
5. Surah Al Mulk- Menegahkan daripada seksa kubur.
6. Surah Al Kauthar- menegahkan daripada perkelahian.
7. Surah Al-Kafirun- menegahkan daripada mati kafir.
8. Surah Al-Ikhlas- menegahkan daripada menjadi munafik.
9. Surah Al-Falaq- menegahkan daripada kena penjara.
10.Surah An-nisaa'- menegahkan daripada waswas.

Sabda Rasulullah ﷺ. ertinya: "sesiapa membaca Al-Fatihah dan surah Al-ikhlas, ketika kembali ke rumah, nescaya terjauh dari pada fakir-papa dan dapat kebajikan rumahnya beberapa banyak."

Jika dibaca Al-Fatihah empat puluh satu kali (41) dengan mewasalkan (menyambungkan) ' بِسۡمِ ٱللَّهِ' dan dihembuskan kepada orang sakit nescaya sembuh penyakitnya itu.

Siapa-siapa sentiasa membaca Al-Fatihah empat puluh satu kali (41) pada masa antara sembahyang sunat subuh dengan sembahyang subuh nescaya terlepas daripada hutang, sihat tubuhnya dan dikurniakan Allah Subhanahu Wa Taala akan dia kekayaan dan kemuliaan.

Siapa-siapa sentiasa membaca Al-Fatihah empat puluh satu kali (41) pada mata orang yang sakit ketika antara sembahyang sunat subuh dengan sembahyang subuh selama 40 hari berturut-turut akan sembuh sakit matanya itu.

Sesiapa membaca Al-Fatihah tujuh kali (7) pada suatu penyakit dengan meletakkan tangan ke atas tempat sakit itu dan berdoa:

اَللَّهُمَّ أَذْهَبْ عَنِّيْ سُوْءَ مَا أَجِدُ وَفُحْشَهُ بِدَعْوَةِ نَبِيِّكَ مُحَمَّدِ الْمُبَارَكَ الْمَكِيْنِ الأَمِيْنِ عِنْدَكَ

tujuh kali nescaya sembuh penyakitnya.

Siapa-siapa membaca Al-Fatihah pada pagi-pagi dan dihembuskan pada tangan kemudian disapukan pada muka dan perut nescaya tiada merasai dahaga dan lapar pada hari itu.

Jika ditulis Al-Fatihah pada suatu mangkuk yang bersih dan dihapuskan tulisan itu dengan air kemudian diberi minum kepada orang yang sakit atau disapukan pada sekalian badannya satu kali ataupun pada tempat yang sakit sahaja, tiga kali dan berdoa:

اللهم اشفي فانت الشافي اللهم اكفي فانت الكافي اللهم عاف فانت المعافي

Nescaya sembuh penyakit itu.

Jika ditulis Al-Fatihah dengan za'faran pada suatu bejana yang bersih kemudian dimasukkan dengan air mawar dan beri minum kepada orang yang benak selama tujuh hari berturut, teranglah hatinya.

Siapa-siapa sentiasa membaca Al-Fatihah pada tiap-tiap hari dan malam, hilanglah pemalasnya dan diperbaiki Allah Subhanahu Wa Taala akan kelakuannya zahir dan batin.

Siapa-siapa membaca Al-Fatihah 40 (empat puluh) kali dengan kaifiat yang di bawah ini, nescaya dapat apa-apa yang dihajatinya iaitu:

Baca Al-Fatihah lepas selesai daripada sembahyang maghrib dan sunat maghrib sebelum beralih dari tempat sembahyang itu, manakala selesai daripada membaca Al-Fatihah bermohon daripada Allah Taala apa-apa yang dihajati dan baca:

الهي علمك كافي عن السؤال اكفني بحق الفاتحه سؤالا .وكرمك كافي عن المقال

أكرمني بحق الفاتحه مقالا وحصل مافي ضميري

Siapa-siapa membaca Al-Fatihah dengan keadaan berwuduk 70 kali kemudian dihembuskan pada air yang bersih dan minum air itu pada tiap-tiap hari selama tujuh hari, mengurniai Allah Taala kepadanya ilmu hikmah dan kecerdikan dan bersihkan hatinya daripada perkara-perkara yang fasid (fasad)

Jika engkau hendak memperbaiki antara dua orang laki isteri atau dua yang bersaudara, tulislah Al-Fatihah menurut aturan yang tersebut di bawah ini:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ للّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ يحمد فلان ابن فلانة طاعة لله تعالى ولفاتحة الكتاب الشريفة -الرحمن الرحيم -يرحم فلان ابن فلانة لفلانة بنت فلانة طاعة لله تعالى ولفاتحة الشريفة -مالك يوم الدين - امتلك فلان بن فلانة

لفلانة بنت فلانة امتلاك عبودية ورءافة ورحمة وشفقة طاعة لله تعالى ولفاتحة الكتاب الشريفة -اياك نعبد واياك نستعين -استعان فلان ابن فلانة بالله وبسر فاتحة الكتاب الشريفة على فلان ابن فلانة ان يطعيه رغبا ورهبا وسرا وجهرا طاعه ومحبه له واقبالا فى الافعال والاقوال, واستعان بالله عليه وبسر الفاتحة الشريفة وفى الامتثال له تحت ارادته - اهدنا الصراط المستقيم اهتدى واستقام فلان بن فلانة لفلان بن فلانة استقامة ومحبة وعبودية وسمعا وخضوعا فى قوله من غير رجوع طاعة لله تعالى ولسر الفاتحة الشريفة -صراط الذين انعمت عليهم انعم فلان ابن فلانة لفلان بن فلانة بجميع ما يطلب منه وما يرجوه طاعة لله تعالى ولفاتحة الكتاب الشريفة محبة وشفقة ورحمة -غير المغضوب عليهم ولا الضالين امين ونزعنا ما فى صدورهم من غل اخوانا على سرر متقابلين لو انفقت ما فى الارض جميعا ما الفت بين قلوبهم ولكن الله الف بينهم انه عزيز حكيم

Tuliskan (فلان ابن فلانة لفلان بن فلانة) itu hendaklah tulis dengan nama dua orang yang dimaksudkan itu dan nama ibu keduanya seumpama Ahmad bin Fatimah li-Zainab binti A'isyah atau Ahmad bin Fatimah li-Osman bin A'isyah

Kaifiat menulisnya:
1. Orang yang menulisnya itu hendaklah suci daripada hadas.
2. Tulislah dengan za'faran, air mawar dan kasturi.
3. Ketika menulis hendaklah cucukkan pertengahan pada sebatang jarum yang berlubang dan gantungkanlah pada tempat angin yang bertiup kepada pihak orang yang dimaksudkan nescaya sampailah maksudnya dengan segera.

Dan lagi siapa hendak memperbaiki antara dua orang laki isteri atau dua yang bersaudara atau sahabat, buatlah bagaimana yang tersebut di bawah ini:

1. Ambil seurat benang daripada kedua-dua mereka yang dikehendaki bagi membaikkan antara keduanya.

2. Pintal kedua benang itu dan baca padanya 7 kali:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمنِ الرَّحِيمِ * وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا * يَاأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ. اللهم الف .......... و .............. كما الفت بين موسى وهارون, وكما الفت بين كما الفت بين جبرائيل وميكائيل عليهما السلام وبين خديجة الكبرى ومحمد رسول الله صلى الله عليه وسلم وبين فاطمة الزهراء وعلى المرتضى رضى الله عنهما . وكذلك اللهم الف بين .......... و .............. مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ * تُؤْتِي أُكُلَهَا كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ

Doa ini ada ijazah dari As-Sayid Baqir Al-Hasyimi, sebagaimana dalam bukunya iaitu At-Tuhfat Al-Hashimiah fi Mujarobat Al-Atarah Az-Zakiah (التحفة الهاشمية في مجربات العترة الزكية) Cuma di dalam versi Kitab Pati Rahsia agak berbeza sedikit iaitu penambahan doa kalimah toyyibah yang boleh ditemui dalam gerakan Ikhwanul Muslimun, Mesir (Surah Ibrahim:24-25)

Maksudnya: Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan ni`mat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliyah) bermusuh-musuhan, maka Allah mempersatukan hatimu, lalu menjadilah kamu kerana ni`mat Allah, orang-orang yang bersaudara;.(Ali-`Imraan:103) Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal. (Al-Hujuraat:013*) Ya Tuhanku, satukan antara ....... dan ........ seperti bersatu antara Musa dan Harun, dan juga satukan bersama-sama seperti bersatunya antara Mikail dan Jibril a.s, dan antara Khadijah Al-Kubro dengan Muhammad ﷺ, antara Fatimah Zahrah dengan Ali Mutadha Radiallahuanhu serta Ya Tuhanku, satukan antara ....... dan ........* perumpamaan kalimat yang baik seperti pohon yang baik, akarnya teguh dan cabangnya (menjulang) ke langit, pohon itu memberikan buahnya pada setiap musim dengan seizin Tuhannya. Allah membuat perumpamaan-perumpamaan itu untuk manusia supaya mereka selalu ingat. (Ibrahim:24-25)

Pada tanda titik-titik itu hendaklah sebut nama kedua orang yang dimaksud serta nama ibunya umpama: Husain bin Fatimah wa Uthman bin Zainab.

3. Tiap-tiap kali habis baca doa yang tersebut, simpullah benang itu sekali.

4. Kemudian beri pakai salah seorang daripada keduanya nescaya mereka itu akan berbaik-baik dan berkasih-kasihan.

Asal Al-Fatihah yang tersebut di bawah ini ialah seorang alim dapat di Madinah Al-Munawwarah dengan tiada mempunyai ijazah, tak berapa lama ia bermimpi berjumpa dengan sayidina Ali lalu dikucupnya tangan sayidina Ali dan meminta ijazah kepadanya, kemudian di khabarkan mimpinya kepada Syaikh Muhammad Sanusi Al-maghribi lalu jawabnya, ijazah yang seperti itu memadailah dan ambilkanlah olehmu akan Al-Fatihah yang engkau dapat itu:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ للّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، ياحي ياقيوم ، أجب يا روقائيل وسخّر لي قلوبجميع المخلوقات الروحانيات من العلويات والسفليات ، سميعاً مطيعاً بحق الحمد لله رب العالمين وبحق الحي القيوم وبحق الملك أبجد الموكل بالقوائم العرشية ، الرحمن الرحيم ، يارحمن يارحيم يارؤوف ياعطوف ، أجب يا جبرائيل وسخّر لي قلوب جميع المخلوقات الروحانيات من العلويات والسفليات ، سميعاً مطيعاً بحق الرحمن الرحيم وبحق الرؤوف العطوف وبحق الملك هودح الموكل بالقوائم العرشية ، مالك يوم الدين ، يامقلب القلوب ، أجب ياسمائيل ، وسخّر لي قلوب جميع المخلوقات الروحانيات من العلويات والسفليات ، سميعاً مطيعاً بحق مالك يوم الدين وبحق مقلب القلوب وبحق الملك طيكل الموكل بالقوائم العرشية ، إياك نعبد وإياك نستعين ، ياسريع يا قريب يا مستعان ،أجب يا ميكائيل وسخّر لي قلوب جميع المخلوقات الروحانيات من العلويات والسفليات سميعاً مطيعاً بحق إياك نعبد وإياك نستعين وبحق السريع القريب وبحق الملك منلسع الموكل بالقوائم العرشية ، إهدنا الصراط المستقيم ، يا قادر يا مقتدر ، أجب ياإسرافيل وسخّر لي قلوب جميع المخلوقات

الروحانيات من العلويات والسفليات سميعاًمطيعاً بحق إهدنا الصراط المستقيم ، وبحق القادر المقتدر و بحق الملك فصقر الموكل بالقوائم العرشية غير المغضوب عليهم ولا الضالين ، ياقائم ياعزيز ، أجب يا عزرائيل وسخّر لي قلوب جميع المخلوقات الروحانيات من العلويات والسفليات سميعاً مطيعاً بحق غير المغضوب عليهم ولا الضالين ، وبحق القائم العزيز وبحق الملك ذضظغ الموكل بالقوائم العرشية اللهم إنه ليس في السماوات دورات ، ولا في الأرضين غبرات، و لافي الأبحار قطرات ولا في الجبال مدرات ، ولا في الأشجار ورقات ولا في العباد حركات ، ولا في العيون لحظات ولا في الأنفاس خطوات إلا بديمومتك عارفات ولك شاهدات وعليك دالات وفي ملكك مسخرات ، فبالقدرة التي سخّرت بها أهل الأرض وأهل السماوات ،سخّر لي مطلووبي ، وسخّر لي قلوب جميع المخلوقات الروحانيات من العلويات والسفليات، سميعاً مطيعاً بحق محمد وآله أجمعين يارب العالمين ، إنك على كل شيء قدير "

Maka siapa sentiasa membaca Al-Fatihah yang tersebut itu satu kali pada tiap-tiap malam nescaya dapat apa-apa yang dihajatinya dan terjauh daripada bala dunia akhirat dan lembut hati sekalian manusia menurut kepadanya.

Jika dibaca Al-Fatihah yang tersebut dengan kaifiat yang di bawah ini, nescaya dapat apa-apa perkara yang di citanya iaitu:

Berwuduk dan bersih sekalian anggotanya dan pakaian kemudian sembahyang sunat dua rakaat, lepas sembahyang baca istighfar tujuh puluh kali dan berselawat kepada nabi 70 kali, bacalah Al-Fatihah yang tersebut dan kemudian penuhkan apa-apa yang engkau kehendaki.

Siapa-siapa membaca Al-Fatihah tujuh kali, surah al-ikhlas tujuh kali, surah al-falaq tujuh kali dan surah an-nas tujuh kali lepas dari pada sembahyang Jumaat sebelum mengubah kedudukannya nescaya diampuni akan dosanya.

Ibnu Abbas ra. bercerita: Pada suatu ketika Jibrail berada di sisi Nabi ﷺ. tiba-tiba terdengar suara dari atas, maka ia mengangkat kepalanya dan berkata: ini sebuah pintu di langit, pada hari

ini dibuka, dan turun seorang malaikat, memberi salam dan berkata:"(Bergembiralah dengan dua cahaya penerangan yang diberikan oleh Allah kepadamu, dan belum pernah diberikan kepada seseorang Nabi sebelum kamu, iaitu: Fatihul kitab dan akhir surah Al-Baqarah. Tiada engkau membaca suatu huruf daripadanya, melainkan pasti permintaanmu di beri)." (Sahih Muslim)

Al-Syahid Hasan al-Banna dalam risalahnya – Mukadimah fi al-Tafsir – berkata: “Tiada syak siapa yang tadabbur Al-Fatihah yang mulia ini pasti dapat melihat kayanya makna dan keindahannya serta keserasiannya, antara lain dapat dilimpahi cahaya pada hatinya.”

Al-Syahid Syed Qutub dalam tafsirnya – Fi Zilal al-Quran antara lain berkata: “Sesungguhnya surah ini mengandungi inti pati aqidah Islamiyyah Tasawur Islami, perasaan dan harapan doa kepada Ilahi yang diisyaratkan daripada hikmah pemilihan surah ini pada setiap rakaat sembahyang.”

Al-Syeikh Abdul Rahman Habannakah al-Midani di dalam kitabnya Ma’arij al-Tafakkur membahagikan intipati Al-Fatihah kepada empat, iaitu asas iman yang wajib diimani hamba-hamba Allah yang diujinya ketika berkelana di dunia secara mesti, kedua tuntutan Allah terhadap hambanya beribadat dan bergantung kepadanya tanpa sekatan dengan yang lain, ketiga, agama pilihan Allah bagi hamba-hambaNya yang diuji hanya sirat al-mustaqim yang dapat kemenangan yang disuruh pohon hidayah kepadaNya dan keempat dua masa ujian, ujian di dunia dalam kehidupan semenjak lahir dan hingga kiamat terhadap tuntutan Allah. Justeru, dinamakan surah ini Um al-Quran kerana rangkuman segala inti pati al-Quran.

**********

## FADILAT SURAH AL-IKHLAS (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ)

Dari Abu Said al-Khudri Radiallahuanhu. pula bahawasanya ada seorang lelaki mendengar orang lelaki lain membaca: Qul huwAllahu ahad, dan seterusnya - dan orang itu mengulang- ulanginya. Setelah datang pagi harinya, orang yang mendengar itu pergi ke tempat Rasulullah ﷺ. lalu menyebutkan pada beliau ﷺ. apa yang didengarnya, seolah-olah orang ini menganggapnya sebagai amalan yang kecil saja - kurang bererti. Kemudian Rasulultah ﷺ. bersabda: "Demi Zat yang jiwaku ada di dalam genggamanNya, sesungguhnya surat al-lkhlas itu nescayalah menyamai - pahalanya dengan membaca - sepertiga al-Quran." (Riwayat Bukhari)

Nabi Muhammad ﷺ. bersabda: Sesiapa yang membaca Surah Al-Ikhlas sebanyak 10 kali, maka Allah berkenaan membangunkan baginya mahligai di syurga. (Riwayat Muslim).
Rasullullah pernah bersabda "Barang siapa yang membaca surah al-ikhlas sebanyak 11 kali selepas sembahyang subuh maka tidak akan sampai dosa kepadanya, meskipun syaitan telah berusaha bersungguh-sungguh."

Sabda Rasulullah ﷺ ertinya, Sesiapa membaca (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) 11 kali pada tiap-tiap lepas sembahyang, dibenarkan baginya mengahwini anak bidadari mana-mana yang disukainya.

Sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam ertinya, Sesiapa membaca (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) 50 kali pada tiap-tiap hari, nescaya dibangunkan daripada kuburnya terus ke syurga.

Sabda Rasulullah ﷺ ertinya, Sesiapa membaca (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) 100 kali dan tiada menzalimi manusia dan tiada mencuri, tiada berzina dan tiada minum yang memabukkan, nescaya mengampuni Allah Taala baginya akan kesilapan yang diperbuatnya di dalam masa lima puluh tahun.

Sabda Rasulullah ﷺ ertinya, Sesiapa membaca (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) 200 kali pada tiap-tiap hari serta ia tiada mempunyai hutang, nescaya dituliskan baginya seribu lima ratus kebajikan dan dihapuskan dosanya yang telah diperbuat dalam masa lima puluh tahun.

Sabda Rasulullah ﷺ ertinya, Sesiapa membaca (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) 21 kali ketika hendak tidur, dan merebahkan dirinya mengiring ke sebelah kanan nescaya menyeru Allah Taala kepadanya pada hari kiamat dengan firmannya, "Wahai hambaku, pergilah engkau ke pihak kanan masuk ke dalam syurga".

Sabda Rasulullah ﷺ ertinya, Sesiapa membaca (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) 100,000 kali, nescaya dikurniai kepadanya pahala seumpama orang yang telah menebus dirinya daripada neraka.

Sabda Rasulullah ﷺ ertinya, Sesiapa membaca (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) 1000 kali, dikurniakan kepadanya kesukaannya dan di tempatkan di syurga.

Sabda Rasulullah ﷺ ertinya, orang yang membaca (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) 1000 kali itu dikasihi Allah Taala terlebih daripada orang yang membelanjakan dua ratus ekor kudanya kerana perang sabil.

Sabda Rasulullah ﷺ ertinya, Sesiapa membaca (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) 3 kali ketika masuk ke dalam rumahnya, terpelihara daripada papa dan dikasihi oleh jirannya.

Sabda Rasulullah ﷺ ertinya, Sesiapa sembahyang dan membaca (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) dengan kaifiat yang tersebut di bawah ini, nescaya terlepas daripada hutangnya dan terjauh daripada papa dan

jika menjajah ke negeri asing, nescaya kembali ke negerinya dengan selamat dan sekiranya dipohonkan anak daripada Allah Taala, mudah-mudahan diperkenankan. Kaifiatnya:

Sembahyang sunat empat rakaat dan satu salam dan dengan wuduk yang baharu, pada suatu tempat yang sunyi daripada manusia.

Pada rakaat yang pertama baca Al-Fatihah sekali dan (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) sepuluh kali.

Rakaat kedua baca Al-Fatihah sekali dan (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) dua puluh kali.

Rakaat ketiga dibaca Al-Fatihah sekali dan (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) tiga puluh kali.

Rakaat keempat dibaca Al-Fatihah sekali dan (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) empat puluh kali

Manakala selesai daripada memberi salam, baca (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) lima puluh kali dan berselawat kepada Nabi Muhammad ﷺ lima puluh kali, istighfar lima puluh kali dan baca (لاحول ولا قوة الا بالله العلي العظيم) 50 kali, kemudian pohonkan apa-apa yang dihajati.

Menurut Hadis Al-Baihaqi, dari Umamah Al-Bahili, bahawa Jibrail telah mendatangi Nabi ﷺ bersama dengan 70.000 Malaikat di Tabuk Jibrail berkata :"Rasulullah, saksikan jenazah Muawiyah dari Tabuk bersama Jibrail dan sejumlah Malaikat lain. Kemudian Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam bersabda :" Jibrail, apa sebabnya Mu'awiyah beroleh martabat seperti itu.? Jibrail menjawab :"Dia memperoleh kehormatan itu, akibat membaca "Qul HuwAllahu Ahad setiap hari, sedang berdiri, duduk, ruku' dan berjalan."

Sabda Rasulullah ﷺ ertinya barang siapa kasih membaca (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) dengan sebenar-benar kasih, nescaya di tempatkan di syurga.

Bahawasanya Nabi ﷺ membaca (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) , (قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ) dan (قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ) dengan dihembuskan kepada kedua tangannya dan di sapukan kepada sekalian tubuhnya iaitu pada masa sakitnya dan ketika hendak beradu. Dan juga Rasulullah bersabda sesiapa sakit, buatlah seperti demikian itu.

Barang siapa yang membaca (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) 1001 kali serta membaca bismillah pada permulaan sekali sahaja dengan tiada berhenti hingga sampai genap bilangan yang tersebut itu, serta tidak campur dengan perkataan yang lain nescaya memperoleh beberapa banyak kebajikan dan sejahtera daripada kejahatan dunia dan akhirat.

Sabda Rasulullah ﷺ ertinya, sesiapa yang lupa membaca bismillah pada permulaan makan, bacalah (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) ketika selesai daripada makan.

Bahawasanya daripada wali Baserah ada yang bermimpi melihat Thabit ibnu Albanani bersaing dengan malaikat seperti orang yang sama-sama terbang lalu bertanya wali itu kepadanya: "Apakah sebab engkau dapat pangkat yang semulia-mulia ini?" Jawabnya, "adapun sebabnya ialah kerana aku sabar dan mengucapkan syukur ke hadrat tuhan dan aku beramal membaca (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) beberapa banyak.

Jika ditulis (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) dan (بسم الله الرحمن الرحيم') tujuh kali pada bekas-bekas seumpama mangkuk yang diperbuat daripada tanah, kemudian dihapuskan dengan air dan diberi minum kepada orang yang sakit, mudah-mudahan dengan kurnia Allah sembuh kesakitan itu.

Sanya adalah Rasulullah ﷺ, tiap-tiap kali berbaring hendak beradu, ada menghembuskan bacaan-bacaan surah (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) , (قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ) dan (قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ) kepada dua belah tangannya dan sapukan kepada muka kemudian pada sekalian tubuhnya, dengan tiga kali diperbuatnya berturut-turut.

Sabda Rasulullah ﷺ ertinya, sesiapa membaca surah (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) , (قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ) dan (قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ) tiga kali tiap-tiap pagi dan petang, nescaya tiada mengenai apa-apa kesusahan kepadanya.

Sesiapa membaca surah (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) , (قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ) dan (قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ) tujuh kali kemudian daripada sembahyang Jumaat, nescaya terpelihara daripada perkara-perkara yang keji hingga Jumaat yang hadapan.

Sesiapa yang membaca (بسم الله الرحمن الرحيم') dan hingga (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) akhirnya, nescaya Allah Taala mengampuni dosanya yang terjadi pada masa lima puluh tahun.

Sesiapa yang membaca (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) pada sakit yang membawa kepada matinya, nescaya dapat kelepasan baginya daripada fitnah dan kepicikan kubur, dan apabila hari kiamat, mengangkatkan dia oleh malaikat dengan sayapnya hingga selamat melalui sirat dan masuk ke syurga.
Sabda Rasulullah ﷺ ertinya barang siapa ayng mengerjakan suruhan agamanya dan berkehendak memelihara akan diri daripada api neraka hendaklah bersedekah sebanyak dua belas ribu (12000) dirham dan jika orang yang tiada mempunyai harta, hendaklah baca kali (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) 12000 kali.

Peringatan: Telah dikira satu dirham itu dua belas sen setengah, maka 12000 dirham itu dijadikan ringgit 1500 ialah perbelanjaan pada masa tahun 1365H. Harga 1 Dirham sewaktu buku ini ditulis ialah RM30 bertarikh 6 Mei 2011, maka 12000 dirham bersamaan RM360,000.

**********

**FADILAT SURAH AL-FALAQ DAN AN-NAS**

**(قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ) (قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ)**

Sabda Rasulullah ﷺ ertinya, jampinya yang terlebih afdal dibaca kerana hendak menghilangkan ketakutan, bacalah surah (قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ) dan (قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ).

Siapa membaca surah (قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ) dan (قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ) empat puluh satu kali pada orang yang kena sihir, insya Allah akan terlepas daripada sihirnya tujuh hari, Insya Allah akan sembuh penyakitnya itu.

**********

**FADILAT AYAT KURSI** (الْمُلْكُ)

Sabda Rasulullah ﷺ ertinya, barang siapa membaca ayat Kursi kemudian sembahyang, nescaya diberi kepadanya mana-mana syurga ia suka masuk.

Sabda Rasulullah ﷺ ertinya, barang siapa yang sentiasa beramal membaca ayat Kursi pada tiap-tiap lepas sembahyang nescaya di beri pahala kepadanya seumpama pahala orang al-muttaqin dan pahala amal  as-sidiqin.

Sesiapa yang membaca ayat Kursi sebagaimana yang diamalkan oleh orang-orang siddiq dan abid, iaitu pada tiap-tiap lepas sembahyang, nescaya mendapat syurga.

Sesiapa yang membaca ayat Kursi semasa hendak tidur nescaya  mengurniakan Allah padanya dan jiran-jirannya keselamatan.

Sesiapa yang membaca ayat Kursi selepas sembahyang nescaya Allah memeliharanya sampai sembahyang yang di hadapan nya.

Sesiapa yang selesai sembahyang fardu sunat bagi nya membaca ayat Kursi dan akan dikurniakan baginya balasan pahala yang banyak dan mendapat darjat yang tinggi di dalam syurga.

Sesiapa yang membaca ayat Kursi dan ayat-ayat di bawah ini ketika selesai tiap-tiap sembahyang nescaya memperoleh apa-apa yang dihajati dan terpelihara daripada seteru dan terlepas daripada hasad dengki dan akan mengurniakan Allah kepada nya tempat kediaman di dalam syurga, iaitu:

Baca Al-Fatihah, ayat Kursi, dan surah Ali-Imran (18-19):

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُوالْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ * إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Allah menyatakan bahawasanya tidak ada Tuhan melainkan Dia (yang berhak disembah), Yang menegakkan keadilan. Para Malaikat dan orang-orang yang berilmu [188] (juga menyatakan yang demikian itu). Tak ada Tuhan melainkan Dia (yang berhak disembah), Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. Sesungguhnya agama (yang diredai) di sisi Allah hanyalah Islam. Tiada berselisih orang-orang yang telah diberi Al-Kitab kecuali sesudah datang pengetahuan kepada mereka, kerana kedengkian (yang ada) di antara mereka. Barang siapa yang kafir terhadap ayat-ayat Allah maka sesungguhnya Allah sangat cepat hisabNya.

Sesiapa yang membaca ayat Kursi sebanyak 170 kali pada waktu tengah malam kerana sesuatu hajat nescaya di peroleh apa-apa yang dihajatinya itu.

Sesiapa yang membaca ayat Kursi sebanyak 170 kali dan kemudian membaca :

ياكافي ياغنى يافتاح يارزاق (3000 kali)

nescaya mudah rezekinya dan memperoleh apa-apa yang dihajati serta mewah kehidupan.
Sesiapa yang membaca ayat Kursi sebanyak 201 kali kemudian berdoa memohon apa-apa yang dihajati, nescaya dimakbulkan permintaan itu.

Sesiapa yang membaca ayat Kursi sebanyak 313 kali nescaya dikurniakan kepada nya kebajikan yang banyak dan mencukupi baginya apa-apa yang diusahakannya.

Sesiapa yang membaca ayat Kursi sebanyak 170 kali kemudian berdoa memohonkan hajat ketika tengah malam pada tempat yang bersih dan sunyi daripada manusia nescaya diperoleh dengan segera apa-apa yang dihajatinya itu.

Sesiapa yang naik marah bacalah ayat Kursi dan ludahkan ke sebelah kiri nescaya dijauhkan nya daripada syaitan yang memanaskan hatinya dan berhenti daripada marahnya itu.

Sesiapa yang membaca ayat Kursi sebanyak 170 kali nescaya memperoleh pangkat yang mulia serta dikasihi orang akan dia dan dibukakan kepadanya jalan kebajikan.

Sesiapa yang beramal dan membaca ayat Kursi sebanyak 1000 kali pada tiap-tiap hari dan malam selama 40 hari berturut-turut nescaya akan dikurniakan Allah kepadanya dapat memandang rohani yang terang dan datang malaikat menziarahi kepadanya dan memperoleh apa-apa yang dimaksudkan.

Barang siapa yang menjadikan ayat Kursi menjadikan wirid sebanyak 1000 kali pada tiap-tiap hari nescaya dapat apa yang di citanya.

Sesiapa yang hendak terang hatinya dan menambahkan kecerdikannya bacalah ayat Kursi sebanyak 170 kali pada sebuah bekas air hujan kemudian minum air itu nescaya dikurniakan Allah hajatnya itu.

Telah berkata syeikh Abul Farij menceritakan ajaran gurunya berkenaan ayat Kursi katanya, amalkan olehmu akan ayat Kursi pada mana masa kerana manfaatnya banyak dan baca pada suatu kesusahan nescaya engkau dapat faedahnya engkau orang yang tidak berdosa dan tidak membuat perkara-perkara maksiat dan setelah lepas membaca iaitu ketika berdoa ingatkan aku (Syeikh Abul Farij) sebelum dapat apa-apa yang engkau minta janganlah berkata sudah aku baca tidak juga makbul hajat itu kerana berdosa ataupun tidak cukup syarat-syaratnya ataupun Allah sudah makbul tetapi belum sampai masa lagi untuk mendapatkannya.

Sesiapa yang membaca ayat Kursi sebanyak 5 kali atau 7 kali atau 17 kali pada tiap-tiap kali keluar dari rumah nescaya selamat dalam perjalanannya pergi dan pulang.

Sesiapa yang menjadikannya ayat Kursi itu wirid lepas tiap-tiap sembahyang membaca 17 kali nescaya dikasihi kepadanya malaikat dan sekalian makhluk dan diterima orang akan perkataannya dan hebat pada seteru nya.

Sesiapa yang sentiasa berwirid membaca ayat Kursi pada tiap-tiap sembahyang fardu pagi dan petang dan ketika masuk rumah dan hendak tidur, hendak pergi ke mana-mana dan hendak musafir nescaya di jauh Allah daripada tipu daya syaitan dan terpelihara daripada aniaya manusia dan daripada kejahatan binatang selamat ahlinya, anaknya, rumahnya dengan peliharaan Allah Taala.

Sesiapa yang sentiasa membaca ayat Kursi 7 kali pada tiap-tiap hari nescaya Allah masukkan dalam pemeliharaannya.

Telah berkata al-Ustaz al-Fadil Kamil al-haj Ibrahim kepada murid-muridnya:
Apabila susah bagi kamu hendak mencapai sesuatu hajat atau lemah menolak kan kejahatan bacalah ayat Kursi sebagaimana yang kita baca dalam perjalanan kita dalam hujan dan hujan tidak mengenai kita bacalah ayat Kursi seberapa banyak manakala sampai pada perkataan ( وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ) ulanglah sampai 70 kali pada tiap-tiap sekali baca.

Sesiapa yang berjumpa dengan orang yang kita takut akan kelebihannya atau orang yang jahat bacalah ayat tersebut di bawah ini ketika hendak masuk berjumpa atau di mana-mana nescaya tidak dapat mereka bercakap kasar atau membuat aniaya iaitu baca ayat Kursi dan

يا حي يا قيوم يا بديع السموات والأرض يا ذا الجلال والإكرام أسألك بحق هذه الآية الكريمة وما فيها من الأسماء العظيمة أن تلجم فاه عنى وتخرس لسانه حتى لا ينطق إلا بخير أو يصمت . خيرك يا هذا بين عينك , وشرك تحت قدميك

Sesiapa yang hendak hilangkan penyakit balgham bacalah ayat Kursi dengan kaifiat yang tersebut di bawah ini nescaya sembuh dengan izinnya iaitu ambil garam putih yang kecil sebanyak tujuh buku pada tiap-tiap hari selama tujuh hari berturut-turut dan pada tiap-tiap sebuku garam baca ayat Kursi sekali kemudian kulum sampai hancur.

Sesiapa yang membaca ayat Kursi sebanyak 170 kali dan berdoa seperti yang tersebut di bawah ini sekali pada tiap-tiap hari nescaya dibukakan Allah kepadanya akan rahsia-rahsia yang di maksudkannya dengan mudah memperoleh apa-apa yang di hajatinya berserta sekalian manusia sukakannya iaitu:

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ والصلاة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه والسلام, اللهم إني أسألك و أتوسل إليك يا الله يا الله يا الله يا رحمن يا رحمن يا رحمن يا رحيم يارحيم يارحيم ياهٍ ياهٍ ياهٍ يا رباه يا رباه يا رباه ياسيداه ياسيداه ياسيداه يا هو ياهو ياهو يا غياثي عند شدتي يا أنيسي عند وحشتي يا مجيبي عند دعوتي يا مفرج كربتي يا الله يا الله يا الله

( الله لا اله إلا هو الحي القيوم)

يا حي يا قيوم يا من قامت السموات و الأرض بأمره يا جامع المخلوقات تحت لطفه و قهره بأمره و نهيه أسألك اللهم أن تسخر لي روحانية هذه الآية الشريفة يستجيبوا لي و يقضوا حاجتي وهي(كذا وكذا) يا من ,

(لا تأخذه سنة و لا نوم)

أهدنا إلى الحق و إلى الطريق المستقيم حتى أستريح من اللوم لا اله إلا أنت سبحانك إني كنت من الظالمين ملكني التصريف يا من

(له ما في السموات و ما في الأرض من ذا الذي يشفع عنده إلا بإذنه )

اللهم اشفع في و أرشدني فيما أريد من قضاء حاجتي و اثبات قولي و فعلي و عملي و بارك لي في أهلي يا من,

(يعلم ما بين أيديهم و ما خلفهم و لا يحيطون بشيء من علمه الا بما شاء )

يا من يعلم ضمير عباده سرا و جهرا, أسألك اللهم إن تسخر لي خادم هذه الآية , العظيمة و الدعوة الكريمة يكون لي عونا على قضاء حوائجي (هيلا هيلا جولا جولا ملكا ملكا )يا من لا يتصرف في ملكه إلا بما شاء,

( وسع كرسيه السماوات و الأرض )

سخر لي عبدك كندياس حتى يكلمني في حال يقظتي و يمتثل أمري يا من

(ولا يؤوده حفظهما و هو العلي العظيم )

اللهم إني أسألك يا علي يا حكيم يا حميد يا مجيد يا باعث يا شهيد يا حق يا وكيل يا قوي يا متين كن لي عونا و معينا و حافظا و ناصرا و آمنا و سخر لي خلقك الروحانيين حتى يأتوني خاضعين طائعين اللهم إني توكلت عليك و سلمت أمري إليك اللهم لا ملجأ

و لا منجا منك الا إليك أشكو إليك ما لا يخفى عليك اللهم وفقني بخيرك و ارزقني بفضلك بالف الف لا حول و لا قوة إلا بالله العلي العظيم.

أجبني أيها الملك كندياس أنت و خدامك و أعوانك و أعينوني في جميع أموري بحق ما تعتقدونه من العظمة و الكبرياء و بحق هذه الآية العظيمة و بحق محمد وال محمد أجب أيها السيد كندياس أسرع من البرق (و ما أمرنا إلا واحدة كلمح بالبصر أو هو أقرب إن الله على كل شيء قدير) .

اللهم اجعل لي برهانا يورثني إيمانا و انسني بك عن كل مطلوب بعون عنايتك في نيل كل مرغوب يا قدير يا جليل يا قادر يا عظيم يا ناصر (كتب الله لأغبن أنا و رسلي إن الله قوي عزيز),

و صلى الله على محمد وال محمد الطيبين الطاهرين

Sesiapa membaca ayat Kursi sebanyak 17 kali ketika lepas sembahyang asar pada hari Jumaat mudah-mudahan memberi Allah satu macam perubahan yang baik pada perasaannya ketika itu pohonkanlah apa-apa yang dihajati nescaya dimakbulkan Allah subhanahu wa taala.

Sesiapa yang membaca ayat Kursi pada hari Jumaat mulai lepas sembahyang asar sampai maghrib nescaya dikurniakan Allah padanya hikmah dan kebajikan yang banyak.

Sesiapa yang menulis ayat Kursi pada bekas yang diperbuat daripada kaca dan minum airnya dengan kaifiat yang tersebut di bawah ini dikurniakan Allah padanya hikmat-hikmat yang banyak dan ilmu-ilmu yang dihajatinya.

Tuliskan ayat Kursi dengan zafaran,air mawar, air hujan dan kasturi dengan huruf bercerai.
1. Ketika menulis hendaklah berpuasa mulai 1 hari bulan hingga 50 hari
2. Pada tiap-tiap hari ketika hendak berbuka bacalah

اللهم اني أسألك هذه الاية الشريفة ان تلهمن العلم

Setelah sudah berbukalah dengan air ayat Kursi yang ditulis itu.

Sesiapa yang menulis ayat Kursi di atas pintu rumahnya atau di atas pintu kebunnya nescaya di kurniakan Allah rezeki yang banyak dan terpelihara daripada pencuri.

Sesiapa yang membaca ayat Kursi tatkala keluar rumah nescaya dikurniakan Allah segala hajatnya dan diampuni segala dosanya dan dihalau daripadanya segala syaitan dan mewakili Allah taala beberapa malaikat yang memelihara dia daripada usikan jin, manusia dan daripada sebarang yang ditakuti olehnya.

**********

## KETIKA YANG MUSTAJAB BERDOA YANG TELAH MASYHUR DI SISI AHLINYA

1. Tiap-tiap lepas sembahyang fardu.
2. Satu pertiga yang akhir daripada mana-mana malam, istimewa pula pada malam Jumaat (dahulu daripada masuk waktu subuh)

3. Lepas daripada sembahyang asar (di dalam waktu asar hingga jatuh matahari tiap-tiap hari Jumaat)
4. Lain ketika hendaklah mengikut bagaimana yang telah di sebutkan pada tempat yang berkenaan dengan mana-mana surah, ayat, selawat dan lainnya.
5. Jikalau sekiranya kita ada terkena kesusahan apa-apa, tiada masa bagi kita menunggu ketika-ketika yang ditentukan itu, bacalah dan doa tiap-tiap seorang yang dikehendakinya dan yakinlah dengan kuat, bahawa Allah mengurniakan apa-apa permohonan kita dan Allah jua yang berkuasa di atas tiap-tiap suatu berserahlah kepadanya. Hadis: Ertinya sesiapa suka supaya Allah taala menerima dan memperkenankan permohonan pada masa datang bala, atau pada mana-mana kesusahan, banyakkanlah berdoa pada masa di dalam kesenangan.

**********

## HURUF RA'

(ر)

Tabiatnya sejuk darjah yang kelima, jika ditulis huruf ini pada ketika al-qomar di bintangnya pada sekeping timah dan ditanggung nescaya jadilah pembukaan rahsia kebesaran Allah kepada engkau. Jika ditulis dan diletakkan ke dalam bekas penjirus tanam-tanaman, nescaya subur dan berbuahlah.

Huruf ini ada baginya khalwat dan riadah mendatangkan khadam, hendaklah baca doa ini dan bacaannya tiap-tiap lepas sembahyang. Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم, رب اسألك مددا روحانيا تقوى به قواي الجزئية والكلية, حتى اقهر نفسى, كل جبار في الكليات والجزئيات حتى تصير نفسي نفسية فتنقبض اليه اشارة دقائقها انقباضا يسقط بها قواي حتى لايبقي فى الكون ذو روح الا واننار احمدتها يظهورهم كقولك ياعزيز تسخرلي خادم حرف الرأ وسرخاصيته حتى اقضى بها شغلى ومرادي وامرديني ياالله ياقوي ياذا القوة والبطش الشديد ياهادي يانور ياحي ياقيم يهوه يهوه يموه يموه اهياشر اهيا ادوناي اصباءوت ال شداي يهوه يهوه ياه ياه هو هي هو هو هي هو وجهي وجاهي شاشا هيا بهيا يايه ياه ياإله الالهة الرفيع جلالله هيا يارا بالا جابة يالف لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم

Inilah bacaannya:

اجب ايها السيدهر يائيل بحق شطيق حميسد حيوم قيوم رءوف رءوف لهليخ يموه يموه ياه ياه الوحا العجل

Doa ini lebih kurang sama dengan Doa Untuk Mendapatkan Bantuan Ghaib/Ruhaniyah, As-Syaikh Ali Al-Makki R.A, Ini adalah suatu warisan yang berharga dari Ulama salafus-sholih. Doa ini termasuk doa besar. Di ajarkan oleh As-Syaikh Ali Al-Makki R.a. Beliau menceritakan suatu kesulitan yang pernah dialaminya. Terjadi perselisihan faham yang mengancam keselamatan jiwa beliau. Keadaan itu membuat beliau susah dan cemas. Sampai suatu hari didapatinya di dalam sakunya sepotong kertas berisi sebuah lafaz doa. Dan beliau sadar betul bahawa tidak seorang pun yang memberikan kertas berisi doa tersebut kepadanya. Yang menghairankan lagi pada malamnya beliau bermimpi bertemu seseorang yang berpakaian lazimnya dipakai orang-orang soleh yang zahid. Dan berkata padanya," Kami berikan doa itu padamu, maka engkau berdoalah dengannya. Nescaya engkau akan selamat dan lolos dari kesulitan yang menimpamu."

بسم الله الرحمن الرحيم, رب اسألك مددا روحانيا تقوى به قواي الجزئية والكلية, حتى اقهر بمبادى نفسى, كل نفسى قاهرة فتنقبض لي اشارة دقائقها انقباضا تسقط به

قواها حتى لايبقى فى الكون ذو روح الا ونار قهري قد احرقت ظهوره يا شديد ياشديد

ياذا البطش الشديد, ياقاهر ياقهار, اسالك بما اودعته عزرائيل من اسمائك القهرية,

فانفعلت له النفوس بالقهر ان تودعني هذا السر فى هذه الساعة حتى الين به كل

صعب, واذلل به كل منيع بقوتك يا ذا القوة المتين.

*********

**HURUF SYIN**

**(ش)**

Tabiatnya panas belengas, khasiatnya membaiki di antara yang berkelahi. Hendaklah tulis huruf serta dengan nama yang dikehendaki dan bacaannya pada ketika yang baik dan ditanggung nescaya hasillah kebaikan di antara keduanya.

Jika ditulis huruf ini dengan terbalik atas timah serta bacaannya dan di tanam pada tempatnya, nescaya jadi pembenci dan memperkelahikan. Jika ditulis serta dengan nama-nama Allah yang dimulai dengan huruf syin dan ditanggung, nescaya luaslah rezekinya dan dapat kebahagiaan dan kebesaran.

Huruf ini ada baginya khalwat dan riadah mendatangkan khadam selama 28 hari, hendaklah baca doa ini dan bacaannya seberapa yang kuasa, nescaya datanglah khadam yang menunaikan segala hajat. Inilah doanya:

اشملني اللهم بلطفك بالنعم السوابغ كما تفضلت علي خلقك بالالاء والنعماء وان

تجيذب لي خادم حرف الشين اصرفه فيما اريد من مصالح تفضلت لها على اللهم

بتصريف التوفيق والعمل وزيادة العقل هيا باش سمام بساهين شهريا بحق سها

عجل لي بسر الملك العظيم بخفظ الريح وبرب موسى وعيسى وذي لكفل وايوب

ومحمد المصطفى عليه السلام شف شفي سف شعشف اجب ياشين بربب العالمين

Inilah bacaannya:

اجب عد حص حص طلحياس طلحياس اجب وافعل كذا

**********

**SYARAT-SYARAT DAN ADAB BERDOA**

Siapa-siapa yang berdoa hendaklah menyempurnakan segala syarat-syaratnya dan mengikut bagaimana adab-adabnya. Adapun syarat-syaratnya ialah:

1. Hendaklah berhenti daripada mengerjakan maksiat dan menjauhi perkara-perkara yang dilarang walau sedikit umpama makanan sesuap makanan yang tiada halal pun.

2. Hati tetap ingat kepada Allah Subhanahu Wa Taala dan sentiasa khudu' (tunduk/rendah diri), sehingga sekejap pun jangan lalai ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala

3. Yakin di hati dengan tiada syak lagi bahawa permintaan kita itu diperkenankan Allah Subhanahu Wa Taala sebagaimana mafhum sabda Rasulullah "Bahawasanya Allah Subhanahu Wa Taala Tuhan kamu ialah Tuhan Yang Hidup dan sangat Pemurah dan Pemalu jika tidak memperkenankan doa hambaNya".
4. Mana-mana hajat yang dipohon ketika berdoa itu janganlah tertinggal pada cita-cita sahaja dengan tiada diusahakan ialah jika berkenaan dengan ringan tulang dan ikhtiar yang berhubung di antara satu dengan lain.

Sementara adab berdoa pula:

1. Bersih daripada segala hadas.
2. Menghadap kiblat, duduk bertimpuh seperti kedudukan tahiyat awal.
3. Waktu berdoa mengangkat dua tangan sampai berbetulan dengan bahu dan menjadikan tapak tangan ke pihak muka dan jangan memandang ke pihak langit.
4. Mulai dengan memuji Allah Subhanahu Wa Taala umpama membaca alhamdulillah dan berselawat kepada junjungan kita Nabi Muhammad ﷺ.

5. Mengumumkan doa selamat sejahtera bagi kita dan bagi sekalian manusia.
6. Mengaku kejahatan diri sendiri dan bersungguh meminta ampun kepada Allah Subhanahu Wa Taala dengan membaca:

اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيرًا وَلَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ فَاغْفِرْ لِي مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ،

وَارْحَمْنِي إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيم

(Ya Allah ya Tuhanku, aku sungguh telah banyak 'menganiaya' diriku sendiri dan tidak ada yang dapat mengampuni dosa kecuali Engkau; maka berilah ampunan kepadaku ampunan dari sisiMu dan kasihilah aku. Sungguh Engkaulah Sang Maha Pengampun dan Maha Pengasih)
Kemudian pohonlah apa-apa yang kita kehendaki.

7. Pada penghabisan, bacalah:

سبحانك ربنا رب العزة عما يصفون، وسلام على المرسلين والحمد لله رب العالمين

8. Sesudah habis berdoa sapulah kedua tangan ke muka (meraup muka).

Sabda Rasulullah ﷺ barang siapa mencintai pada sesuatu pekerjaan, hendaklah sembahyang istikharah dua rakaat dan berdoa seperti yang tersebut di bawah ini, nescaya ditunjukkan kita oleh Allah Taala bahawa pekerjaan itu akan jadi kebajikan bagi kita atau tidaknya atau pun ditunjukkan mana-mana yang lebih manfaat bagi kita iaitu:

1. Sembahyang sunat dua rakaat dengan niat sembahyang sunat istikharah.
2. Pada tiap-tiap rakaat baca Surah Al-Fatihah dan surah al-kafirun.
3. Rakaat kedua baca Al-Fatihah dan surah al-ikhlas.
4. Apakala habis sembahyang bacalah doa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَخِيرُكَ بِعِلْمِكَ ،وَأَسْتَقْدِرُكَ بِقُدْرَتِكَ ،وَأَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ الْعَظِيمِ فَإِنَّكَ تَقْدِرُ وَلا أَقْدِرُ، وَتَعْلَمُ وَلا أَعْلَمُ ، وَأَنْتَ عَلامُ الْغُيُوبِ ، اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ هَذَا الأَمْرَ............ خَيْرٌلِي فِي دِينِي وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أَمْرِي وَ عَاجِلِ أَمْرِي وَآجِلِهِ ، فَاقْدُرْهُ لِي وَيَسِّرْهُ لِي ثُمَّ بَارِكْ لِي فِيهِ ، فَاصْرِفْهُ عَنِّي وَاصْرِفْنِي عَنْهُ وَاقْدُرْلِي الْخَيْرَ حَيْثُ كَانَ ثُمَّ ارْضِنِي بِهِ ،

"Ya Allah, saya memohonkan pilihan menurut pengetahuanMu dan memohonkan penetapan dengan kekuasaanMu juga saya memohonkan kurniaMu yang besar, sebab sesungguhnya Engkaulah yang Maha Mengetahui dan saya tidak mengetahui apa-apa. Engkau Maha Mengetahui segala yang ghaib. Ya Allah, jikalau di dalam ilmuMu bahawa urusan saya ini........ baik untukku dalam agamaku, kehidupanku serta akibat urusanku, maka takdirkanlah untukku dan mudahkanlah serta berikanlah berakah kepadaku di dalamnya. Sebaliknya jikalau di dalam ilmumu bahawa urusan ini buruk untukku, dalam agamaku, kehidupan serta akibat urusanku, maka jauhkanlah hal itu daripadaku dan jauhkanlah aku daripadanya serta takdirkanlah untukku yang baik-baik saja di mana saja adanya, kemudian puaskanlah hatiku dengan takdirMu itu."

5. Ketika berdoa, ingatkan apa-apa yang dihajati.
6. Apakala habis berdoa, tetapi belum kita dapat apa-apa lagi yang kita akan menerima, hendaklah ulangi lagi sembahyang dan berdoa hingga sampai tujuh kali.

Sabda Rasulullah ﷺ, ertinya "sesiapa membuat sesuatu pekerjaan dengan dapat petunjuk kerana sembahyang istikharah, nescaya selamat pekerjaannya dan tiada terkena kesusahan.

**********

**AYAT LIMA**

Ialah ayat yang masyhur kelebihannya beberapa banyak, tiada disebut di sini, siapa-siapa menjadikannya wirid pada pagi dan petang tiga kali atau dua kali, atau sekurang-kurangnya sekali nescaya terpeliharalah ia daripada kejahatan seteru serta menang atasnya iaitu:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الْمَلَإِ مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ مِنْ بَعْدِ مُوسَىٰ إِذْ قَالُوا لِنَبِيٍّ لَهُمُ ابْعَثْ لَنَا مَلِكًا نُقَاتِلْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ۖ قَالَ هَلْ عَسَيْتُمْ إِنْ كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ أَلَّا تُقَاتِلُوا ۖ قَالُوا وَمَا لَنَا أَلَّا نُقَاتِلَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَقَدْ أُخْرِجْنَا مِنْ دِيَارِنَا وَأَبْنَائِنَا ۖ فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ الْقِتَالُ تَوَلَّوْا إِلَّا قَلِيلًا مِنْهُمْ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ

Apakah kamu tidak memperhatikan pemuka-pemuka Bani Israil sesudah Nabi Musa, iaitu ketika mereka berkata kepada seorang Nabi mereka: "Angkatlah untuk kami seorang raja supaya kami berperang (di bawah pimpinannya) di jalan Allah". Nabi mereka menjawab: "Mungkin sekali jika kamu nanti diwajibkan berperang, kamu tidak akan berperang." Mereka menjawab: "Mengapa kami tidak mau berperang di jalan Allah, padahal sesungguhnya kami telah diusir dari kampung halaman kami dan dari anak-anak kami?" Maka tatkala perang itu diwajibkan atas mereka, mereka pun berpaling, kecuali beberapa orang saja di antara mereka. Dan Allah Maha Mengetahui orang-orang yang zalim. [Al-Baqarah :(246)]

لَقَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَاءُ ۘ سَنَكْتُبُ مَا قَالُوا وَقَتْلَهُمُ الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقٍّ وَنَقُولُ ذُوقُوا عَذَابَ الْحَرِيقِ

Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan orang-orang yang mengatakan: "Sesungguhnya Allah miskin dan kami kaya". Kami akan mencatat perkataan mereka itu dan perbuatan mereka membunuh nabi-nabi tanpa alasan yang benar, dan Kami akan mengatakan (kepada mereka): "Rasakanlah olehmu azab yang membakar." [Ali-'Imraan :(181)]

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ قِيلَ لَهُمْ كُفُّوا أَيْدِيَكُمْ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ الْقِتَالُ إِذَا فَرِيقٌ مِنْهُمْ يَخْشَوْنَ النَّاسَ كَخَشْيَةِ اللَّهِ أَوْ أَشَدَّ خَشْيَةً ۚ وَقَالُوا رَبَّنَا لِمَ كَتَبْتَ عَلَيْنَا الْقِتَالَ لَوْلَا أَخَّرْتَنَا إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ ۗ قُلْ مَتَاعُ الدُّنْيَا قَلِيلٌ وَالْآخِرَةُ خَيْرٌ لِمَنِ اتَّقَىٰ وَلَا تُظْلَمُونَ فَتِيلًا

Tidakkah kamu perhatikan orang-orang yang dikatakan kepada mereka: "Tahanlah tanganmu (dari berperang), dirikanlah sembahyang dan tunaikanlah zakat!" Setelah diwajibkan kepada mereka berperang, tiba-tiba sebahagian dari mereka (golongan munafik) takut kepada manusia (musuh), seperti takutnya kepada Allah, bahkan lebih sangat dari itu takutnya. Mereka berkata: "Ya Tuhan kami, mengapa Engkau wajibkan berperang kepada kami? Mengapa tidak Engkau tangguhkan (kewajiban berperang) kepada kami beberapa waktu lagi?" Katakanlah: "Kesenangan di dunia ini hanya sebentar dan akhirat itu lebih baik untuk orang-orang yang bertakwa dan kamu tidak akan dianiaya sedikit pun. [An-Nisaa' :(77)]

۞ وَاتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ ابْنَيْ آدَمَ بِالْحَقِّ إِذْ قَرَّبَا قُرْبَانًا فَتُقُبِّلَ مِنْ أَحَدِهِمَا وَلَمْ يُتَقَبَّلْ مِنَ الْآخَرِ قَالَ لَأَقْتُلَنَّكَ ۖ قَالَ إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ اللَّهُ مِنَ الْمُتَّقِينَ

Ceriterakanlah kepada mereka kisah kedua putera Adam (Habil dan Qabil) menurut yang sebenarnya, ketika keduanya mempersembahkan korban, maka diterima dari salah seorang dari mereka berdua (Habil) dan tidak diterima dari yang lain (Qabil). Ia berkata (Qabil): "Aku pasti membunuhmu!" Berkata Habil: "Sesungguhnya Allah hanya menerima (korban) dari orang-orang yang bertakwa". [Al-Maaidah :(27)]

قُلْ مَنْ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ قُلِ اللَّهُ ۚ قُلْ أَفَاتَّخَذْتُمْ مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ لَا يَمْلِكُونَ لِأَنْفُسِهِمْ نَفْعًا وَلَا ضَرًّا ۚ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ أَمْ هَلْ تَسْتَوِي الظُّلُمَاتُ

وَالنُّورُۗأَمْ جَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ خَلَقُوا كَخَلْقِهِ فَتَشَابَهَ الْخَلْقُ عَلَيْهِمْ ۚقُلِ اللَّهُ خَالِقُ كُلِّ شَيْءٍ وَهُوَ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ

Katakanlah: "Siapakah Tuhan langit dan bumi?" Jawabnya: "Allah." Katakanlah: "Maka patutkah kamu mengambil pelindung-pelindungmu dari selain Allah, padahal mereka tidak menguasai kemanfaatan dan tidak (pula) kemudaratan bagi diri mereka sendiri?". Katakanlah: "Adakah sama orang buta dan yang dapat melihat, atau samakah gelap gelita dan terang benderang; apakah mereka menjadikan beberapa sekutu bagi Allah yang dapat menciptakan seperti ciptaanNya sehingga kedua ciptaan itu serupa menurut pandangan mereka?" Katakanlah: "Allah adalah Pencipta segala sesuatu dan Dia-lah Tuhan Yang Maha Esa lagi Maha Perkasa". (Ar-Ra'd: 16)

**********

## KAIFIAT BAGI MENDAPAT MIMPI

Sabda Rasulullah ﷺ ertinya, ‘mimpi yang baik yang terjadi pada orang-orang yang soleh ialah satu bahagian dengan 1/46 (satu perempat puluh enam) kenabian’.
*Hadis riwayat Anas bin Malik, ia berkata: Rasulullah bersabda: Mimpi seorang mukmin adalah termasuk satu dari empat puluh enam bagian kenabian. (Sahih Muslim No.4201)*

Sabda Rasulullah ﷺ ertinya, ‘mimpi orang yang mukmin itu ialah satu firman daripada Allah Subhanu Wa Taala kepada mereka itu’.

Sabda Sayidina Ali bin Abi Talib Radiallahuanhu ertinya, ‘siapa-siapa sembahyang sunat sesuatu hajat supaya Allah Taala menunjukkannya, nescaya ditunjukkan dengan jalan mimpi apa-apa yang dihajatinya itu oleh Allah Taala pada malam itu atau malam besok atau selewat-lewatnya pada malam ketujuh iaitu:

1. Sembahyang sunat enam rakaat.
2. Pada rakaat yang pertama baca Al-Fatihah sekali dan surah (وَالشَّمْسِ وَضُحَاهَا) tujuh kali
3. Rakaat yang kedua baca Al-Fatihah sekali dan surah tujuh kali.
4. Rakaat yang ketiga baca Al-Fatihah sekali dan surah tujuh kali.
5. Rakaat yang keempat baca Al-Fatihah sekali dan surah tujuh kali.
6. Rakaat yang kelima baca Al-Fatihah sekali dan surah tujuh kali.
7. Rakaat yang keenam baca Al-Fatihah sekali dan surah tujuh kali.
8. Apakala selesai sembahyang, berdoa:

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ والصلاة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه والسلام اللهم رب محمد ورب ابراهيم ورب موسى ورب اسحاق ورب يعقوب ورب جبريل ورب ميكائيل واسرافيل وعزرائيل عليهم السلام ومنزل التوراة والانجيل والزبور والقران العظيم ارني في منامي الليلة ما انت اعلم به مني

Siapa-siapa membaca bacaan yang tersebut in ketika hendak tidur kerana hendak mengetahui akan kesudahan pekerjaan, baik atau jahat, nescaya ditunjukkan dengan jalan mimpi oleh Allah taala iaitu:
1. Lepas daripada sembahyang isyak baharuilah wuduk dan duduk di atas suatu hamparan yang bersih.
2. Kemudian selawat kepada nabi ﷺ tiga kali.
3. Baca Al-Fatihah 10 kali.
4, Baca surah al-ikhlas 11 kali.
5. Dan selawat kepada nabi ﷺ tiga kali pula kemudian tidur mengiring ke pihak kanan dengan menghadap kiblat.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya, siapa-siapa bermimpi melihat aku, maka sesungguhnya ia melihat akan tubuhku yang sebetulnya.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya, siapa-siapa bermimpi melihat aku, nescaya ia akan nampak aku pada hari akhirat.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya, mimpi yang baik itu datangnya daripada Allah Subhanahu Wa Taala dan mimpi yang karut itu terjadi daripada syaitan.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya, siapa-siapa sembahyang dengan kaifiat yang tersebut di bawah ini, pada malam Jumaat kerana qasad hendak berjumpa dengan nabi ﷺ, nescaya dapat melihatnya dengan jalan mimpi iaitu:

1. Sembahyang sunat dua rakaat.
2. Pada tiap-tiap rakaat baca Al-Fatihah sekali dan ayat Kursi 15 kali.
3. Lepas daripada memberi salam, selawat kepada nabi Sallallahu ‘Alaihi Wassalam 1000 kali.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya, siapa-siapa bermimpi melihatku nescaya mengurniai Allah Subhanahu Wa Taala kepadanya akan sembilan perkara yang tersebut di bawah ini:

1. Khusnul Khatimah
2. Syafaat nabi Muhammad ﷺ.
3. Berkediaman dalam syurga.
4. Mengampuni Allah Subhanahu Wa Taala akan dosanya dan dosa dua ibu bapanya.
5. Diberi pahala seumpama orang yang membaca Quran dua belas kali khatam.
6. Tiada merasai kesusahan waktu hendak matinya.
7. Terlepas dari seksa kubur.
8. Terpelihara huru-hara hari kiamat, dan
9. Diperoleh sekalian hajat pada dunia dan akhirat.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya, siapa-siapa sembahyang pada malam Jumaat dengan kaifiat yang tersebut di bawah ini nescaya ia akan bermimpi melihat rasulullah ﷺ. pada malam itu selambat-lambatnya pada malam yang ketujuh iaitu:
1. Sembahyang sunat dua rakaat.
2. Pada tiap-tiap rakaat baca Al-Fatihah sekali dan ayat Kursi dan surah al-ikhlas 15 kali.
3. Lepas daripada memberi salam, baca selawat 1000 kali.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya, siapa-siapa sembahyang dua rakaat lepas daripada mandi pada malam Jumaat dengan kaifiat pada tiap-tiap rakaat itu, baca Al-Fatihah sekali dan surah al-ikhlas 1000 kali nescaya beroleh melihat rasulullah ﷺ dengan jalan mimpinya.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya, siapa-siapa sembahyang pada malam Jumaat dengan kaifiat yang tersebut di bawah nin, nescaya dapat mimpi melihatku iaitu:
1. Sembahyang empat rakaat dengan dua kali salam.

2. Pada tiap-tiap rakaat baca Al-Fatihah sekali, surah ad-dhuha sekali, seurah alam nasyrah sekali, surah al-qadr sekali dan surah al-zalzalah sekali.

3. Lepas daripada memberi salam baca selawat nabi ﷺ. tujuh puluh kali.

4. Kemudian tidur dan selawat ketika hendak tidur.

Siapa-siapa membaca surah al-Qadr 1000 kali pada hari Jumaat, nescaya beroleh mimpi melihat rasulullah ﷺ.

Siapa-siapa yang membaca bacaan yang tersebut di bawah ini ketika hendak tidur pada malam Jumaat, nescaya beroleh mimpi melihat rasulullah ﷺ iaitu:

Surah Al-Kautsar - 1000 kali
Baca selawat 1000 kali

Siapa-siapa sembahyang sunat dua rakaat dan kemudian baca Ya Nur Ya Nur... 100 kali, nescaya akan beroleh mimpi melihat rasulullah ﷺ. Ini wiridnya:

يانور النور يامدبر الامور بلغ عني روح سيدنا محمد وأرواح أل سيدنا محمد تحية وسلاما

Siapa-siapa bermimpi melihat rasulullah ﷺ nescaya hilang dukacitanya dan akan terbayar sekalian hutang-hutangnya, menang di atas seteru dan terlepas daripada hukuman, selamat kembali daripada perdagangan, sembuh daripada penyakit dan akan mendapat kekayaan.

**********

**HIZBUL BAHRI**

| | |
|---|---|
| Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.<br>Wahai yang Maha Tinggi, wahai yang Maha Besar, wahai yang Maha Santun, Engkaulah Tuhanku, dan ilmuMu yang mencukupi akan diriku, dan sebaik-baik Tuhan adalah Tuhanku,<br>dan sebaik-baik Pencukup adalah yang mencukupi diriku, Engkau adalah Penolong kepada siapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang Maha Mulia lagi Maha Bijaksana. Kami mohon kepadamu Al-'ishmah (tersuci daripada kesalahan) dalam gerak dan diam, dan dalam bertutur kata dan berkemahuan, dan dari lintasan hati yang disebabkan wasangka, dan dari ragu dan waham (khayalan) yang menjadikan hati tertutup daripada menelaah perkara-perkara yang ghaib. Di situlah orang-orang Mukmin diuji, dan mereka digoncang dengan goncangan yang keras.<br>'Dan (ingatlah) ketika orang-orang munafiq dan orang yang dalam hatinya ada penyakit berkata: "Allah dan Rasulnya tidak menjanjikan pada kita kecuali tipuan."'(Al Ahzab 33: 11-12)<br>Maka teguhkan dan tolonglah kami dan tundukkan samudera ini sebagaimana Engkau telah menundukkan laut kepada Musa, dan | بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ<br>اللَّهُمَّ يا عليُّ يا عظيمُ يا حليمُ يا عليمُ * أنت ربي وعلمُكَ حسبي * فنعمَ الربُّ ربي ونعمَ الحسْبُ حَسبي * تنصرُ من تشاء وأنت العزيزُ الرحيمُ * نسألُكَ العِصمةَ في الحركاتِ والسَّكَناتِ والكلماتِ والإراداتِ والخَطَراتِ من الشكوكِ والظُّنونِ * والأوهام الساترةِ للقلوبِ عن مُطالعةِ الغيوب * فقدِ * ابْتُلِيَ الْمُؤْمِنُونَ وَزُلْزِلُوا * زِلْزَالًا شَدِيدًا<br>وَإِذْ يَقُولُ الْمُنَافِقُونَ وَالَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ * مَرَضٌ مَا وَعَدَنَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ إِلَّا غُرُورًا *فَثَبِّتنا وانصرنا وسَخِّرْ لنا هذا البحرَ كما سخَّرْتَ البحرَ لموسى * وسخَّرْتَ النارَ |

لإبراهيمَ * وسخَّرْتَ الجبال والحديد لداودَ * وسخَّرت الرِّيحَ والشياطينَ والجنَّ لسليمانَ * وسخِّر لنا كلَّ بحرٍ هو لك في الأرض و السماء والملكِ والملكوتِ * وبحرَ الدنيا وبحرَ الآخرةِ * وسخِّرْ لنا كلَّ شيء يا * من بيده ملكوتُ كلِّ شيءٍ

كهيعص *(3) * أُنصرنا فإنك خير * الناصرين * وافتح لنا فإنك خيرُ الفاتحين * واغفر لنا فإنك خير الغافرين * وارحمْنا فإنك خيرُ الراحمين * وارزقنا فإنك خيرُ الرازقين * واهدِنا ونجّنا من القومِ الظالمين * وهبْ لنا ريحاً طيّبةً كما هي في علمك * وانشرها علينا من خزائِنِ رحمتِك * واحْمِلنا بها حمل الكرامةِ مع السلامةِ والعافيةِ في الدين والدنيا والآخرةِ * *إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ* اللهم يسِّر لنا أمورنا مع الراحةِ لقلوبِنَا وأبدانِنا * والسلامةِ والعافيةِ في ديننا ودُنْيانا * وكن لنا صاحباً في سفرِنا * وخليفةً في أهلنا * واطْمِس على وجُوهِ أعدائِنَا وامسخْهُم على مكانَتِهم فلا *يستطيعون المُضِي ولا المجيء إلينا

وَلَوْ نَشَاءُ لَطَمَسْنَا عَلَى أَعْيُنِهِمْ فَاسْتَبَقُوا *

sebagaimana Engkau telah menundukkan api kepada Ibrahim, dan Engkau menundukkan bukit-bukit dan besi kepada Daud, dan Engkau tundukkan angin dan syaitan serta jin kepada Sulaiman, dan tundukkan kami segala samudera, yang mana kesemuanya itu adalah milikMu baik yang ada di bumi mahupun di langit dan segala kekuasaan di laut dunia mahupun laut akhirat, dan tundukkan untuk kami segala sesuatu, wahai yang di tanganNya kekuasaan segala sesuatu.

Kaaf, Haa, Yaa, 'Ain, Sod (3x)

Tolonglah kami kerana Engkau sebaik-baik Penolong, dan bukalah untuk kami, kerana Engkau adalah sebaik-baik Pembuka, dan ampunilah kami, kerana Engkau sebaik-baik Pemberi Ampunan, dan kasihanilah kami, kerana Engkau sebaik-baik yang mengasihi, dan berilah rezeki kepada kami, kerana Engkau sebaik-baik Pemberi rezeki, dan berilah petunjuk dan selamatkan kami dan anugerahilah kami dengan hembusan angin yang baik sebagaimana yang ada dalam ilmuMu, dan sebarkanlah atas kami khazanah-khazanah rahmatMu dan angkatlah kami dengan pengangkatan kemuliaan bersama keselamatan dan afiat dalam agama, baik di dunia mahupun di akhirat, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

Wahai Allah, mudahkanlah bagi kami segala urusan kami hingga hati kami dapat beristirehat, begitu juga halnya jasad kami dan kami mohon kemudahan berkenaan dengan afiat di dalam dunia dan agama. Berlakulah terhadap kami sebagai kawan dalam safar (perkelanaan) dan sebagai khalifah dalam keluarga, dan robahlah wajah musuh-musuh kami dan bekukan mereka di tempatnya masing-masing agar tidak dapat mendatangi tempat kami.

'Dan kalau Kami menghendaki, nescaya Kami hapuskan penglihatan mata mereka, lalu mereka berlumba-lumba menuju ke jalan tapi bagaimana mereka dapat melihat?

Dan kalau Kami menghendaki. Kami robah bentuk mereka di tempat mereka berada,

| | |
|---|---|
| الصِّرَاطَ فَأَنَّى يُبْصِرُونَ * وَلَوْ نَشَاءُ لَمَسَخْنَاهُمْ عَلَى مَكَانَتِهِمْ فَمَا اسْتَطَاعُوا مُضِيًّا وَلَا يَرْجِعُونَ *يس *وَالْقُرْآنِ الْحَكِيمِ *إِنَّكَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ *عَلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ *تَنزِيلَ الْعَزِيزِ الرَّحِيمِ *لِتُنذِرَ قَوْمًا مَا أُنذِرَ آبَاؤُهُمْ فَهُمْ غَافِلُونَ *لَقَدْ حَقَّ الْقَوْلُ عَلَى أَكْثَرِهِمْ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ *إِنَّا جَعَلْنَا فِي أَعْنَاقِهِمْ أَغْلَالًا فَهِيَ إِلَى الْأَذْقَانِ فَهُمْ مُقْمَحُونَ *وَجَعَلْنَا مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا فَأَغْشَيْنَاهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ *(شاهَت الوجوهُ )(3) * * وَعَنَتِ الْوُجُوهُ لِلْحَيِّ الْقَيُّومِ وَقَدْ خَابَ مَنْ حَمَلَ ظُلْمًا * طس * حم عسق * مَرَجَ الْبَحْرَيْنِ يَلْتَقِيَانِ * بَيْنَهُمَا بَرْزَخٌ لَا يَبْغِيَانِ * حم حم حم حم حم حم حم * حُمَّ الأمرُ وجاء النصرُ فعلينا لا يُنصرون *حم * تَنزِيلُ الْكِتَابِ مِنَ اللَّهِ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ * غَافِرِ الذَّنْبِ وَقَابِلِ التَّوْبِ شَدِيدِ الْعِقَابِ ذِي الطَّوْلِ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ إِلَيْهِ الْمَصِيرُ *بِسم الله بابُنا * *تَبارَكَ *حيطانُنا * *يس* سقفُنا * *كهيعص *كِفايتُنا * * حم عسق *حمايتنا<br>فَسَيَكْفِيكَهُمُ اللَّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ * | maka<br>tiadalah mereka maju dan tioada mereka dapat kembali.'(Yasin 36: 66-67)<br>'Yaa Siin. Demi Al-Quran yang penuh hikmah. Sungguh engkau adalah seorang Rasul... Dari<br>para Rasul atas jalan yang lurus-lempang (sebagai wahyu). Yang diturunkan oleh yang Maha Perkasa, yang Maha Penyayang. Agar engkau peringatkan suatu kaum yang bapak-bapak mereka belum mendapat peringatan. Kerana itu mereka lalai, sungguh ketentuan (Tuhan) telah berlaku atas kebanyakan mereka kerana mereka tidak beriman. Sungguh telah Kami pasang belenggu di lehernya sampai dagunya, lalu mereka termengadah. Dan Kami adakan di antara tangan-tangan mereka (di hadapan) bendungan dan di belakang mereka bendungan (pula) dan Kami tutup pandangan mereka sehingga tidak dapat melihat.'(Yasin 36:1-9)<br>Seburuknya wajah-wajah (3 x) 'Dan sekalian wajah tunduk merendah demi untuk Tuhan yang Maha Hidup, yang Maha Berdiri<br>sendiri, sungguh tiada harapan bagi siapa yang memikul kezaliman.'(Thaha 20:111)<br>Thaa Siin. Haa Miim. 'Ain, Siin, Qaaf<br>'Ia alirkan kedua lautan itu, antara keduanya ada sempadan, masing-masing tiada<br>berlawanan'(Ar-Rahman 55: 19-20)<br>Haa Miim (7x)<br>Haa Miim. Persoalan itu sudah ditetapkan dan kemenangan telah tiba, maka mereka atas kami<br>takkan dimenangkan.<br>'Haa Miim. Turunnya kitab (Al-Quran ini) dari Allah yang Maha Perkasa, yang Maha<br>mengetahui. Yang Maha Mengampuni dosa, dan Menerima Taubat lagi amat keras hukumNya dan besar kekuasaanNya, tiada Tuhan selain Dia, kepadaNya tujuan kembali."(Al-Mukmin 40:1-3)<br>Bismillah pintu bagi kami;<br>Tabaroka dinding perisai kami;<br>Yaa Siin atap menaungi kami; |

| Malay | Arabic |
| --- | --- |
| Kaaf Haa Yaa 'Ain Sod pencukup keperluan kami;<br>Haa Miim, 'Ain Siin Qaaf penjagaan diri kami.<br>Maka Allah akan memelihara engkau dari mereka, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui (3x)<br>Tabir penutup Arash dilabuhkan atas kami;<br>Dan mata pengawasan Allah melihat pada kami;<br>Dengan daya Allah kami tak terkalahkan.<br>'Dan Allah mengepung mereka dari belakang. Bahkan itu adalah Al-Quran yang mulia... Yang termaktub dalam Loh Mahfudz'(Al-Buruj 85: 20-22)<br>'Allah adalah sebaik-baik pemelihara. Dia Maha Penyayang dari orang-orang yang paling<br>penyayang.' (3x)(Yusuf 12:64)<br>'Sungguh pelindungku adalah Allah yang menurunkan kitab (Al-Quran). Dia melindungi para orang salih.' (3x)(Al-A'raf 7:196)<br>'Allah cukup bagiku, tiada Tuhan selain Dia, kepadaNya aku bertawakal. Dialah Tuhan pemilik Arash yang Agung' (3x)(Al-Bara'a 9:129)<br>Dengan nama Allah, yang bersama namaNya tiadalah sesuatu akan membawa malapetaka<br>baik di bumi mahupun di langit dan Ia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui... (3x)<br>Aku berlindung kepada Allah dari kejahatan apa yang Dia telah menjadikan (3 Kali)<br>Dan tiada daya dan tiada upaya melainkan dengan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung...<br>(3x) Sejahtera ke atas Nabi Muhammad dan sahabatnya | *(3) سِترُ العرشِ مسبولٌ علينا * وعينُ اللهِ ناظرةٌ إلينا * بحول الله لا يقدرُ علينا* *وَاللَّهُ مِنْ وَرَائِهِمْ مُحِيطٌ * بَلْ هُوَ قُرْآنٌ مَجِيدٌ * فِي لَوْحٍ مَحْفُوظٍ * * *فَاللَّهُ خَيْرٌ حَافِظًا وَهُوَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ * (3) * إِنَّ وَلِيِّيَ اللَّهُ الَّذِي نَزَّلَ الْكِتَابَ وَهُوَ يَتَوَلَّى الصَّالِحِينَ* (3) *حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ * (3) * ( بسم الله الذي لا يضرُّ مع اسمه شيءٌ في الأرض ولا في السماء وهو السميع العليم ) (3) ( أعوذ بكلمات الله التَّامَّات من شرِّ ما خلق ) (3) (ولا حول ولا قوَّة إلا بالله العلي العظيم ) (3) * وصلّى الله على سيدنا محمدٍ وآله وصحبه وسلَّم * *سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ * وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ * *وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ |

*********

## FADILAT DUA AYAT YANG DIAKHIR PADA SURAH BARA'AH
## (سورة براءه)

Siapa-siapa sentiasa membaca dua ayat akhir surah baraah iaitu:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ
رَحِيمٌ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ

Sungguh telah datang kepadamu seorang Rasul dari kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang mukmin. Jika mereka berpaling (dari keimanan), maka katakanlah: "Cukuplah Allah bagiku; tidak ada Tuhan selain Dia. Hanya kepada-Nya aku bertawakkal dan Dia adalah Tuhan yang memiliki `Arsy yang agung". (At-Taubah: 128-129)

Tujuh kali tiap-tiap lepas sembahyang fardu, nescaya bertukar kedaifan dengan kekuatan dan berganti kehinaan jadi kemuliaan dan mendapat kesenangan atas gerak-geri seterunya, dan mempermudah baginya oleh Allah Subhanahu Wa Taala akan sekalian pekerjaan dan akan terbayar sekalian hutang-hutangnya dan jauh daripada dukacita dan luas kehidupan dengan mendapat rezeki yang banyak.

Siapa-siapa sentiasa membaca dua ayat yang tersebut itu 41 kali pada tiap-tiap lepas sembahyang, nescaya terlepas daripada aniaya.

Siapa-siapa sentiasa membaca dua ayat yang tersebut itu 41 kali pada tiap-tiap hari, nescaya akan diperlihatkan kepadanya perkara-perkara yang ajaib oleh Allah Subhanahu Wa Taala dan akan bermimpi melihat Rasulullah ﷺ.

Siapa-siapa sentiasa membaca dua ayat yang tersebut pada mana-mana hari, nescaya selamat daripada mati pada hari itu, dan tiada dapat orang hendak mencederakannya dengan senjata.
Pada suatu hari, Abu Bakr Asy-Syabli masuk berjumpa dengan Abu Bakr bin Mujahid Al-Maqara, lalu Abu Bakr bin Mujahid Al-Maqara berdiri kerana memberi hormat kepadanya, kemudian daripada itu bercakap-cakaplah sahabat-sahabat Abu Bakr bin Mujahid Al-Maqara dari hal perjumpaan kedua mereka itu. Apakah sebabnya Abu Bakr bin Mujahid Al-Maqara membesarkan Abu Bakr bin Asy-Syabli, sedangkan ketika datang Ali bin Isa Al-Wazir, tiada bangun ia seperti memuliakan Abu Bakr Asy-Syabli itu? Mereka bertanyakan kepadanya akan hal yang tersebut, jawabnya: Adalah Abu Bakr Asy-Syabli itu aku memuliakan kerana ia seorang mempunyai kelebihan, sehingga rasulullah sendiri menyuruhkan daku memuliakan dia, sebagaimana yang telah jadi dalam mimpiku:

Iaitu pada suatu malam aku bermimpi melihat rasulullah ﷺ dan sabdanya kepada aku, besok akan datang kepada engkau seorang ahli syurga hendaklah engkau memuliakan dia. Tiba-tiba Abu Bakr Asy-Syabli datang lalu aku bangun memuliakannya.
Lepas dua malam daripada itu, aku bermimpi pula berjumpa dengan rasulullah ﷺ dan sabdanya wahai Mujahid, sebagaimana engkau memuliakan seorang ahli syurga, maka sesungguhnya mulia pula akan engkau oleh Allah Subhanahu Wa Taala, kemudian, aku bertanya kepada Rasulullah, apakah sebabnya Abu Bakr Asy-Syabli berbahagia mendapat kelebihan itu? Sabdanya, ialah sebab Abu Bakr bin Asy-Syabli itu sentiasa lepas sembahyang berwirid membaca (لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ) hingga akhirnya selama hidupnya lapan puluh tahun,

**********

## FADILAT SELAWAT

Sabda rasulullah ﷺ ertinya, siapa-siapa membaca selawat kepada aku, nescaya akan berselawat kepadanya oleh malaikat dan menurunkan rahmat kepadanya oleh Allah Subhanahu Wa Taala dan akan mengucapkan selamat kepadanya eleh sekalian ahli langit dan bumi.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya, siapa-siapa berselawat kepada aku 100 kali pada tiap-tiap hari nescaya dihasilkan oleh Allah Subhanahu Wa Taala akan hajat-hajatnya sebanyak beratus macam, iaitu tiga puluh daripadanya diperoleh di dalam dunia ini dan hanya tujuh puluh lagi akan dapat di akhirat.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya, siapa-siapa banyak berselawat kepadaku, nescaya mengurniai Allah Subhanahu Wa Taala kepadanya kekayaan selama hidupnya.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya, siapa-siapa berselawat kepada aku 500 kali pada tiap-tiap, nescaya memperoleh kesenangan dan keselamatan selama-lamanya.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya, hendaklah kamu membaca berselawat kepada aku sebab selawat yang banyak itu akan menghilangkan kemurkaan dan menjauhkan bala.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya, sanya aku kekasih Allah dan sesiapa yang berselawat kepada aku ialah kekasihku yang bermakna kekasih bagi kekasih Allah.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya, siapa-siapa yang susah hendak mencapai sesuatu perkara yang dihajatinya bacalah selawat beberapa kali nescaya mudah diperolehnya.

Siapa-siapa banyak membaca selawat kepada Nabi ﷺ, nescaya banyak mendapat rezeki yang berkat dan memperoleh apa-apa yang dihajati, serta hilang dukacitanya dan terpelihara daripada bala.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya, pada suatu hari datang Jibrail kepadaku dengan rupa yang cantik dan berseri serta manusia mukanya lalu aku bertanya kepadanya, "Wahai Jibrail adakah apa-apa hal yang engkau datang dengan rupa yang hebat ini? Jawabnya, "ku datang hendak menceritakan suatu perkara yang ajaib kepada tuan. Iaitu ketika ku sampai ke Bukit Kaf, ku dengar suara orang mengerang dan tadra' memohon kepada Allah Subhanahu Wa Taala dengan tangisnya. Kemudian aku pun pergi ke tempat itu dan amat-amati tiba-tiba ku dapati malaikat maghrib yang mempunyai singgahsana di langit dan mempunyai seribu saf malaikat yang setia berkhidmat kepadaNya lalu ku bertanya kepadanya, apakah dosa tuan hingga turun ke tempat ini? Jawabnya, ketika Nabi Muhammad ﷺ naik mikraj, aku tiada berhadapan memuliakannya kera asyik bekerja pada perkara yang telah ditanggungkan ke atas aku, dan akhirnya dadilah aku dimurkai oleh Allah Subhanahu Wa Taala hingga diturun ke tempat ini dan sekarang aku tadra' bersungguh-sungguh hati memohonkan ampuni daripada Allah Subhanahu Wa Taala , setelah itu ku (Jibrail) pergi menghadap hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana memohonkan syafaat kepadanya tetapi firman Allah Subhanahu Wa Taala "Aku tiada boleh menerima permohonan engkau pada mengampuni kepadanya, jika sebelum malaikat maqrib itu berselawat kepada kekasihKu nabi Muhammad ﷺ 10 kali kemudian ku (Jibrail) khabar kepadanya akan firman Allah Subhanahu Wa Taala itu, lalu membaca ia selawat sepuluh kali dan dengan serta-merta Allah Taala mengurniakan kelebihan dan mengembalikan martabatnya sebagaimana sedia kala.

Siapa-siapa sakit atau dukacita ataupun kena bala atau berhajat hendak mendapat sesuatu perkara bacalah selawat beberapa kali, nescaya hilang kesusahan itu, dan memperoleh perkara-perkara yang dihajatinya.

Selawat yang terpilih dan munasabah dibaca pada sesuatu hajat ialah:

اللَّهُمَّ صَلِّى صَلَوتًا كَامِلَة، وسَلِّمْ سَلاَمًا تَامًا عَلَى سيدنا محمدنِ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقَد،

وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْقُرَب، وَتُقْضَى بِهِ الحَوَائِج، وَتُنَالُ به الرَّغَائِب، وَحُسْنُ الْخَوَاتِم،

وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيم، وَعَلَى الهِ وصحبهِ فِي كُلِ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ

مَعْلُوْمٍ لَك.

Siapa membaca selawat yang tersebut itu 1000 kali ketika tengah malam kerana suatu hajat, nescaya diperoleh apa-apa yang dihajatinya.

Selawat ini siapa baca 4444 kali kerana sesuatu hajat, nescaya diperoleh dengan segeranya dan siapa membaca 10 kali pada tiap-tiap hari, nescaya dikurniai kepadanya rezeki yang banyak dan balasan yang berganda-ganda umpama mendapat rezeki yang datang daripada segala pihak bumi dan yang turun dari langit.

Siapa-siapa membaca 10 kali, jadi wirid pada tiap-tiap lepas sembahyang nescaya berkekalan selam-lamanya tiada merasai keputusan rezeki dan mendapat martabat yang tinggi serta kekayaan.

Siapa-siapa membacanya 41 kali ketika tiap-tiap lepas sembahyang subuh nescaya memperoleh apa yang di citanya.

Siapa-siapa membacanya 100 kali pada tiap-tiap hari nescaya berhasil apa-apa yang diusahakannya dan memperoleh sesuatu perkara lebih baik dari pada yang dihajatinya.

Siapa-siapa sentiasa membacanya 313 kali pada tiap-tiap hari kerana hendak mendapat apa-apa perbendaharaan rahsia yang lebih tinggi atau yang lebih dalam, nescaya diperoleh hajatnya.

Siapa-siapa membacanya 1000 kali pada tiap-tiap hari nescaya beroleh pengurniaan Allah Subhanahu Wa Taala  yang tiada terperi banyaknya.

Siapa-siapa membacanya 41 kali atau 1000 kali ataupun lebih lagi pada tiap-tiap hari dengan syarat berkekalan selama-lamanya (istiqamah) nescaya dihapuskan oleh Allah Subhanahu Wa Taala akan dukacitanya dan terjauh daripada sekalian bala dan mudah pada segala pekerjaannya serta sentiasa bercahaya perkara batinnya, molek perangai, mewah rezekinya, diterima orang percakapannya walaupun pada membanyakkan sesuatu kaum dan siapa-siapa melihat nescaya kasih kepadanya dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wa Taala akan sekalian permohonannya.

Siapa-siapa membaca selawat ini:

الصلاة والسلام عليك ياسيدي يارسول الله خذ بيدي قلت حيلتي أدركني

100 kali pada tiap-tiap malam mulai malam Jumaat minggu Jumaat hadapan, nescaya beroleh apa-apa yang dihajatinya dengan segera dan berhasil sekalian maksudnya dunia akhirat.

**********

## FADILAT SURAH AL-QADR

## (إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ)

Sabda rasulullah ﷺ ertinya "siapa-siapa membaca surah (إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ) 100 kali, nescaya terlukis pada hatinya nama Allah Subhanahu Wa Taala yang Maha Besar dan dimakbulkan sekalian permohonannya."

Siapa-siapa membaca (إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ) 1000 kali pada hari Jumaat nescaya tiada sampai ajalnya sebelum mendapat mimpi melihat rasulullah ﷺ.

Sabda rasulullah ﷺ kepada sahabat-sahabatnya, adakah kamu berkehendak supaya Allah Subhanahu Wa Taala mengawal akan kamu dari iblis? Jawab mereka itu: Sememanglah kami berkehendak wahai rasulullah. Lalu bersabda rasulullah "Bacalah surah (إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ) 3 kali dan dengan

يا الله يا صاحب القدر فرج عني همي وكربي

Pada tiap-tiap lepas sembahyang maghrib dan subuh sebelum bangun daripada tempat sembahyang itu.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya "siapa-siapa membaca surah (إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ) ketika sedang sembahyang fardu, nescaya terhadap dahinya satu seruan yang berkata, Wahai Pulan, sanya mengampuni oleh Allah Subhanahu Wa Taala akan mana-mana dosa yang telah engkau berbuat dan sekarang binalah amalan engkau"

Siapa-siapa yang membaca surah yang tersebut itu dengan nyaring suaranya nescaya diberi baginya pahala seumpama pahala orang yang berlawan di dalam perang sabil, dengan menghunuskan pedangnya dan jika dibaca perlahan, diberi balasannya seumpama pahala orang yang berlumur dengan darah kerana perang fisabilillah.

Siapa-siapa yang membaca surah yang tersebut itu 10 kali mengampuni oleh Allah Subhanahu Wa Taala akan seribu dosa dan siapa-siapa membacanya ketika hendak musafir dan ketika keluar daripada rumahnya, nescaya selamat perjalanan pergi balik.

Siapa-siapa membaca surah yang tersebut ketika mendaki bukit, nescaya selamat di atas dan ketika turunnya.

Siapa-siapa memegang ubun-ubun anaknya atau isterinya dengan membacakan surah yang tersebut itu ke atas nescaya memperlihatkan oleh Allah Subhanahu Wa Taala kepadanya bahawa anaknya dan isterinya itu membuat perkara-perkara yang disukainya.

Siapa-siapa menghadap kiblat dan membaca Al-Fatihah, surah al-ikhlas dan ayat Kursi dan surah (إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ), kemudian berdoa apa-apa yang dihajatinya, nescaya dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wa Taala.

Siapa-siapa memang ubun-ubun orang yang dikasihi dan membaca surah (إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ), nescaya ditunjuk oleh Allah Subhanahu Wa Taala kepada orang itu bagaimana hendak membuat perkara-perkara yang disukai olehNya.

Siapa-siapa berkehendak sentiasa benar perkataan, amalkan membaca surah (إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ)

Siapa-siapa membaca surah (إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ) dan surah al-kafirun dan surah al-ikhlas 10 kali pada air dan percikkan kepada kain yang baharu, nescaya mendapat kehidupan yang berkat selama masih ada kain itu.

Siapa-siapa membaca surah (إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ) 41 kali dan doanya:

اللَّهُمَّ يامن يكتفى عن خلقه جميعا ولا يكتفى عنه احد من خلقه جميعا، يا أحد من لا احد له، انقطع الرجاء الا منك، وخابت الآمال الا فيك، ياغياث المستغيثين اغثنى، اغثنى، اغثنى، اغثنى، اغثنى، اغثنى، اغثنى، فانها تقضى باذن الله وذلك مجرب ومن قراها وسعى فى حاجته رجع مسرور القلب وقضيت حاجته

41 kali, nescaya beroleh apa-apa yang dihajatinya.

Siapa-siapa membaca surah (إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ) ketika hendak pergi mengusahakan sesuatu hajatnya, bersukacita masa kembalinya dengan mendapat apa-apa yang dihajatinya.

Siapa-siapa menulis surah (إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ) dan minum airnya nescaya terpelihara tubuhnya daripada perkara-perkara yang tiada disukai olehnya.

Siapa-siapa berkehendak mengetahui penghidupan, tulislah surah (إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ) dan namanya serta nama ibunya dengan za'faran pada suatu punca kain kemudian lipat dan letakkan di atas dada ketika tidur nescaya diberi ketahui baginya pada masa tidurnya itu.

**********

## POHONLAH PETUNJUK DARIPADA TUHAN DENGAN JALAN NAFAS ILMU INI IALAH PAKAIAN HULUBALANG DAN ORANG-ORANG SOLEH PADA BICARAKAN ILMU NAFAS

Adalah pendeta pada ilmu nafas telah memberi petua bahawasanya nafas di liang hidung sebelah kanan dan liang hidung sebelah kiri adalah bermacam-macam jalan yang dibuat pengenalan dengan dia.

**Nama-nama nafas**
Ada pendeta menamakan nafas yang di sebelah kanan hulubalang Allah dan nafas di sebelah kiri hulubalang Muhammad, dan ada pendeta menamakan nafas yang di sebelah kanan matahari nafas yang di sebelah kiri bulan dan ada juga menamakan nafas yang di sebelah kanan roh idafi (اضافي) dan yang di sebelah kiri ayan tsabatuh (اعيان ثابته), dan ada pendeta menamakan nafas yang di sebelah kanan sejahtera yang di sebelah kiri bahaya.

Dan ada lagi nama-nama yang lain daripada yang tersebut itu, maka tidaklah di sebut di sini dengan kerana tiada pergunaan yang banyak, hanya semata-mata hendak menjadi panggilan di antara perkataan guru dengan murid-murid sahaja, apabila disebut matahari mengertilah nafas sebelah kanan, dan apabila disebut bulan, ialah nafas di sebelah kiri, demikian jua panggilan-panggilan di atas yang lain-lain lagi itu.

**Jalan nafas keluar masuk dan gelaran-gelarannya nafas digelar Abu Bakar**
Bahawa adalah jalan nafas keluar masuk di sebelah kanan kiri itu iaitu lima pada sebelah kanan dan lima pada sebelah kiri, iaitu:

Sebelah kanan
1. Yang pertama keluar di sebelah bawah digelar Abu Bakar dan istana pada hati, dan jikalau hampa berat (ada bernas sedikit-sedikit) tiadalah kesusahan atau kesakitan yang besar, dan jikalau bernas benar (kuat benar bernasnya) itulah alamat akan beroleh harta yang banyak dan jikalau sedang bernasnya, pertengahanlah dapat harta dan jikalau sedikit sahaja bernasnya, sedikit sahajalah dapat harta. Dan akan bertemu orang yang kita berhajat itu dan jika kerana hendak mencari orang, kita akan bertemu orang yang kita berhajat itu, dan jika turun dengan nafas itu niat hendak mencari barang-barang hilang hendaklah cari di hadapan dan di kiri kanan, sedikit daripada perjalanan kita barang itu akan bertemu berhampiran dengan air atau di dalam air atau di tempat-tempat rendah.

2. Yang kedua digelar Umar, istana di limpa dan tempat keluarnya di juring (sektor) hidung sebelah kanan, jikalau keluaran itu berasa kuat bernasnya ada juga sedikit-sedikit rezekinya, dan jikalau tiada berasa kuat bernasnya, tiadalah rezekinya dan jikalau turun dengan nafas itu dengan

niat hendak mencari sesuatu atau hendak bertemu dengan orang, hendaklah cari di sebelah kanan, tetapi sukar benar hendak dapat atau bertemu apa-apa yang kita berhajat.

3. Yang ketiga digelar Utsman istananya di paru-paru dan tempat keluarnya di susur juring sebelah atas, dan jikalau keluarnya itu bernas benar, akan datang rezeki sedikit sebanyak daripada pihak yang di atas seperti daripada raja-raja atau orang besar, atau daripada orang-orang yang jauh-jauh. Dan jika ada orang berkhabar sesuatu, adalah perkhabaran itu setengah benar dan setengahnya. Dan jika kita mencari apa-apa barang, adalah barang yang kita cari itu duduk pada tempat yang tinggi, dan jikalau orang hendak datang atau sudah datang berjumpa kita, alamat orang itu tinggi pangkatnya dan mulia qadarnya atau handal pendirian hidupnya.

4 Keempat digelar nafas Ali, istananya di hempedu, tempat keluarnya tepi di nyeding (bahasa Kelantan - berjalan dengan melentikkan belakang) hidung, dan jikalau keluarnya kuat benar bernasnya, adalah pertengahan rezekinya dan jikalau turun hendak pergi bertemu dengan orang, boleh bertemu di atas rumah atau di atas tangga atau di hadapan tangganya, jikalau kita turun dengan niat hendak mencari barang-barang hilang bertemu barang itu, tetapi ada kesusahan sedikit hendak mendapat balik.

5. Yang kelima, inilah jalan yang terutama sekali menyampaikan segala hajat yang kita cintai dan maha tinggi baiknya. Dan jika keluarnya nafas memenuhi alam hidung (ertinya kelima-limanya ada keluar belaka) bahawa menunjuklah segala pekerjaan kita diperkenankan dan pada masa nafas keluar semacam itu maha baiklah kita akan dapat rezeki dan jikalau sekiranya hujan turun ketika itu teramat lebat lagi besar butirnya, kiaslah atas nafas yang lain-lain lagi itu.

Dan Sebelah Kiri:
1. Yang pertama - Apabila keluar di sebelah bawah digelar Jibrail.
2. Yang kedua - di juring sebelah kiri digelar Mikail.
3. Yang ketiga - di juring sebelah atas digelar Israfil
4. Yang keempat - di tepi dinding hidung digelar Izrail.
5. Yang kelima - di tengah-tengah lubang hidung digelar Fatimah

Kelima-lima jalan nafas itu lebih kurang sama juga pengenalannya sebagaimana jalan nafas sebelah kanan juga, tetapi pada peredaran perjalanan sekalian hulubalang tiadalah jalan nafas sebelah kanan sahaja, kerana nafas yang di sebelah kiri itu dikirakan jalan nafas yang bersemangat perempuan sesungguhnya begitu ada juga sedikit-sedikit orang menggunakan nafas yang di sebelah kiri itu. Diiktikadkan faedahnya serupa juga dengan jalan nafas yang di sebelah kanan, bahkan dikatakan lebih baik lagi pada menjauhkan diri daripada perkelahian.
Ada lagi dua pengenalan iaitu yang pertama nafas bisu atau digelar pateri berkurung ialah tiada memberi apa-apa perasaan pada keluar dan masuknya pada hal kita bernyawa keluar dan masuk. Yang keduanya renda gaya panjang hingga ke tapak tangan, maka jika kita dapat nafas-nafas itu

amatlah besar faedahnya dan bagi yang pertamanya tidak dapat dipandang orang jika dapat dipandang pun tiada dikenal dan bagi yang keduanya akan dapat rezeki yang banyak atau dapat kemuliaan, dan lain-lain lagi. Faedahnya amat banyak.

**Jalan hendak mengetahui kehendak kita sendirian.**

Dan sekiranya jika kita hendak mengetahui apa-apa hendaklah bertakbir Allahu Akbar tujuh kali kemudian hisap masuk nafas, dan tahan selama tiga perempat daripada kita boleh menahankannya. Setelah itu lepaslah keluar dengan perlahan, dan hisap masuk pula hingga genap tujuh kali dan pada tiap-tiap kali tahan nafas yang kita hisap masuk itu, hendaklah berniat apa-apa hajat kemudian daripada sempurna pekerjaan itu, hendaklah bersabar selama membaca bismillah sebanyak 41 kali. Setelah itu bolehlah rasa di mana duduknya nafas itu, misalnya nafas duduk di Abu Bakar atau Jibrail itu juga kiaslah kepada yang lain-lain lagi.

**Kalau ditanya apa-apa hajat**

Kalau sekiranya ada orang bertanya kita sesuatu hajat atau perkara, dan diminta hendak mengetahui lebih kurang pada waktu itu juga maka hendaklah kita menimbang kehilangan mata benda atau lainnya. Bila habis pertanyaan hendaklah rasa nafas selalu kalau kita dapati nafas bernas, Insya Allah akan bertemu benda yang hilang atau lainnya itu dan jika nafas hampa serta susah sedikit hendak mendapat balik atau hendak menyampaikan hajatnya. Kalau dapat susah balik atau sampai hajatnya pun lebih kurang setengah sahaja, dan jika nafas hampa layang, tiada boleh dapat apa yang dihajati.

**Jalan hendak mengetahui perkara-perkara yang besar yang akan berlaku**

Apabila hendak mengetahui sesuatu perkara pekerjaan yang besar seperti hendak mengetahui hal ehwal diri sendiri atau orang lain atau apa-apa pekerjaan hendaklah takbir Allahu Akbar tujuh kali pada mulanya masuk zuhur, tiap-tiap kali takbir hendaklah berniat di dalam takbir itu apa-apa hajat lepas itu rasalah nafas di aman duduknya sama ada di sebelah kanan ataupun di sebelah kiri hendaklah ingat. Dan apabila duduknya matahari, hendaklah takbir pula tujuh kali dan berniat sebagaimana yang sudah berniat pada waktu zuhur tadi itu juga setelah itu rasa pula nafas di mana duduknya dan waktu hendak rebah tidur yang biasa hendaklah takbir pula tujuh kali dan berniat seperti dahulu juga. Maka rebahlah tidur jangan mengiring ke kiri atau ke kanan dan bila tetap belakang di tempat tidur, hendaklah rasa nafas, di mana duduknya. Misalan, dapati nafas waktu zuhur di sebelah kanan, dan ketika maghrib di sebelah kanan dan ketika rebah tidur di sebelah kanan dan ketika jaga dan bangun pada pagi besok pun ada di sebelah kanan juga, inilah alamat akan dapat apa-apa hajat. Berkehendakkan demikian itu berturut-turut tiga hari tiga malam, Insya Allah Taala sempurnalah segala cita-cita dengan tiada sedikit pun kesusahan dan jika ketika zuhur di kanan, dan ketika maghrib di kiri dan ketika tidur di kiri juga dan ketika bangun tidur di kanan, itu alamat dapat juga, tetapi pada pertengahan terkena kepayahan yang amat sangat. Pendeknya pada pagi-pagi hari ketika jaga dan bangun ada nafas di sebelah kanan, menunjuklah hasil apa-apa maksud, dan jika jaga pagi bangun daripada tidur nafas di sebelah kiri

menunjuklah tiada sampai apa-apa maksud dan setengah pendeta berkata itulah jalan yang baik (dapat apa-apa dengan lemah lembut).
Jika sekiranya tiada masa bagi kita menimbang sampai tiga hari tiga malam berturut-turut boleh juga di pakai dua malam atau satu malam sahaja, tetapi tiadalah berapa sah sama ada sampai hajat dengan sempurna atau tiada.

**Petua Pendeta bersyahadah pada waktu pagi dan petang**

Dan ada lagi satu pendeta memfatwakan pada tiap-tiap hari ketika mulai bangun tidur hendaklah bersyahadah tiga kali iaitu: (أشهد أن لا اله إلا الله وأشهد أن محمدا رسول الله) setelah itu baca: “Bismillahirrahmanirrahim, akulah yang sebenar-benar Muhammad, bukan aku yang berkata Muhammad, yang sebenar-benar Muhammad yang berkata, dahulu roh, kemudian jasad, hari inilah bapaku, binasa siang ini, binasalah aku, kalau tidak binasa siang ini, sekali0kali tak binasalah aku. Wujud aku, sujud denganMu. Ghaib aku di dalam kandungan ‘La ilaha illallah hu’ (لا إله إلا الله هو) limpah aku dalam kandungan kalimah ‘La ilaha illallah hu’ (لا إله إلا الله هو) kandunglah hai bapaku akan nur Muhammad.” maka hendaklah masukkan nafas kita perlahan-lahan ke dalam pula hingga penuh, kemudian lepas keluar perlahan-lahan juga.

Pada ketika mulai jatuh matahari hendaklah bersyahadah pula seperti sebelah pagi juga dan baca: “Bismillahirrahmanirrahim” serta berkata sebagaimana perkataan di atas juga, tetapi hendaklah tukar perkataan siang itu dengan perkataan “malam” dan perkataan “bapaku” itu dengan perkataam “ibuku” dan hendaklah mulai membaca dan memakai pada pagi dan petang bersyahadah membaca “Bismillahirrahmanirrahim” hingga akhir sehala perkataan itu, Insya Allah Taala tiadalah kita binasa dengan peliharaan Allah.

**Empat perasaan nafas di kiri dan di kanan**
Nafas yang di sebelah kanan dan kiri ada empat persamaan:
1. Yang pertama - jarum sepucuk, tempat keluarnya di tengah-tengah liang hidung dan rasanya seperti jarum sepucuk halus lagi keras.
2. yang kedua - butir lada, tempat keluarnya di tengah-tengah liang hidung juga dan rasanya berbutir seperti butir lada, kuat serta berasa berat tempuhnya.
3. Yang ketiga - Pitis sekeping, keluarnya penuh liang hidung kanan atau kiri dan setengah pendeta berkata, bahawa nafas pitis sekeping itu ada belaka: Muhammad, Abu Bakar, Umar, Utsman dan Ali, itulah sebenar-benar gelaran pitis sekeping.
4. Dan yang keempat - nafas bisu atau pateri berkurang atau rindu kaya ketika keluar masuknya tiada berasa apa-apa walaupun sedikit.
*Bahasa Kelantan, Rindu kaya - rindu khayal atau asyiq.*

**Faedah empat perasaan nafas**

Tuah dan nasib empat perasaan itu, jika bertemu jarum sepucuk tiada berlawan, ialah yang terutama sekali dan sempurna segala hajat, dan jika berkekalan sampai tiga hari tiga malam, atau tujuh hari tujuh malam ialah seseorang yang bertuah di dalam peredaran hidupnya, dan jika bertemu dengan nafas butir lada pada ketika itu kita jadi kebal, dan anggota kita bertambah kuat, dan gagah kuasa ialah yang bernasib baik, dan jikalau bertemu dengan nafas pitis sekeping pada masa itu kita jadi pelias dan terpelihara daripada ditempuh orang atau binatang, dan terpelihara daripada kecederaan, dan jika bertemu dengan nafas bisu atau rindu kaya, mudah di dalam tiap-tiap pekerjaan kita - bahawa kedua-dua nafas ini alamat maha baik.

**Pesanan pendeta nafas terlampau panas dan sejuk**

Telah dipesan oleh tiap-tiap pendeta bahawa nafas yang berasa panas lebih daripada biasa itu kita akan berdarah, dan jikalau nafas itu sejuk, menunjukkan kita akan lemah atau sakit. Dan jika nafas itu berhampa berat sampai jua sedikit-sedikit maksud tetapi tiada sempurna, dan jika nafas berhampa layang menunjukkan tiada hasil apa-apa hajat. Dan selagi nafas ada berasa bernas walaupun di dalam sakit yang berat, Insya Allah ada lagi rezeki kita di dalam dunia.

Sesungguhnya diperingatkan perjalanan nafas pada semua ketika atau pada sekali atau beberapa kali sehari atau pada seminggu dua atau tiga kali, atau di dalam masa 41 hari, dua tiga hari datang sekali kesusahan nafas, iaitu menangis boleh terdengar kepada telinga kita sendiri keadaan itu, pada jalan kita ada di dalam sihat, tidak selesema, tidak sakit, tidak tumpat hidung dan tidak berhingus, hal ini hendaklah kita beringat benar-benar itulah alamat akan datang bencana yang panjang dan bahaya yang besar atau kesusahan yang teramat banyak pada kita, atau kepada ahli kampung kita atau kepada isi negeri sekalian, ialah seperti kedatangan penyakit cerah atau demam yang berat dan lainnya, daripada segala yang mendatangkan huru-hara yang besar, maka hendaklah kita bersungguh berdoa minta kepada Allat SUBHANAHU WA TAALA menjauhkan kita dan sekalian ahli kampung dan isi negeri daripada segala bala dan wabak dan hendaklah kita bersedekah kepada fakir dan miskin pada tiap-tiap hari selama kita kuasa membuatnya, mudah-mudahan Allah SUBHANAHU WA TAALA memasukkan kita ke dalam peliharaannya dan mengurniakan petunjuk kepada kita, supaya terlepas kita sekalian daripadanya.

**Alamat hendak terkena kesusahan nafas bergilir-gilir**

Jika kita hendak terkena kesusahan, apa-apa atau hendak datang seteru, atau perbuatan yang menyusahkan kita, tak dapat tiada nafas kita bergilir-gilir sebentar di kiri dan sebentar di kanan serta berkamera pula, hendaklah kita menjaga diri, dan berikhtiar melepaskan diri kita, daripada bertemu dengan kesusahan itu, dan sungguhpun nafas kita bergilir-gilir menunjukkan susah, tetapi kalau kuat bernas Insya Allah kesusahan-kesusahan itu tiada boleh mencederakan kita dan jikalau sekiranya kita tengok ribut atau pokok awan yang kita boleh fikir hujan akan datang jika nafas tak berasa susah nyatalah hujan itu akan sampai, dan jikalau rumah di kampung-kampung atau di bandar hendak terbakar atau hendak datang bah besar - sekurang-kurangnya tiga hari

terlebih dahulu daripada masa hendak berlakunya, kita mendapat alamat nafas bergilir-gilir sebagaimana yang tersebut di atas itu juga.

Jika kita duduk jauh dengan kampung atau rumah tangga, tiba-tiba terdatang kesusahan nafas, dan hati kita pada ketika itu teringat kepada hal ehwal di rumah atau di kampung atau anak buah kita atau lain-lainnya maka hendaklah rasa baik-baik nafas itu bernas atau berkamera atau hampa, dan jika bernas tiadalah apa-apa dan jika berkamera ataupun hampa, menjauhkanlah ada kesusahan, banyak atau sedikit mengikut kadar keelokan dan kehodohan nafas itu,
Adapun, bacalah doa ini untuk mengelak mudarat:

رسول الله يقول من قال بسم الله الذي لا يضر مع اسمه شيء في الأرض ولا في السماء وهو السميع العليم ثلاث مرات لم نصبه فجأة بلاء حتي يصبح ومن قالها حين يصبح ثلاث مرات لم نصبه فجأة بلاء حتي يمسي

**Petua hendak turun berjalan**
Apabila kita hendak turun berjalan hendaklah cari nafas yang baik di sebelah kanan atau di sebelah kiri dan adalah makna nafas yang baik itu iaitu bernas serta tidak berkamera, Insya Allah sampailah segala hajat mengikut kadar bernasnya dan sejahteralah daripada segala bahaya dan jikalau sekiranya nafas kurang bernas dan berkamera - kita turun juga pada ketika itu sukarlah segala pekerjaan dan tidak diambil berat atau hirau sangat apa-apa perkataan kita oleh orang dan jika turun dengan nafas yang berkamera atau yang hampa, semua pekerjaan tiada berjaya dan tidak pula dapat apa-apa hajat kita. Nafas yang hampa itu setengah pendeta berkata adalah seperti asap, kalau datang pada ketika itu, sampailah kepada tubuh kita.

**Jalan-jalan supaya menjadikan anggota kebal dan timbul**
Apabila kita berhajat hendak menjadikan anggota kita kebal dan timbul boleh menahankan apa-apa perbuatan seteru, hendaklah kita guntil nafas dengan ibu jari dan telunjuk, sehingga berasa berbutir-butir lebih kurang seperti lada hitam, dan apabila kita dapat seperti itu, hendaklah memenuhkan alam diberi hingga sampai 7 kali dan pada kali yang kemudian sekal, hendaklah kita tahan jangan beri keluar nafas itu, dan jika kita berasa penuh tumpat dan tidak pula berasa bocor atau pecah mana-mana- Insya Allah tiadalah apa-apa yang boleh mudaratkan diri kita.

**Jalan-jalan hendak mengenal budak yang baharu zahir (belum dilihat) dan tuah nasibnya**
Jikalau kita ada di mana-mana tiba-tiba datang perkhabaran mengatakan si pulan itu beranak, jika nafas di kanan budak itu lelaki dan jika nafas di kiri, budak itu perempuan dan tuah nasib budak itu tengoklah keras lembut dan bernasnya. Jika keras dan bernas menunjukkan budak itu baik qadarnya, dan jika hampa berat menunjuklah budak itu kehidupannya, tiada lebih daripada

kebanyakan orang dan jika hampa lagi ataupun berasap, alamatnya budak itu tiada boleh kesenangan sebagaimana kebanyakan orang.

**Hendak mencari atau menurut orang**

Apabila kita hendak pergi mencari atau menurut orang, hendaklah nafas kita ada di sebelah di kanan dan di sebelah kiri (berganding) lebih kurang berat sedikit di sebelah kanan serta ada bernas, turunlah pergi, Insya Allah kita akan berjumpa. Dan tak usahlah takut kejahatannya.

**Kita tengah berjalan nafas kurang sama berat**

Jikalau kita tengah berjalan atau berhenti daripada perjalanan tiba-tiba kita berasa nafas sama berat, akan bertemu dengan seteru atau seseorang bengis, dan pada ketika berjumpa hendaklah kita lalu atau duduk tindih nafas kita kepada pihaknya demikian juga pada masa kita berkelahi hendaklah kita berkata pada ketika itu:
"Ya hayyu, Ya Qayyum, Hai Tuhanku, pelihara olehmu akan daku daripada segala kejahatan seteruku. Bahawa engkau ada sertaku".
Katalah beberapa kali Insya Allah selamatlah kita daripada kejahatan seteru.

**Bertemu dengan orang hendak pergi mencari ikan atau lain-lainnya**

Jika kita bertemu dengan orang yang hendak mencari ikan seperti mengail, memukat, menjala dan sebagainya, nafas kita ada pada Abu Bakar. Kalau kuat bernasnya, banyaklah dapat ikan, dan mata kailnya tersangkut di bibir mulut ikansebelah bawah dan kebanyakan ikan jantan belaka. Dan jika nafas Umar atau Utsman atau Ali kalau bernas benar-benar, ada dapat juga ikan tetapi tidak banyak. Itulah mengikut kadar bernas jua. Dan jikalau hampa berat atau hampa layang, tidaklah mendapat ikan. Jikalau bertemu dengan ikan pun, boleh tengok sahaja, demikian jua nafas di sebelah kiri tetapi kebanyakan ikan betina belaka. Hendaklah kiaskan lagi pada hal-hal lain pekerjaan dan pendapatannya.

**Rasa Nafas waktu hendak tidur**

Sebagai lagi pada ketika kita hendak tidur, jika berasa keras di sebelah kanan, hendaklah kita tidur tindih kanan, dan jika berasa keras di sebelah kiri, hendaklah tidur tindih kiri. Dan jika hendak bangun, hendaklah bangun dengan nafas kita tidur itu juga.

**Perkhabaran yang datang kepada kita**

Jika datang orang lelaki membawa apa-apa perkhabaran, dan pembawa khabar itu ada di sebelah kanan dan nafas kita pun ada di sebelah kanan juga, menunjuklah perkhabaran itu benar dan jika orang itu di sebelah kiri menunjukkan perkhabaran yang dibawa itu - dusta.
Dan jika orang perempuan membawa khabar apa-apa, nafas di sebelah kiri dan perempuan itu di sebelah kiri juga menunjukkan perkhabaran itu betul, dan jika perempuan itu di sebelah kanan menunjukkan perkara itu dusta. Tetapi ada sesetengah pendeta berkata, tiap-tiap datang perkhabaran kepada kita sama ada lelaki atau perempuan, hendaklah rasa baik-baik. Dan jika

cukup bernas, menunjuklah perkhabaran itu betul semuanya. Dan jika setengah sahaja bernas, menunjukkan perkhabaran itu setengah sahaja yang betul dan setengah dusta. Dan jika sedikit sahaja bernas - menunjuklah sedikit sahaja perkhabaran itu betul, banyak dusta. Dan jika hampa semuanya, sedikit pun tidak bernas, menunjuklah perkhabaran itu semua dusta.

**Simpan nafas ke dalam fuad (فؤاد)**

Jika kita bertemu nafas yang baik, hendaklah kita kirim kepada fuad dengan berkata "Ya Hu, Ya man Hu" (ياهو يا من هو), apabila berkehendak nafas yang kita kirim di fuad itu keluar hendaklah berniat minta nafas yang baik itu keluar dengan perkataan Ya Hu Ya man Hu (ياهو يا من هو) juga.

**Siapa-siapa hendak memakai ilmu nafas**

(Petua) bagi sesiapa yang hendak memakai ilmu ini, hendaklah menyempurnakan segala pesanan bagaimana di bawah ini.

1. Yang pertama - taubat segala dosa
2. Yang kedua - menjauhkan diri dari segala maksiat.
3. Yang ketiga - Memelihara lidah dari bercakap dusta, dan apabila kita bercakap dusta dengan mana-mana jalan sekalipun akan jadi balik yang menerikkan nafas kepada jalan yang mungkar, pada sekali berdusta, akan jadi beberapa kali mungkar.
4. Yang keempat - hendaklah berserah kepada Allah Subhanahu Wa Taala segala pekerjaan dan gerak diam kita.
5. Yang kelima - Hendaklah berpegang dengan kuat bahawa Allah ada berserta kita di mana-mana kita ada dan mengurniakan petunjuk kepada kita pada segala pekerjaan zahir dan batin.
6. Yang keenam - Hendaklah sentiasa berzikir Allah Hu (الله هو). Inilah perkataan berhajat kepada ahli yang boleh mengijazahkannya.
7. Yang ketujuh - Berzikir hendaklah berkekalan, dikecualikan mata jendera.
8. Yang kelapan - Sentiasa ada air sembahyang pada tubuh
9. Yang kesembilan - memelihara diri daripada makan dan minum harta yang tiada halal dan apabila kita dengan keadaan demikian, nescaya sampailah kita kepada martabat tinggi.

Dan lagi hendaklah ingat pada tiap-tiap pagi atau waktu jaga daripada tidur hendaklah takbir Allahu Akbar tujuh kali, istimewa pula pada ketika naik matahari dan ketika jatuhnya.

**Beramal dalam masa 41 hari**

Siapa-siapa hendak memakai ilmu nafas, hendaklah beramal dalam masa 41 hari pada malam sahaja atau pada siang sahaja, atau pada malam dan siang mulai daripada hari Isnin atau pada malamnya, sebelum bulan purnama, kerana mencari pengenalan dan pengecaman yang tentu pada tiap-tiap jalan nafas yang lima dan nafas bisu terutama sekali terlebih dahulu daripada kita hendak mencari dan mengenal itu. Hendaklah mendahului sembahyang sunat hajat dua rakaat terlebih dahulu dan kedudukan kita mengamalkannya hendaklah menghadap kiblat dengan bersila (tidak bertimpuh) dan kedudukan tubuh kita betul atau condong sedikit ke pihak hadapan

dan berniat minta tuhan menunjukkan jalan nafas yang lima dan nafas bisu yang keluar masuk di kedua-dua alam hidung itu dan setelah berniat hendaklah kita berzikir Allah Hu (الله هو) sekurang-kurangnya 70 kali atau 100 kali dan tiap-tiap dua puluh kali kita berzikir hendaklah kita rasa di mana nafas duduk dan apabila genap berzikir - bolehlah beredar pergi makan minum dan membuat apa-apa pekerjaan. Setelah genap 41 hari, hendaklah kita keluar daripada amalan itu dengan memberi sedekah sedikit atau banyak kepada fakir miskin.

**Ilmu nafas amatlah panjang dan luas peredarannya**

Telah berkata dan berpesan sekalian pendeta, bahawasanya pengenalan dan pengetahuan ilmu nafas itu teramatlah panjang dan luas peredarannya yang boleh dapati daripadanya. Maka dengan sebab itu, tiadalah diberi petua tiap-tiap satu perkara dengan mencukupkan. Hanya diberi petua kadar menjadikan ibu pengenalan sahaja dan bagi mendapatkan tiap-tiap satu pengenalan dengan panjang dan luas itu hendaklah dengan timbangan dan pengecaman sendiri. Maknanya pada tiap-tiap hari dan malam hendaklah kita menaruh peringatan dengan terangan apa-apa nafas yang berlaku pada siang dan malam itu sama ada baik atau jahat, dan jikalau sekiranya terkeluarlah nafas sebagaimana yang telah sudah kita perhati dan cam itu - pada mana-mana masa yang lin faedahnya atau kejadiannya Insya Allah tiada mungkir lagi daripada apa-apa yang kita sudah ketahui dalam masa yang telah lalu itu.

Ingat-ingat, hendaklah amal dan pakai dengan cermat menimbangkan tiap-tiap perkara itu mudah-mudahan dapat petunjuk daripada tuhan yang Maha Kusa melakukan kudrat dan iradat tiap-tiap sesuatu. Wallahu a’lam.

**********

**AYAT TUJUH**

Kata Kaab bin Al-Akhbar Radiallahuanhu, tujuh ayat dalam kitab Allah bila ku bacakan dia, tidak ku endahkan apa-apa hingga terbalik bumi sekalipun lepas aku dengan izin Allah. Dan kata sayidina Ali Radiallahuanhu, siapa menjadikan tujuh ayat ini wirid pagi dan petang, selamatlah daripada kebinasaan masa kedatangan bala serta bersepakailah dengan pakaian peliharaan Allah daripada tipu daya seteru iaitu:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ

وَإِنْ يَمْسَسْكَ اللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ وَإِنْ يُرِدْكَ بِخَيْرٍ فَلَا رَادَّ لِفَضْلِهِ يُصِيبُ بِهِ مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَهُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا كُلٌّ فِي كِتَابٍ مُبِينٍ

إِنِّي تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ رَبِّي وَرَبِّكُمْ مَا مِنْ دَابَّةٍ إِلَّا هُوَ ءَاخِذٌ بِنَاصِيَتِهَا إِنَّ رَبِّي عَلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

وَكَأَيِّنْ مِنْ دَابَّةٍ لَا تَحْمِلُ رِزْقَهَا اللَّهُ يَرْزُقُهَا وَإِيَّاكُمْ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

وَلَئِنْ سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ قُلْ أَفَرَأَيْتُمْ مَا تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ أَرَادَنِيَ اللَّهُ بِضُرٍّهَلْ هُنَّ كَاشِفَاتُ ضُرِّهِ أَوْ أَرَادَنِي بِرَحْمَةٍ هَلْ هُنَّ مُمْسِكَاتُ رَحْمَتِهِ قُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ عَلَيْهِ يَتَوَكَّلُ الْمُتَوَكِّلُونَ

*********

## FADILAT SURAH AL-KAUTSAR
## (إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ)

Siapa-siapa membaca surah (إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ) nescaya dapat minum air sungai yang mengalir dalam syurga dengan kurnia Allah Taala
Siapa-siapa beramal dengan bersungguh-sungguh membaca surah (إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ) nescaya lembut hatinya dan sentiasa taat dan khusyuk kepada Allah Subhanahu Wa Taala.

Siapa-siapa membaca surah (إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ) 100 kali pada mata yang tiada berapa mengalir, serta kurang airnya nescaya menjadi banyak airnya itu.

Siapa-siapa membaca surah (إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ) pada air mawar dan sapukan airnya ke mata pada tiap-tiap hari, nescaya bertambah-tambah terang pandangannya dan selamat daripada sakit.

Siapa-siapa membaca surah (إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ)pada suatu rumah yang kena sihir serta jadi mudarat kepadanya sihir itu, dan ditunjukkan oleh Allah Subhanahu Wa Taala kepadanya akan tempat yang diletakkannya.

Jika ditulis surah (إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ) dengan manisan madu dan suatu bejana yang bersih dan di campur ke dalam makanan orang-orang yang tiada mahu berbuat kebajikan, umpama tiada suka berpuasa, bersedekah dan menolong orang-orang yang kena kesusahan, kemudian diberi makan akan dia nescaya dibuka oleh Allah Taala akan hatinya pada membuat kebajikan dan terbuang daripadanya perkara-perkara kekejian.

Siapa-siapa hendak terkena jel, bacalah surah (إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ) 71 kali mudah-mudahan dapat terlepas daripadanya dengan azan Allah Subhanahu Wa Taala.

Siapa-siapa membaca surah (إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ) 300 kali pada tempat yang sunyi dengan niat hendak mendapat kemenangan di atas seteru, nescaya ditolong akan dia oleh Allah Subhanahu Wa Taala pada menyempurnakan hajatnya.

Siapa-siapa membaca surah (إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ) 300 kali kerana bermaksud hendak melepaskan orang dari penjara atau daripada pendakwaan, nescaya beroleh apa-apa yang dimaksudkan.

Siapa-siapa membaca surah (إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ) 1000 kali kerana suatu hajat, nescaya berhasil dengan segera.

**********

## FADILAT SURAH AD-DHUHA

## (وَالضُّحَى)

Siapa-siapa yang membaca surah (وَالضُّحَى) tujuh kali ketika terbit matahari dan ketika jatuhnya, nescaya tiada datang kepadanya kebinasaan dan apa-apa pun tiada dapa lari melepaskan diri daripadanya, terpelihara rumahnya daripada pencuri dan taun, serta dijadikan Allah Subhanahu Wa Taala di keliling rumahnya itu suatu kot besi pada pemandangan pencuri atau orang jahat yang hendak memasukinya.

Sabda Rasulullah ﷺ ertinya sesiapa keciciran atau kehilangan barang-barang atau ada siapa-siapa melarikan diri daripadanya hendaklah sembahyang sunat duha pada hari Jumaat sebanyak lapan rakaat, lepas daripada sembahyang baca surah as-duha tujuh kali dan berdoa

يا جامع العجائب يا راد كل غائب يا جامع الشتات يا من مقاليد الأمور بيده اجمع علي ضائعي أو فلان بن فلانة لا جامع له إلا أنت فأنك على كل شيء قدير

Dan jika sembahyang itu kerana harta orang lain hendaklah sebut nama tuannya tukar pada tempat (فلان بن فلانة) iaitu umpama (علي بن عائشة) nescaya dapat balik barang-barang dan kembali yang lari itu.

Siapa-siapa yang beramal membaca surah (وَالضُّحَى) 40 kali sehari selama 40 hari dan doa:

Nescaya diperintahkan Allah Taala orang datang mengajar hikmah-hikmah kepadanya iaitu pada waktu jaganya ataupun dengan jalan mimpi.

Wallahu a'lam

**********

## FADILAT SURAH ALAM NASYRAH
## (أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ)

Siapa-siapa yang membaca surah (أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ) jadi wirid pada tiap-tiap lepas sembahyang fardu, nescaya hilang dukacitanya dan dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wa Taala akan rezekinya dengan beberapa banyak.

Siapa-siapa sentiasa banyak membaca surah (أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ) mudah mendapat rezeki dan luas fikirannya, menang membuat sesuatu pekerjaan dan hilang daripadanya malas.

Siapa-siapa yang membaca surah (أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ) tujuh kali pada tiap-tiap lepas sembahyang nescaya terlepas daripadanya kesusahan dan memohon oleh Allah Subhanahu Wa Taala akan rezekinya.

Siapa-siapa yang membaca surah (أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ) 40 kali pada tiap-tiap lepas sembahyang fardu selama tujuh hari berturut-turut, nescaya dikurniakan Allah Subhanahu Wa Taala kepadanya kekayaan.

Siapa-siapa susah pada suatu pekerjaan, hendaklah sembahyang dengan kaifiat yang tersebut di bawah ini, nescaya sampai maksudnya, iaitu:

1. Sembahyang sunat dua rakaat.

2. Pada tiap-tiap rakaat baca Surah Al-Fatihah dan surah (mana-mana surah)

3. Lepas sembahyang, duduk menghadap kiblat dengan tetap bersungguh-sungguh ingatlah akan Allah Subhanahu Wa Taala, dan baca Surah (أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ)sebanyak bilangan hurufnya.

4. Sesudah membaca Surah (أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ), pohonkanlah apa-apa yang di hajati daripada Allah Subhanahu Wa Taala.

Siapa-siapa membaca Surah (أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ) 200 (dua ratus) kali pada tiap-tiap hari ketika matahari naik (waktu dhuha), nescaya memperlihatkan oleh Allah Subhanahu Wa Taala. kepadanya perkara-perkara yang ajaib.

Siapa-siapa berhajat sesuatu perkara, bacalah Surah (أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ) 700 (tujuh ratus) kali atau 1000 (seribu) kali pada tiap-tiap hari selama ia mengusahakannya, nescaya beroleh apa-apa yang di hajati.

Siapa-siapa menulis Surah (أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ) pada suatu bekas dan menghapuskannya dengan air mawar kemudian minum, nescaya hilang dukacitanya dan terpelihara daripada terkejut. Setengah daripada khasiat Surah (أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ) itu ialah di baca kerana jadi ubat demam dengan kaifiat:

1. Ambillah seurat benang daripada kulit kayu dan bacakan Surah (أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ).

2. Tiap-tiap ketika baca huruf “Kaf” daripadanya, simpullah benang itu sekali, hingga cukup jumlah semuanya tujuh kali simpul.

Kemudian ikatkan benang itu ke tangan orang yang demam pada pergelangannya yang di sebelah kiri.

Siapa-siapa benak menghafaz, tulislah Surah (أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ) dan minum airnya bersama-sama menelan air liur ketika berbuka puasa selama tujuh hari berturut-turut, nescaya mudah ingat apa-apa yang di hafaznya, dan jika minum airnya itu lain daripada masa berbuka boleh juga, tetapi yang baiknya ialah pada masa yang tersebut.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya siapa membaca surah (أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ), akan dikurnia kepadanya kelebihan empat orang yang datang menyukakan hatiku ketika aku duduk di dalam kedukaan.

**********

## FADILAT KALIMAH TAUHID

Sabda rasulullah ﷺ ertinya, siapa-siapa membaca dua kalimah syahadah iaitu ( لا إله إلا الله محمد رسول الله) dengan yakin bahawa sesungguhnya tiada ada disembah melainkan daripada Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah serta menunaikan hak-hak kalimah syahadah itu iaitu dengan menjunjung membuat perintah Allah dan menjauhi apa-apa larangan, nescaya menjauhkan dia oleh Allah Subhanahu Wa Taala daripada api neraka.
Allah Azza Wa Jalla berfirman:-

Sabda rasulullah ﷺ ertinya; Iman yang terlebih afdal ialah ketahui dan ingat bahawasanya Allah taala itu sentiasa ada berserta engkau walau ke mana-mana engkau pergi.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya; siapa-siapa membaca kalimah (لا إله إلا الله محمد رسول الله) 100 kali nescaya dibangkitkan dia pada hari kiamat dengan rupa yang molek empat bulan purnama.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya; seafdal-afdal perkataanku dan perkataan sekalian nabi-nabi yang dahulu daripada aku ialah (لا إله إلا الله محمد رسول الله)

Sabda rasulullah ﷺ ertinya; siapa-siapa hati di dalam masa iktikad yang putus pada kalimah (لا إله إلا الله محمد رسول الله) dengan yakin tiada tuhan yang disembah dengan sebenarnya melainkan Allah, nescaya masuk syurga.

**********

## FADILAT SURAH YASIN

## (فضائل سورة يس)

Sabda rasulullah ﷺ ertinya; surah Yasin ialah hati bagi al-Quran dan sesiapa membacanya kerana menilik kepada balasan akhirat, nescaya diampunkan dosanya oleh Allah Subhanahu Wa Taala dan juga bacalah surah Yasin itu pada orang-orang mati.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya; tiap-tiap sesuatu itu ada mempunyai hati, begitu juga al-Quran iaitu hatinya surah Yasin, maka sesiapa membacanya nescaya dituliskan pahalanya sebanyak sepuluh kali baca al-Quran.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya; sesiapa yang membaca surah Yasin kerana Allah Taala pada mana-mana malam, nescaya diampunkan dosanya oleh Allah Subhanahu Wa Taala dan bacalah Yasin untuk orang yang mati juga.

Sabda rasulullah ﷺ ertinya; sesiapa sentiasa membaca surah Yasin jadi wiridnya pada tiap-tiap malam hingga sampai ajalnya, nescaya beroleh mati syahid.

Sabda rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wassalam ertinya; sesiapa membaca surah Yasin pada tiap-tiap malam nescaya diampunkan dosanya oleh Allah Subhanahu Wa Taala pada paginya.

Sabda rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wassalam ertinya; sesiapa membaca surah Yasin dengan niat yang bersungguh-sungguh menghadap Allah Taala, nescaya diampunkan dosanya oleh Allah

Taala dan dikurniakan pahala yang berganda kepadanya seumpama membaca al-Quran dua puluh kali khatam.

Sesiapa daripada orang Muslim yang dibacakan kepadanya surah Yasin ketika Malaikat Maut berbetulan turun hendak mengambil nyawanya, nescaya datang sertanya beberapa Malaikat yang lain sebanyak sepuluh kali ganda sekalian huruf surah Yasin itu dan semua mereka itu berdiri bersaf-saf di hadapan dengan mengucap selawat dan memenuhkan ampuni baginya dan hadir mereka itu ketika dimandikan dan di sembahyang mereka itu akan dia dan mengiring ke kubur hingga selesai dikuburkan.

Sesiapa yang membaca surah Yasin nescaya menolong baginya dua puluh saksi dan siapa yang mendengarnya dikurniakan kepadanya pahala umpama orang yang menyedekahkan 1000 dinar kerana fisabilillah.

Sesiapa yang menulis surah Yasin dan minum airnya, nescaya masuk ke dalam rongganya 1000 macam ubat dan seribu nur, seribu berkat dan seribu rahmat dan keluar dari dalamnya sekalian penyakit-penyakit dan kejahatan.

Sesiapa membaca surah Yasin ketika subuh, nescaya sentiasa beroleh sukacita pada siangnya dan apabila dibaca ketika petang, beroleh sukacita pada malamnya hingga sampai subuh.

Tersebut pada hadis, baca olehmu akan surah Yasin dan di dalamnya ada dua puluh berkat dan jika dibaca oleh orang yang lapar, nescaya jadi kenyang dan jika dibaca oleh orang yang tiada mempunyai pakaian bagi menutup auratnya, nescaya mendapat ia, dan jika dibaca oleh orang yang tiada beristeri, nescaya mendapat akan dia dan jika dibaca oleh orang yang takut, nescaya hilang ketakutannya dan jika dibaca oleh orang yang terkena kurung, nescaya terlepas daripadanya dan jika dibaca oleh orang yang musafir, nescaya dapat pertolongan di dalam perjalanan dan jika dibaca orang yang kehilangan harta bendanya, nescaya dapat balik benda yang hilang itu, jika dibaca pada mayat, mudah-mudahan diringankan azabnya, dan jika dibaca oleh orang yang dahaga, nescaya hilang kedahagaannya dan jika dibaca oleh orang yang sakit nescaya sembuh kesakitannya.

Tersebut pada hadis rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wassalam surah Yasin itu jika dibaca pada suatu hajat, nescaya diperoleh apa-apa yang di cita.

Sesiapa membaca Yasin hingga sampai kepada ayat ke-13 ( وَاضْرِبْ لَهُمْ مَثَلًا أَصْحَابَ الْقَرْيَةِ إِذْ جَاءَهَاالْمُرْسَلُونَ) kemudian berdoa apa-apa maksudnya, nescaya makbul doanya itu.

Sabda rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wassalam ertinya; sesiapa membaca surah Yasin pada mana-mana waktu, nescaya terpelihara dirinya daripada dosa pada hari itu.

Sabda rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wassalam ertinya; bahawasanya dalam al-Quran itu ada satu surah namanya Yasin, dan surah itu mensyafaatkan bagi sesiapa yang membacanya dan menuntut ampuni bagi orang yang mendengarnya.

Sabda rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wassalam ertinya; sesiapa yang beriman membaca surah Yasin dan surah ad-Dukhan, pada malam hari dengan niat mengharap kurnia Allah Taala nescaya diampunkan dosa-dosanya oleh Allah Subhanahu Wa Taala.

Sabda rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wassalam ertinya; sesiapa sembahyang sunat dua rakaat pada malam Jumaat dan membaca pada rakaat pertama kemudian daripada Al-Fatihah, surah Yasin dan pada rakaat kedua surah تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ (al-Mulk) nescaya dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wa Taala baginya nur sebanyak huruf daripada surah yang dibacanya dan sekalian menuju kepadanya dan akan menerima rotan amalan dengan tangan kanan dan mudah-mudahan terlepas daripada neraka.

Sesiapa membaca surah Yasin 7 kali atau 21 kali ataupun 41 kali ketika bermaksud pada sesuatu, nescaya berhasil maksud itu.

Sesiapa membaca surah Yasin 7 kali dengan kaifiat yang tersebut di bawah ini pada menghasilkan hajatnya, nescaya beroleh yang dihajatkannya itu iaitu:
1. Pada permulaan baca Yasin tujuh kali.
2. Apakala sampai pada ayat 38: (ذَلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ) baca 14 kali
3. Apakala sampai pada ayat 58: (سَلَامٌ قَوْلًا مِنْ رَبٍّ رَحِيمٍ) baca 16 kali
4. Apakala sampai pada ayat: (أَوَلَيْسَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِقَادِرٍ عَلَى أَنْ يَخْلُقَ مِثْلَهُمْ بَلَى) baca 14 kali

Sesiapa menulis surah Yasin 7 kali dengan air mawar yang bercampur za’faran pada suatu bejana dan minum airnya tujuh pagi berturut-turut, nescaya mudah ingat apa-apa yang didengarnya dan boleh kesukaan di dalam perubahannya dan besar darjatnya.

Sesiapa menulis surah Yasin dengan kasturi yang bercampur za’faran dan minum airnya, nescaya mudah menghafaz apa-apa yang dipelajarinya.

Jika ditulis surah Yasin dengan kasturi yang bercampur za’faran, kemudian dihapuskan dengan air dan beri minum kepada perempuan yang menyusukan kanak-kanak, nescaya anak yang menyusu daripadanya itu mendapat susu yang mengenyangkan lagi menjadi ubat baginya.

Jika ditulis surah Yasin dan surah al-Fatihah, surah al-alaq, dan surah an-nas pada suatu bekas kemudian dihapuskan dengan air hujan dan beri minum kepada orang sakit dengan membaca

نويت الشفاء بآيات الله العظام واسمائه الكرام

Ketika hendak minum, nescaya sembuh penyakitnya.

**********

**FADILAT SURAH AL-WAQI'AH**

**(الْوَاقِعَةُ)**

Sabda rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam ertinya; sesiapa membaca surah Al-Waqi'ah nescaya selamat dari papa dan kefakiran selama-lamanya.

Tersebut di dalam hadis, sesiapa sentiasa mengamalkan surah al-Waqiah menjadi wiridnya, nescaya beroleh kesenangan selama-lamanya dengan tiada berhajat kepada suatu apa pun.

Sabda rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam ertinya; sesiapa sentiasa membaca surah Al-Waqi'ah pada tiap-tiap malam nescaya tiada akan merasai kepapaan dan surah al-Waqi'ah itu ialah suatu surah bagi kekayaan maka bacakanlah dan ajarkanlah kepada anak-anak kamu.

Menurut fatwa sebahagian Ulama' katanya: "Barang siapa membaca surah Al-Waqi'ah pada setiap hari dan malam dalam satu majlis sebanyak 40 kali, selama 40 hari pula, maka Allah akan memudahkan rezekinya dengan tanpa kesukaran dan mengalir terus dari pelbagai penjuru serta berkat pula.

Sesiapa berkehendak mengetahui cerita orang-orang dahulu dan orang-orang yang kemudian dan perkhabaran ahli dunia dan akhirnya dan hal orang-orang yang di dalam syurga dan neraka, bacalah surah al-Waqi'ah.

Sesiapa membaca surah al-Waqiah dengan bersungguh-sungguh hatinya sebanyak 40 kali pada tiap-tiap hari selama 40 hari berturut-turut, nescaya dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wa Taala kepadanya akan rezeki yang banyak dengan tiada merasai kepenatan baginya.

Sesiapa membaca surah al-Waqi'ah 14 kali kemudian daripada sembahyang asar nescaya dikurniakan kepadanya akan rezeki yang banyak oleh Allah Subhanahu Wa Taala.

Sesiapa membaca surah al-Waqi'ah 41 kali dalam masa sekali duduk pada menghasilkan suatu maksud, nescaya beroleh perkara yang dimaksudkan itu.

Sabda rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam ertinya: mereka-mereka yang mengamalkan surah al-Hadid, surah al-Waqiah dan surah ar-Rahman beroleh gelaran daripada yang Maha Besar kerajaan bumi dan langit dengan seruan 'Penduduk Syurga Firdaus'.

**********

## FADILAT SURAH AL-MULK

## (تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ)

Sabda rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam ertinya: bahawanya di dalam al-Quran ada satu surah yang mengandungi 30 ayat yang bernama surah al-Mulk, dan surah ini mensyafaatkan mereka-mereka yang membacanya dan diampunkan oleh Allah Subhanahu Wa Taala akan dosa mereka dengan syafaatnya itu.

Sabda rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam ertinya: bermula surah al-Mulk itu akan memelihara dan melepaskan orang yang membacanya daripada kena azab kubur.

Sabda rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam ertinya: Aku sukacita benar sekiranya orang mukmin sentiasa membaca surah al-Mulk hingga jadi seolah-olah surah itu ada tertulis di dalam hati mereka itu.

Sabda rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam ertinya: siapa membaca surah al-Mulk pada tiap-tiap malam, diselamatkan akan dia daripada keazaban kubur.

Sabda rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam ertinya: sesiapa membaca surah al-Mulk pada mana-mana malam, nescaya datang ke dalam surah itu kerana bersoal jawab menggantikan yang membacanya.

## PADA MENGETAHUI RAHSIA-RAHSIA SEGALA HURUF KHADAM-KHADAM DAN KHALWATNYA.

### HURUF ALIF

(ا)

Ketahuilah olehmu huruf alif ini awal-awal kejadian huruf iaitu bilangan satu ialah kandungan rahsia tuturan atau percakapan. Adapun huruf-huruf yang lain kandungan rahsia perbuatan jua, huruf ini memberi sebab-sebab, kesan-kesan ketinggian bagi mereka yang berkekalan amalannya zahir dan batin dan di bawah kehendak segala isi alam ini yang semuanya daripada kurnia tuhan yang maha kuasa.

Ketahuilah huruf alif ini pati segala kejadian alam dan perhinggaan kemuncak kemuliaan yang amat tinggi yang membawa kepada setinggi-tinggi rahsia kesempurnaan. Huruf alif kandungan rahsia nama Allah al-qayyum dan ialah permulaan huruf asma Allah Al-Izhom. Permulaan Al-Fatihah, permulaan segala surah-surah. Huruf ini dibangsakan kepada (nurani) cerah cuaca, baginya beberapa khasiat yang banyak.
Daripada khasiat huruf ini jika ditulis 1000 kali di secamping kain sutera dan ditanggung oleh kanak-kanak yang bodoh, nescaya cerdik dan kuat ingatannya.
Jika ditulis sebanyak bilangan asalnya 111 kali, dikembarkan bersama-samanya nama engkau dan nama orang yang dikehendaki dan ditanggungkannya, nescaya dapat kasih belas dan mudahlah segala pekerjaan.

Jika ditulis huruf ini serta nama engkau, nescaya dikasihi oleh tiap-tiap orang atau nama yang dikehendaki pada hari Ahad pada ketika ‘sham” dan ditanggungnya nescaya dikasihi olehnya.

Jika ditulis wafak huruf ini bilangan 111 kali dengan bilangan nama yang berkehendak serta nama yang dikehendaki di atas emas pada ketika “Al-Qamar’ pada burujnya Al’Hut, bertentangan dengan bintangnya dibaca bacaan serta doa pada waktu menurunkan angka-angka atas emas itu, nescaya dapatlah apa-apa yang dikehendaki.

Jika engkau hendak ke tempat perbendaharaan di dalam gua atau di dalam tanah, tulis huruf alif serta nama khadam dan bacaannya dan engkau tanggung, nescaya terbuka dan tidak tertutup pintu perbendaharaan itu.

Jika ditulis huruf ini bilangan 111 di batu serta bacaannya, diletak di tempat harta benda dan engkau berkata: Ayuhai khadam huruf ini, peliharalah olehmu akan harta ini, nescaya terpeliharalah.

Jika dirupakan rupa kibas dengan kulit atau perutnya dan ditulis bilangan huruf alif dengan nama khadam, kemudian diletak di binaan atau adi rumah-rumah, nescaya robohlah ia.

Jika hendak dijadikan pengasih, tulis nama orang yang berkehendak dan nama orang yang dikehendaki serta nama ibu keduanya dengan bilangan huruf alif, himpunkan semua-semua itu pada hari ahad pada ketika 'sham' pada burujnya al-asad dan tulis segala huruf-huruf itu di sekeping kaca atau di secamping kain sutera atau tulis wafak pada ketika burujnya. Di perasap dengan kemenyan pada waktu menulis maka orang yang dikehendaki itu tidak tertahan daripada menyerahkan dirinya kepada engkau.

Ada satu aturan lagi bagi menjadikan pengasih, hendaklah tulis nama orang yang berkehendak dengan nama orang yang dikehendaki dengan huruf bercerai-cerai pada wafak ruangan empat, dan tulis padanya nama khadam di penjuru wafak itu, dan tulis huruf alif pada tiap-tiap penjuru 30 kali kecuali penjuru yang keempat. Hendaklah tulis sebanyak 31 kali, jadi jumlah semuanya 121 kali di sekeping emas beratnya 2 misthqal (bersamaan dengan tiga dirham berat) pada hari ahad dan di perasap dengan benda-benda yang dikeluarkan daripada bilangan hurufnya, kemudian tunggulah nescaya dikasihi olehnya.

Jika ditulis huruf ini dengan nama khadamnya di sebelah pintu, kemudian di isyarat mengeratkan penyakit di limpa, pitam atau pengsan, nescaya sembuh ia.
Dan lagi daripada khasiat huruf ini, bagi melindungkan diri daripada pandangan orang hendaklah lumur kulit burung hantu dengan inai dan syabat, kemudian tulis huruf ini, nama khadam, doa dan bacaannya dan pakailah di atas kepala engkau nescaya terlindunglah engkau daripada pandangan orang.

Jika diceraikan huruf ini di tapak ruangan enam pada ketika syaraful syam, di bintang Marikh di sekeping kertas ditulis dengan dakwat merah dan ditanggung oleh sesiapapun, nescaya kebal tubuh badannya.

Jika ditulis huruf ini dengan darah di atas tangan kanan oleh tangan kiri engkau pada ketika al-qamar di bintang an-natoh, bertentang dengan Marikh, kemudian engkau letak tangan kanan engkau ke atas dada orang tidur atau berjabat tangan dengan orang yang sedar (jaga) nescaya bercakaplah ia dengan bermacam-macam-macam perkataan yang ajaib.

Dan bagi huruf ini, khalwat dan riadah selama 28 jari pada hai berkhalwat itu hendaklah bersih dan suci (zahir dan batin). Bagi mendatangkan khadamnya, hendaklah baca doa dan bacaannya (akan datang) tiap-tiap lepas sembahyang fardu 100 kali. Inilah bacaan pada ketika itu:

Insya Allah bercuacalah tempat khalwat itu dan tampaklah khadam huruf ini di antara langit dan bumi. Mintalah daripadanya apa-apa yang engkau kehendak.

Adapun doa huruf alif ini jika engkau baca jadikan wirid yang berkekalan, nescaya diperkenankan oleh segala ‘awalam (malaikat rohani dan sebagainya) dan dikasihani oleh manusia. Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم اللهم اني اسألك يا من العظمة والا لا والحمد والكبرياء يا الله يا الله يا الله يارباه يارباه ياربا يا مو ياسيداه اسألك بسر الاسم الاعظم ان تسخر لي روحانينك والبسني بها نورا وجمالا وقبولا وان تهني سرامن اسرار الالف اصرفه فيما تريدا بها الحرف المتحرك من اليقظة والنقي حرف أسمك وبالنهار والثور والظل والحرور وعافل بالنهار وما احرجه القديم من قديم و بسر ما وضعت في اللوح المحفوظ من العلم بعلم منشت الامور وبسر امدادك الالف وبأمرك النافذ بكليليل وطليا وهينا ومريا ويثا وهيثا وبألف الامر وبحق اهيا شرهيا ادوناي اصباوءت ال شداي والامر العظيم ازجر الرئيس الاكبر همطهلغيائيل همطيائيل ان تتو كلوا بكذا العجل الوحا

Inilah bacaan huruf alif:

اجب ايها الملك العظيم السيد طهطائيل الرئيس الاكبر واسرع بحق هية هية يهون يهون  شكمهيل شكمهيل شكمهيل سلحلواجب واهبط وتمثل لي بصورة حسنة الوحا العجل

**********

## HURUF BA
## (ب)

Tabiatnya sejuk kering, huruf ini kandungan rahsia wujud dan penunjuk pada mengesakan Allah. Sesungguhnya dimulai oleh tuhan yang menjadikan permulaan bismillah dan ialah permulaan kita yang diturunkan kepada Nabi Allah Adam dan nama segala benda-benda. Ketahuilah olehmu apakala menurun Jibrail Al-Quran yang maha mulia kepada junjungan kita Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wassalam menyuruh ia membaca “اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ”, maka ba pada (بِاسْمِ) itu mengandungi pengertian zat dan sifat Allah Taala.
Dan lagi manakala tuhan menjadikan huruf ba ini, Allah Taala menjadikan sertanya 24 malaikat-malaikat (khadamnya) yang tidak terbilang banyaknya malaikat-malaikat yang di bawah jagaan membesarkan Allah Taala. Oleh itu, huruf ba ini anak kunci perbendaharaan rahsia dan pembuka segala kitab-kitab.

Ketahuilah olehmu jika ditulus huruf ba sebanyak bilangan asalnya (4) dengan nama Allah permulaanya ba, ditanggung oleh orang yang kepicikan dan kepayahan rezeki, nescaya dapat keluasannya.

Jika ditulis seperti yang tersebut di pinggan, dihapuskan dengan air kemudian diminum oleh orang yang kurus kering, nescaya sembuhlah ia.

Dan jika ditulis huruf ba 16 kali dan (بسم الله الرحمن الرحيم) 19 kali dengan firman tuhan:

Nescaya berguna bagi segala pekerjaan dan tujuan yang baik-baik.

Jika ditulis huruf ba dengan nama  yang berkehendak serta nama yang dikehendaki, dengan segala nama Allah (Asmaul Husna) serta bacaannya pada ketika al-qomar, di bintang al-batin dan ditanggung nescaya dapat kasihan belas dan mudah segala pekerjaan, diperkenankan apa-apa yang dihajati.

Jika hendak jadikan pengasih, tulis huruf ba 16 kali serta bacaannya 16 kali dengan berkata engkau:

اجب يا خادم حرف الباء بحق بسم الله الرحمن الرحيم

Pada malam hari bulan (nampak anak bulan) apakala selesai menulisnya berhadapan engkau ke pihak bulan dan letaklah kertas itu di muka engkau dan hapuskanlah tulisan itu dengan lidah engkau. Peraturan ini hendaklah dibuat hingga 14 hari bulan bulan purnama nescaya datanglah khadam wang menunaikan segala kehendak.

Sesiapa tulis huruf ba dengan بسم الله الرحمن الرحيم serta nama-nama Allah yang permulaannya ba dan bacaannya dan ditanggung, nescaya kuatlah amal ibadahnya.

Sesiapa tulisan 16 kali di tiga keping kertas kemudian bubuh dalam air diberi minum kepada orang demam nescaya sembuh ia.

Jika hendak jadikan pengasih di sisi semua makhluk, tulislah huruf ba serta isim "بدوح" atas sekeping perak dan bubuh permata baqut kemudian engkau pakailah, nescaya dapat apa-apa yang tersebut.

Wafak huruf ba ruangan empat jika diletakkan di dinding rumah, nescaya tidak dimasuki oleh pencuri, jika hendak mengeringkan air di dalam kolam atau telaga, tulis wafak di sekeping bata, jatuhkan ke dalam air nescaya kering ia.

Jika hendak melindungkan diri daripada seteru hendaklah baca doa huruf ba ini di segenggam debu tanah atau pasir kemudian tabur di hadapan mereka itu, nescaya tertutup mata dan lidahnya kunci.
Inilah doa huruf ba:

اللهم اني اسألك يارب الارباب يا رازق الخلق بغير حساب ان تسخرلي روحانية هذا الحرف ليقضوا حوائجي فاليك اشكو ضعف قوتي وبك استعين وانت المستعان وعليك النكلان ولا حول ولا قوة الا با الله العلي العظيم اجب يا خاجم حرف الباء يهبوب الارياح ومستقر الارواح وجرهبوب وجرهبوب وكركوب وكركوب ونبغوت ونبغوت وسيغوب وسيغوب وسايوب وسايوب اجب بحق من ابتلي ايوب وبالمصطفي المحبوت عليه بمافيه من السر استجليتك واخذت ناصيتك بالذي قال لمن الملك اليوم لله الواحد القهار وهاب وهاب وهاب يرزق من يشاء بغير حساب.

Inilah bacaannya:

اجب يا خاجم حرف الباء السيد حرهيائيل بلبس ليج هلبج ذي النور اللامع ذي الالاءو الكبرياء

*Tambahan di dalam kitab Syamsul Maarif Al-Kubro Huruf Ba'*

**********

## HURUF JIM
## (ج)

Tabiat huruf ini sejuk belengas yang dibangsakan kepada ‘jamal’ keelokan dan ‘jalal’ kebesaran. Jika ditulisnya dengan nama-nama Allah yang permulaannya huruf jim di kertas atau pinggan, diberi minum air kepada orang demam panas, nescaya sembuh ia.

Jika ditulis bagaimana yang tersebut di sekeping kulit dengan dakwat merah, serta bacaannya dan ditanggung, nescaya jadi pengasih,

Ketahui olehmu bahawa ‘awalam huruf inilah yang menanggung pekerjaan melembut kepanasan matahari supaya tidak terbakar segala makhluk. Oleh yang demikian, jika ditulis huruf ini di cincin serta tulis bacaannya kemudian membaca doanya dan membaca huruf jim 53 kali kemudian engkau tanggung, nescaya tidak merasai dahaga.

Jika hendak mendatangkan khadam huruf ini, hendaklah berkhalwat tubuh di tempat yang suci dan tulis rupa huruf jim dijadikan azimat pakai di kepala engkau dan hendaklah baca doanya tiap-tiap lepas sembahyang. Maka datanglah khadam nama Tho’aya’ail dan berjanjilah dengan apa-apa yang engkau kehendaki.

Inilah doa huruf jim:

بسم الله الرحمن الرحيم جلبت بجاء الجبروت وبعزة العظمة والكبرياء وبالواحد الأحد الماجد القيوم الدئم الذي لايموت جليل تجلى للجبل فجعله دكا وخر موسى صعقا جلبت مطلوبي محبوبي ليس لي حبيب سواء القريب المجيب أجب يا حرف الجيم بما فيك من البر والمحبة والتهييج جدك الجليل اجب مطيح وبحق الشمس والوهيج جيم جعلتك جوادي وأقسمت عليك برب العباد الذي بيده الأمر والحكم ولا حول ولا قوة الا بالله العلى العظيم أجب يا طُلِقَيائيل وافعل كذا وكذا

Inilah bacaanya:

هدمح ليطف لهظفهليخ احوج موجود سبوح رب الملائكة والروح اجب ايها الملك

طعيائيل الوحا العجل الساعة

**********

**HURUF DAL**

**(د)**

Huruf ini sejuk belengas , huruf ini kandungan rahsia berkekalan jika hendak jadikan pengasih, tulislah huruf dal ini di pinggan serta tulis nama orang yang berkehendak dan nama orang yang dikehendaki dan nama ibu keduanya dan baca segala isim yang bermakna perkasihan - daripada Asmaul Husna sebanyak bilangan huruf isim-isim itu. Airnya diberi minum kepada orang yang dikehendaki, nescaya sampailah hajatnya.
Jika ditulis huruf ini 36 huruf atau dibuat wafak dengan bilangannya dan tulis huruf itu sekelilingnya sebanyak bilangannya dan dipakaikan nescaya dapat berkat pada kehidupannya.

Jika ditulis di secamping kain 26 kali dengan firman tuhan (surah Al-Fath:29):

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ تَرَاهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا سِيمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِمْ مِنْ أَثَرِ السُّجُودِ ذَلِكَ مَثَلُهُمْ فِي التَّوْرَاةِ وَمَثَلُهُمْ فِي الْإِنْجِيلِ كَزَرْعٍ أَخْرَجَ شَطْأَهُ فَآزَرَهُ فَاسْتَغْلَظَ فَاسْتَوَى عَلَى سُوقِهِ يُعْجِبُ الزُّرَّاعَ لِيَغِيظَ بِهِمُ الْكُفَّارَ وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنْهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا

Dan nama khadam serta bacaannya, nescaya dapat melihat rahsia kebesaran Allah Taala yang tidak terhingga. Huruf ini ada baginya riadah 28 hari dan berkhalwat selama 14 hari kemudian daripada sudah beriadah itu dan baca doanya tiap-tiap lepas sembahyang, nescaya datanglah khadam bernama Syalahail.

Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم دعوت رباعظيمايرى السروالبرهانديان يوم الذين ادم على لطفك ولطيف صنعك اجب ايها الملك سملهيائيل سبحانك لااله الا انت ان تسخرلي ذلك ياامولاي سخرلي حرف الدال بدال الدوام وبدوا مك بتصريف امري وبتوفيقك على وخلع ذالسنة الذي لا يتأخرواعوج ماعوج فيعوج وبهو يا اهدِنَا الصِّرَاطَ المُستَقِيمَ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنعَمتَ عَلَيهِمْ غَيرِ المَغضُوبِ عَلَيهِمْ عجل ولا ترتاب يا دال بالف لا حول ولا قوة الا بالله العلى العظيم

Inilah bacaannya:

هطططف تهاليج اجب ايها الملك بارك الله فيك

*********

**HURUF HA**

**(هـ)**

Tabiat huruf ini dibangsakan kepada hawathi, rohani dan batani. Jika ditulis 25 kali dengan nama dan nama ibu yang dikehendaki di secamping kain biru dijadikan sumbu pelita serta membaca bacaannya dengan niat pada tempatnya di dalam doa (akan datang) nescaya datanglah orang yang dikehendaki itu.

Jika ditulisnya 45 kali dengan nama Allah "الحي" ditanggung oleh orang yang bodoh, nescaya Allah Taala tambahkan kecerdikan dan fahamannya.

Jika ditulis huruf ha atau bilangannya dibuat wafak pada cincin emas atau perak pada hari Jumaat ketika al'qomar di bintang al-hina'ah, ditanggung akan dia, nescaya dapat kehebatan dan kebesaran.

Jika hendak menahankan daripada bermimpi yang karut-karut, hendaklah tulis huruf ini dengan bacaan diletakkan dia atas kepala, nescaya tidaklah bermimpi ia.

Jika seorang sakit tidak diketahui apakah penyakitnya hendaklah tulis huruf ini 7 kali di pinggan diberi minum airnya kepada orang itu nescaya bermimpi melihat ia akan penyakitnya di dalam tidur.

Jika dibuat wafak huruf ini dengan ditulis nama dan nama orang yang dikehendaki dan dicampurkan dengan nama dan nama ibu orang yang dituntut kemudian dipakai olehnya, nescaya jadi pengasih.

Huruf ini ada khalwat selama 45 hari bagi mendatangkan khadam hendaklah baca doanya tiap-tiap lepas sembahyang serta bacaannya 45 kali, nescaya dapatlah khadamnya menunaikan hajat.

Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم هبة من مواهبك يا وهب يا رازق يا فتاح يا عليم يا رباه يا سيداه يا غاية قضداه يا منتهي املاه يا ملجاء الاولين انت الاول والاخر والباطن والظاهر سبحانك لا اله الا انت هب لي يا هاء بهمة الله هيا باها باها ساه اهياهيا واخذ عزيز هيادا هاجب ايها الملك وافعل كذا وكذا العجل يا حرف الهاؤمدني بامجبة عند الخلق هيا بلا حول ولا قوة الا بالله العلى العظيم

Inilah bacaannya:

اجب ايها الملك ههيائيل بحق دلح هليك سلموح ياه اجب وتوكل يكذا وكذا الوحا العجل السعة

*********

**HURUF WAU**

**(و)**

Huruf ini huruf pengasih, khasiatnya menyembuhkan penyakit cerah perut. Jika ditulis huruf ini atas rupa bahu dan baca bacaannya kemudian ditanggung oleh orang itu, nescaya sembuh ia.

Jika ditulis huruf ini dengan nama Allah yang permulaannya huruf wau, dan dibaca bacaannya, nescaya jadi pengasih.

Huruf ini baginya khalwat hendaklah terlebih dahulu tulis wafak huruf ini di cincin emas pada ketika al-qomar di bintang huruf ini di perasap dengan kayu gaharu dan musthoki (مصطكي) dan baca doa serta bacaannya di bawah ini 45 kali tiap-tiap lepas sembahyang, nescaya datanglah khadam menunaikan segala hajat. Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم اللهم اني اسألك يا ودود يا وهاب يا والي يا واحد يا وارث يا الله اسألك بسر اسمائك العظام وبنور وجهك الكريم الذين نارت به الظلمات ان توليني وتتولاني بولايتك وتكشف لي الغطاء عن سر الواو واعطني تصريفه يا واهب هيا واوهبط يا طوطيائيل وانت يا دره يا ئيل بامر الله وبحق ما تعلمون من عظيم قدرة الله وبحق جبريل وميكائيل و أسرافيل وعزرائيل اجيبو ايتها الملوك وائتوني بحق حرف الواو وبحق من خلقكم وخلقه هيا يا مولاي منك ارجو واطلب المده اليك رجوعي بالاسرار اسألك بما قدرته في اللوح ان تحفظني يا حفيظ وردعني من يسؤني يا ارحم الرحمين الوحا وائتوني طائعين عجل بالف لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم

Inilah bacaannya:

اجب يا طوطيائيل يهيوه هدوه يموه ودود وهاب اجب وتوكل يكدا

*********

**HURUF ZAI**

(ز)

Tabiat sejuk belengas, khasiatnya menjinakkan binatang-binatang liar, huruf ini ada pada nama Allah ar-razaq dan al-aziz.

Sesiapa jadikan wafak bilangannya dan bilangan al-aziz pada hari Khamis, ketika al-qomar di bintang Musytari dan dipakai, nescaya dapat kemuliaan dan kehebatan di antara segala ‘awalam.

Jika ditulis huruf ini pada ketika dan bintang yang tersebut pada tulang betis unta, nescaya yang menanggungnya tidak letih daripada perjalanan dan jika tidur ia di mana-mana tempat pun tidak diusik oleh binatang-binatang buas.

Jika engkau berkehendak hujan, tulislah huruf ini di kulit (belulang) kambing hitam, kemudian letakkan di kepala biri-biri serta berdoa dan membaca bacaannya dengan bersungguh-sungguh bergantung kuat kepada Allah Taala dan berkata engkau:

احضر ايها السحاب والمطر

Insya Allah turunlah hujan.

Jika ditulis huruf ini dihapuskan dengan air dan dicampurkan pada makanan atau minuman, nescaya dapat berkat padanya.

Jika ditulis huruf ini serta bacaannya dan ditanggung akan dia, nescaya luaslah rezekinya, jika ditulis wafak huruf ini dengan kasturi dan za'faran nescaya jadi pengasih.

Huruf ini ada baginya khalwat mendatangkan khadam hendaklah berdoa dan membaca bacaannya tiap-tiap lepas sembahyang 21 kali dan perasap dengan za'faran zabib (kecil) dan butir zaitun. Hendaklah di wafak di atas cincin dan pakainya pada masa berkhalwat.

Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم, زدني يا الله شوقا اليك ورغبة لديك فيما احب الى ذكرك وعاملني بخفي لطفك واكسني نورا وجمالا استعين به على كشف اسرار النقطة التي من جنسها تزلزلت الجبال وتدكدكت من هيبة رب العزة سبحان ربك رب العزة عما يصفون وسلام على المرسلين والحمد لله رب العالمين,

عجل ايها الخادم لحرف الزاي بزغاه زياه يدبزيوه ٢ زوه ٢ بامر الله رب العالمين جليل جميل سبحان الله تعالى الا بذكر الله تطمئن القلوب هيا بطياطيا طلي طليا عليه ديان هيا امان عجل وترباتي واكشف لي عن امرك هيا يازاي بعزة من لم يلد ولم يولد ولم يكن له كفوا احد اجب وتوكل بكذا وكذا يالف لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم

Doa ini jika dibaca di tempat binatang-binatang hutan, nescaya datanglah ia kepada engkau (jinak).

Inilah bacaannya:

ايها السيد عامشائيل بحق سعجوس هطاطم بهيط اجب بحق يموه الوحا العجل الساعة

*********

**HURUF HA**

(ح)

Huruf ini rahsia hidup bilangan lapan. Khasiatnya jika ditulis huruf ini dengan bilangan nama orang sakit serta tiap-tiap isim daripada Asmaul Husna yang permulaannya ha, diberi minum airnya dengan manisan lebah selama dua minggu nescaya sembuh ia.

Sesiapa buat berzikir segala asma-asma Allah yang permulaannya ha, pagi dan petang pada musim panas atau musafir ia pada ketika panas, nescaya tidak merasai kepanasan matahari atau dahaga ia.

Jika ditulis huruf ini serta nama khadam dan bacaannya dan ditanggung nescaya jadi pelemah syahwat. Huruf ini ada baginya khalwat dan doa tiap-tiap lepas sembahyang 18 kali:

بسم الله الرحمن الرحيم, سبحان الحليم على من عصاه اللهم يا حليم حالي مقيم وانت به عليم اسألك بجاه محمد عليه السلام وموسى الكليم خذ بيدي وانصرني علي من ظلمني وصرفني في قضاء الحاجات وجعلني مسترشدا بامر واسعفني بالقول والعمل في هذا لسرحتي اصرفه فيما اريدها ياحا حلمت عليج حياح حطوح حيث الى حجج حج حوا احرا احواجت جواي حواج ففي الحال قضية حاجتي بحق حليمو هاهيا الساعة واسرع بالاجابة وتصرف فيما صرفتك الوحا العجل بالف لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم

Inilah bacaannya:

وهلج ودهلج يعشلا ما اعظم شأنه وأعز سلطانه اجب ايها الملك ظفيائيل وافعل وكذا في هذه الساعة العجل الوحا

**********

## HURUF THO

(ط)

Huruf ini perhimpunan dua kepanasan jika ditulis pada ketika al-qomar 9 kali tho dan lima kali ha (ه), serta bacaannya dan nama khadam nescaya dapat mengalahkan segala ‘awalam. Jika ditulisnya dan ditanggung oleh orang yang sakit kepala nescaya sembuh ia.

Jika ditulis 9 kali tho dan 5 kali (ه) pada ketika al-qomar di tempatnya (منزله) dan ditanggung oleh kanak-kanak kecil, nescaya tidak diusik oleh binatang-binatang buas.

Jika ditulis 81 kali tho pada ruangan 9-4 persegi di kulit belulang kijang pada 14 hari bulan dan ditanggung oleh orang yang hendak musafir (berjalan jauh) nescaya tidak letih di dalam perjalanannya.

Jika ditulisnya dan ditulis di kelilingnya bacaan huruf tho dan digantungnya di mana-mana kedai, nescaya jadi pelaris dan sesiapa tanggungnya dapatlah rezeki yang banyak. Jika diletakkan di bawah bantal tidur, nescaya terpelihara daripada bermimpi yang karut-karut.

Jika dibaca 81 kali tho oleh kanak-kanak yang bodoh, nescaya bertambahlah fahamannya.

Huruf ini ada baginya khalwat dan riadah 14 hari dan berdoa 81 kali tiap-tiap lepas sembahyang 9 hari nescaya zahirlah khadam bernama athoail.

Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم, طلبت من الله المعونة على مطلوبي حتى يبسط الى الطاء بطرد من ظلمني اجب ياطا بتطاول عظمة الطول الشديد طيا طيويا يا الله يا رب العالمين طلطياط٢ باه ياطاط طيطو ططلا طهفيط طيطوط الوحا تثطيط اطرد من يقاتلني بحق هذه الاسماء اطرده نلت من ذي الطول مطلوبي عجل يا خادم الطاء والا اشكوك الى علام الغيب لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم

Inilah bacaannya:

اجب ايها الملك هطيائيل بحق شمهط٢ شمهيط٢ شمطوط شلح اجب وتوكل بكذا وكذا العجل الوحا و لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم

*********

**HURUF YA**

(ي)

Tabiatnya api daripada huruf alam kursi, jika ditulis ya 10 kali serta nama-nama Allah yang permulaannya ya, dan diminum airnya oleh orang yang baharu mulai masuk di dalam amalan suluk, nescaya padamlah kepanasan hua nafsu.

Jika ditulisnya 100 kali di kulit (belulang) serta bacaannya dan diberi minum airnya kepada orang yang kuat mengikut hawa nafsunya dan berbuat maksiat-maksiat, nescaya hilanglah keinginannya dan berhadaplah kepada membuat amal-amal yang soleh. Jika ditulis sebanyak bilangan yang tersebut di perkakas penggali telaga, nescaya lekaslah keluar air dan dapat berkat darinya.

Sesungguhnya huruf ya ini daripada asma Allah Taala maka mana-mana permohonan yang tidak dimulai dengan ya serta ha adalah permohonan itu lambat diterima oleh Allah.

Huruf ini baginya riadah dan khalwat, khadamnya harqiyail, cahayanya putih, inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم, يا محي يا مميت يا حي يا قيم لا اله الا انت احي قلبي بذكرك فاليك اشكو ضعف قوتي وقلة حيلتي هبني. اللهم هبة من عندك تعينني على مصالح اردتها لطاعتك يا شديد يا الله يا منعم بالنعم قبل استحقاقها يا محسن يا مجمل يامنعمر يا منفضل يا ارحم الراحمين سخرلي حرف الياء حتى يقضي حاجتي من معاشي يا مولاي فبك المستعان وعليك التكلان فاني اقسم عليك بك تفعل لي ما اريد واحيني في ليلي ونهاري وغدوي واصالي سقطاي وسمعطياي وادعياي واشراهيا اهيا شراهيا ادوناي اصباؤت ال شداي كليم سبحان من بذكره تطمئن القلوب سلمطو ياي. لبعاي سقيطاي وقد قلنا ما قلنا واقسمنا بما اقسمنا عليك بنفسك

وكيف يكون اويغوز من عصي الله اجب وائتني بكذا وكذا و لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم

Inilah bacaannya:

ادب يا مهرقائيل بحق ياه٢ يوه٢ يده٢ دمنع٢ هلف٢ اجب وتوكل بكذا وكذا بارك الله فيك

**********

**HURUF KAF**

(ك)

Ketahuilah olehmu bahawa huruf kaf ini rahsia segala kejadian. Asal rupanya tiga alif. Khasiatnya ialah khasiat huruf alif, huruf ini ada khadam warnanya hijau. Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم, كتبت بكرم الله وتكلمت بحمد لله وشكره وما النصر الامن عند الله العزيز الحكيم و لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم . اللهم اني اسالك يا لك ياذا الجلال والاكرام يامن امره بين الكاف والنون يا من اذا اراد شيئا ان يقول له كن فيكون . اسالك بكاف كفايتك يا مكون الاكوان حتى يكون بكن الكائنت كمينا عجل لا يروعك روح ولا يقربك فتور كفكاوك كفك كفوا كافي بكم كنتم كاملون كملي عجل يا كافي بسرك لا يغرنك كفر من كان كافر افي الكون هيا يا كافي بطل الكل سبحان من بذكره تطمئن القلوب يعلم يا حوى الضمير وما تخفيه الخواطر وما تربه القلوب اه اه اه ياه ياه الالولاه لكفة كلمتك كلا ما يتضمن استيغاء بطاعتك اجب بارك الله فيك وحفظك, ورعاك والسلام عليك ورحمة الله وبركاته و لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم .

Inilah bacaannya:

اجب بارك الله فيك وعليكم و لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم

**********

## HURUF LAM

(ل)

Ialah satu huruf permulaan Asmaul Izhom dan salah satu daripada huruf (بسم الله الرحمن الرحيم) dan ia pada isim latif. Sesiapa faham akan rahsia huruf ini, nescaya tinggilah hemahnya. Sesiapa tulis sebanyak 71 kali diberi minum airnya kepada orang sakit, nescaya sembuh ia.
Huruf ini ada baginya khalwat dan riadah mendatangkan khadam dan berdoa 25 kali tiap-tiap lepas sembahyang maka datanglah khadam kepada engkau menyempurnakan hajat.

Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم لطفك اللهم اجمع شملي بخير خلقك فلك الحمد ولك الشكر لين لي صعب يا الله يا الله يا الله يا لطيف يا لطيف يا لطيف لك الالاء والنعماء اسئلك بتلاءلي انوار عظمتك السنية نورا استصبى به على كشف سر اللام لينلي بطبعك يالام فاني دعوتك يا الله يا من هو الله الذين لا اله الا الله اجب ايها الملك وائتني بمن طغى وتمرد من الملوك والخدام اجيبوا بمن تدكدكت الجبال الشوامخ لهيبته وتقشعر الجلود من خيفيه صمد قيم سجد كل شيء لعظمته وخضع كل شيء لجلاله وهو اللطيف الخبير لا اله الا هو له اسماء الحسني والصفات العليا لا تدركه الأبصار وهو يدرك الأبصار وهو اللطيف الخبير لا اله الا هو رب العرش العظيم الوحا يالام وعجل بقتل الظالمين سبحان الله العظيم لا اله الا هو من اطاعه نجا ومن عصاه جعله هبا هيا يالام بالليل ولليال ومليال وسيريال وطرفرائيل اجيبو بالعرش المجيد ولكرسي الواسع لين لي جانبك الى مادعوتك وسلطنك على من عصاني من الارواح بحق من يقول لشيئ كن فيكون هيا يا حسن

الطالب و افعل كذا وكذا هيا ايها الحاضرون من الارواح الروحانيين بربكم الذي لاشيء اعظم منه و لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم .

*********

**HURUF MIM**

(م)

Huruf ini ada baginya tiga ‘awalam: Alam Malik, alam malakut, alam jabarut. Jika ditulis serta dengan ayat Muhammad rasulullah hingga akhir ayat dan ditanggung, nescaya terbuka baginya beberapa rahsia yang tersembunyi.

Jika ditulis dengan asma-asma yang permulaan mim 40 asma dan ditanggung, nescaya dapat kehebatan. Jika ditulis dengan nama khadam serta bacaannya dan disarungkan dengan emas atau perak pada ketika al-qomar pada buruj al-hut, nescaya jadi pengasih.

Huruf ini ada baginya khalwat dan riadah menunaikan khadam yang menunaikan hajat maka hendaklah berdoa 40 kali tiap-tiap lepas sembahyang dalam masa khalwat.
Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم, اللهم ملكا من ملكك املك به ملكا تاما لك الملك يا ذا الجلال والاكرام يا مؤمن يا مهيمن يا معطي يا مانع يا ملك الملك ملكني خادم هذا الحرف امزجه بروحانيه يا ارحم الرحمين اجب يا ميم ومبطل حركات الكنوز واجلب لي الارزاق والق محبتي في قلوب الحلائق اجمعين. اللهم المحني لمحة من لمحاتك الله النعم. اللهم انعم على بالنعم التامة يوم تمور السماء مورا هيا بنعيم نعيم وهيهلا يا ميم بحق اهدنا الصراط المستقيم ابمسعريام ومريم واه ضريام ولعه سلطمن الوهيم اجب ياميم وبحق جبريل وميكائيل واسرافيل وبقوة الملك مهائيل اكرم الله

حرف الميم حتى تكون بين العوالم من المقربين هيا وارجع الى كرامتك من الله الكريم

اهبط واطرد هؤلاء ولعمار من مكان كذا وكذا الوحا العجل

و لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم .

Inilah bacaannya:

اجب يا شراجبل بحق ححميشا تاق حجج ياه ياموه اهيا حجشط لعياء بنور الانوار

ومنور الابصار اجب بارك الله فيك

*********

**HURUF NUN**

(ن)

Huruf ini dibangsakan kepada (nurani) cerah dan (zalamani) gelap. Tabiatnya sejuk kering.

Jika ditulis di sekeping timah serta dengan nama khadam diletak di dalam sungai atau laut, nescaya datanglah berkerumun segala ikan di tempat itu. Jika diletakkan di hutan rimba, nescaya datanglah binatang perburuan.

Jika di tulis huruf ini serta dengan segala isim-isim daripada Asmaul Husna yang permulaannya huruf nun dan ditanggung nescaya terbukalah segala pintu rezeki.

Jika engkau hendak mengambil harta perbendaharaan di mana-mana tempat, hendaklah tulis huruf ini di batu dan letak pada tempat itu, bolehlah engkau ambil daripadanya sebanyak mana-mana dengan keadaan engkau membaca doanya pada ketika itu.

Huruf ini ada baginya khalwat dan riadah mendatangkan khadam dengan membaca doanya 50 kali serta bacaannya tiap-tiap lepas sembahyang di dalam masa khalwat.
Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم, نور اللهم قلبي وشعري وبصري وجواري حي وبدني بنور

معرفتك الذي نورت به اهل طاعتك يا منور الشمس والقمر يا نور كل النور يا هادي

يا نور يا نور يا نور كل شيء وهداه انت الدي فلقت الظلمات بنورك اسألك ان

تنورني بالانوار يا من يجيب المضطر اذا دعاه ويكشف السوء اسألك ان ترسل لي حرف النون يأتيني في خلوتي هذه حتى انال منه مأربي اجب بتلاءلىء انوار الحب ونور الخالق هيا يا نون بالذي لا عظم من نوره نور اجب الداعي اكراما لنون والقلم وما يسطرون وبالنار والنور والظل والحرور والسماء والمرور وبمستقر الارواح بموليا غوليان بنور يا ن بسوريان بسوريان عليون عليون طلون قهر يون سيمان شان ديان يوم الذين بالف لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم .

Inilah bacaannya:

ايها الملك صفريائيل بحق مسلسلة شلشع شهقع سرديح مردمح مهليس نعجم ياه بموه بموه نور الانوار اجب وتوكل العجل الساعة بارك الله فيك وعليك

**********

**HURUF SIN**

(س)

Tabiatnya kering yang panas. Jika ditulis huruf ini serta bacaannya dan dipakai oleh orang sakit kepala nescaya sembuh. Jika ditulis serta dengan segala asma0asma yang permulaannya sin di secamping kain sutera, dan ditulis padanya surah Yasin dan ditanggung, nescaya dikasihi oleh orang.

Jika ditulis di sebutir telur kemudian direbus, dan diberi makan kepada perempuan payah beranak, nescaya mudahlah beranak. Jika ditulis di suatu bekas, airnya dibuat basuh muka atau bisul dan umpama, nescaya sembuh.

Huruf ini ada khalwat dan riadah baginya bagi mendatangkan khadam. Maka hendaklah baca doanya tiap-tiap lepas sembahyang 90 kali nescaya datanglah khadam bernama Tohfiail menunaikan hajat.
Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم, سلام قولا من رب رحيم علينا و على عباد الله الصالحين يا الله انت الصمد الله القيوم يا ديان يوم الدين اسألك اللهم بحق اسمائك التي هي اعظم الاسماء واشرفها اسألك يا حليم يا مولاي تحنن على والطف هاي في الشدائد ونزولها وارأف بي رأفة المحب بالمحبوب يارؤوف يارحيم المص تنور يا حرف السين حتى اسامدك عيانا واقض حاجتي فيما بفعي من امري الوحا العجل بنربر القلم في اللوح المحفوظ احرج وتراءى بحق صاص صوص صبور بما يتوصلون من الواحد الصمد ان ربك لبالمرضاه يا الله يا واحد يا صمد اجب بحق سليمان من داود بالف لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم .

Inilah bacaannya:

اجب ايها الملك بحق سلطيغ سلطيغ علطح ياه علصلحيم سرج صمس بردلج عدياد يموه اهيا شراهيا ادوناي اصباؤت ال شداي اجب وتوكل يكذا

*********

**HURUF `AIN**

(ع)

Tabiatnya sejuk belengas, jika ditulis sebanyak bilangan asma-asma yang permulaannya ain di secamping kain pada ketika al-qomar di manzilahnya, maka jadilah pengasih dan mentaati segala makhluk. Jika ditanggung campingan kain itu oleh kanak-kanak bodoh, nescaya bertambahlah pengasih.

Jika ditulis huruf ini dengan firman tuhan, (عالم الغيب والشهادة) diberi minum kepada orang yang sesak nafas, nescaya sembuh.

Jika ditulis pada hari Jumaat serta bacaannya di secamping kain sutera putih dan dibungkus dengan perak atau emas, maka jadilah pengasih.

Huruf ini ada khalwat dan riadah bagi mendatangkan khadam. Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم, علمني اللهم علما علمته لاوليائك والهمه لي في قلبي و انفعني به كما نفعت الخواص من خلقك فبك المستكان عليك التكلان اللهم الطف بي بلطفك الخفي حتى استعين في علوم استخرجتها لا هل طاعتك و عافني من هذه الذلة وتقطف لي وعطف على قلوب المخلوقات يا عطوف يا رؤف يا ودود سخرلي عبدك خادم حرف العين وثبت قلبي لمخاطبته وارسله لي ليعلمني علم اوليائك وانبيائك الكريم يا عليم يا عليم يا عليم يا حين الوحا يا حين بتلميع وعقد وعين اعمل لي ما امرتك بحق السر العميق عسوع وبحق الايات البينات اجب يا خادم هذا الحرف بارك الله فيك وعليكم ايها العون المبارك بسر عظمة الله واياته واسمائه وبحق من له العزة والجبروت وله الاسماء الحسنى ونوره لايطفي وعرشه لا يزول وكرسيه لا يتحرك الوحا بعزة الله لا اله الا هو رب العرش العظيم و لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم

Inilah bacaannya:

اجب يا شراهيل بارك الله فيك وعليك بحق يحطم عدنق ارديف سيع ياه يموه على طوز ونادي انا الله اييل اييل هلهاه اجب وتوكل الوحا العجل

*********

**HURUF FA**

**(ف)**

Tabiatnya panas belengas (di antara dua kepanasan) khasiatnya menuturkan kanak-kanak yang bisu, jika ditulis sebanyak bilangan serta bacaannya, ditanggung oleh kanak-kanak itu, nescaya membawalah sedikit-sedikit kepada berkata-kata dengan sempurna. Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم, اللهم اني اسألك يامن يفعل مايشاء ويختار وبحكم ما يريد له الحكم واليه ترجعون لا رتد لحكمه ولا معقب لقضائه ولا محيد لعبده من

معصية الا بتوفيقه ورحمته اسألك اللهم الافعال الربانية والانوار الساطعة
الرحمانية يا من له الألاء لا اله الا انت هيء لي من امري رشدا واعطني الاجابة يارب
فلسوف يفضفر بلعويوق سار يوفق شلهوى بنواريبل فهوفك رفبق الفوز بالجنات
بغليوق فيلغو فشهشهوف شفا شفا شفشف شفشف شفنف شفنف شعيف
شعيف ضعيف شيعثوا سصيسعليسعسعصوف يضغنف جنس حسف بامرك
فاهانا فانك سوه وموروفا وامشي ولا بأس في غضب ولا فتور بالفور القائم الف بيني
وبين كذا وكذا وافعل لي كذا وكذا بالف لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم

Inilah bacaannya:

اجب ياسمطسطائيل بحق سطف سطيطال كيطم لطم طش22 هنك اجب
واكشف الحجاب بيني وبينك العجل الوحا السعة

*********

**HURUF SHAD**

**(ص)**

Huruf ini satu daripada huruf Asma Allah Al-Izhom. Jika ditulis di secamping kain sutera dengan nama khadam serta bacaannya, dibungkus dengan emas atau perak dan dipakai, maka jadilah pengasih yang mendatangkan kebajikan dan kebaikan dan terpelihara daripada usikan-usikan. Khasiatnya lebih kurang serupa dengan khasiat huruf jim.

Huruf ini ada baginya khalwat dan riadah mendatangkan khadam. Hendaklah baca doa dan bacaannya tiap-tiap lepas sembahyang 70 kali dan doa ini jika dibaca buat berkekalan, nescaya kuat ia mengerjakan amalan ibadah. Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم, سألتك يا من وصع الذلة على رقاب عباده فهم من
سلطانه خائفون يا من تفرد بالعزة والبقاء والعظمة والكبير ياءفجميع خلقه من

خيفته وجلون وادخلون تحت امره يا من اولياءه يوم الفزع الاكبر امنون اسألك يا كريم بالقدرة التي نظرت بها الى السماء فارتفعت والى الارض فانبسطت والى الجبال فانسطحت وارست والى العيون فتفجرت والى الانهار فجرت والى القلوب فخشيت ووجلت والى الالسن الخرس فنطقت قالت انت الله الواحد القهار ان تكسوني نورا استضيء به على الكشف وان تسخرلي خادم حرف الصاد الملك سمسمائيل وبالاسم الكبير السماوي اصرف في شغلي بامرك سلوه الخير, اسئلك فلا يلومني هو سيد الاشياء يا قعو ياه ياه ومن سر هذه الالفاظ ولسليطلمط وهيا بالف لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم

Inilah bacaannya:

اجب ياطعيل بحق حطيع سع ستع غلطح سنع ليح يموه ياه هو هو سلام قولا من رب رحيم اجب وافعل كذا

*********

**HURUF QAF**

(ق)

Tabiatnya kering pada darjah kelima. Khasiatnya jika ditulis huruf ini serta segala nama-nama Allah yang permulaannya qaf di secamping kain sutera, dibungkus dengan emas atau perak dan dipakai, nescaya jadi pengasih.

Jika hendak menolak kejahatan seteru atau hendak menahankan tutur kata orang atas engkau, hendaklah tulis huruf ini 100 kali serta nama yang dikehendaki pada sekeping kertas digantung di hawa (angin), nescaya jadilah bagaimana yang dikehendaki itu.

Jika ditulis di atas sekeping perak serta dengan firman tuhan, ( قل اللهم مالك الملك تؤتي الملك من تشاء وتنزع الملك ممن تشاء وتعز من تشاء وتذل من تشاء بيدك الخير إنك على كل شيء قدير) dan ditanggung, nescaya mudahlah dapat rezekinya.

Huruf ini ada baginya khalwat dan riadah mendatangkan khadam, hendaklah berdoa serta bacaan tiap-tiap lepas sembahyang 100 kali dengan memakai rupa huruf ini di kepala engkau , nescaya datanglah khadam itu bercahaya umpama matahari. Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم, قدرتك اللهم قاهرة لاعدائك وقوتك وهيبتك قائمة الى اوليائك اسألك اللهم ان تقبلني على شاطيء قربك والقرب اليك يا الله ياقريب قلبي قلق حتى يلاقي مأثور بهجه ويستقر بقاف قدرتك وامدني بقوتك ياقوي قوني بقدرتك وقوتك القوية حتى تقرب الى من لا يقرب الا برضاك ورفعتك يامقصود فتقربت اليك القاف وتقلقلت القاف حتى لايستقربه. اجب ياقاف واسرع لي الاجابة قبل نزول القضأ ق والقران المجيد قليوبال قليل من غير قنوط بالاجابة اجب وتوكل بكذا بامر القاهر القادر المقهر بالقهر وتقلقل ياقاف قف عن السكون واسكن من الوقوف حتى تقضي حاجتي وشغلي تعفيف وسقوعة هرسق شفاق هيا بالملك والملكوت وبنفخة اسرافيل وقبضة عزرائيل وصيحة جبريل وقبض الارواح لامقرباق حتى تقضي حاختي بعزة الله ليقضى الله مرا كان مفعولا سبحانه بحكم مايريد وانت بنور الله مستقرلولا ما قلت قف قليلا حتى تري منهم قدرة في القوة الله الحي القيوم القوى اجب والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Inilah bacaannya:

اجب بحق علطق مهفيط علج ياه يموه قهريوه اجب وافعل كذا

*********

**HURUF TA**

**(ت)**

Tabiatnya sejuk kering. Khasiatnya jika ditulis huruf ta sebanyak bilangannya serta bacaannya dan surah al-Mulk dan ditanggung nescaya jadi penahan daripada bermimpi karut di dalam tidur.

Huruf ini ditulis bagi menahankan seseorang daripada bertutur kata bahawa di tanam di bawah bendul pintu yang dikehendaki.

Huruf ini ada baginya khalwat dan riadah selama 28 hari dan datanglah khadamnya bernama Nuyaiil, cahayanya umpama matahari, menolong ia akan kamu. Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم, توسلت اليك يا تواب يا سيد السادات يا محيى العظام الرفات يا باعث الاموات يت باسط الارضين ورافع السموات يا كاشف الكربات بجاء محمد صلى الله عليه وسلم المجتبي المخصوص ياالشفاعة العظمي ان تسخرلى خادم هذا الحرف يقضي حاجتي انك على كل شيء قدير اجب ايها الخادم لهذا الحرف بارك الله فيك وعليك يا تواب هيا سيعلمون سيعلمون مريموت مريموت سبحانك لا اله الا انت ماعظم شانك ولهوب سبحانك من التجاء اليك كفي ومن استعان بك نجااللهم اقض حاجتي بالف لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم

Inilah bacaannya:

اجب ايها الملك مرعيائيل بحق سوهيل صقيل طوسم طاء يموه بواب العجل الوحا هيا بارك الله فيك وعليك امين

*********

**HURUF TSA**

**(ث)**

Tabiatnya sejuk kering, jika ditulis huruf ini serta dengan bacaannya di sekeping perak dan ditanggungnya oleh orang yang demam, nescaya sembuh. Khasiatnya lebih kurang serupa dengan huruf alif.

Huruf ini ada baginya khalwat dan riadah selama 41 hari mendatangkan khadam, hendaklah baca doa ini dan bacaannya tiap-tiap lepas sembahyang. Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم, ثبتب قدرتك اللهم وجودك في قدم القدم من غير كيف ولا شبيه خلقت النطفة والعلقة والمضغة وكسوت العظام لحما واخرجت الطبع في النفس فجعلت الشمس منقادة الى ماانجذبت اليه بانتخاب الامر ياخادم حرف الثا بحق فالق الجب والنوي وجاعل الليل سكنا والشمس والقمر حسبانا ذلك تقدير العزيز العليم

Inilah bacaannya:

اجب ايها الخادم حميائيل بحق لياكيد ليلدوس طمعت انما امره اذا اراد شيئا ان يقول له كن فيكون

*********

**HURUF KHA**

(خ)

Huruf ini dibangsakan kepada air, tabiatnya sejuk. Khasiatnya jika ditulis dengan tulisan terbalik di sekeping bata (yang belum dibakar) serta bacaannya dan dihancurkan (batu bata itu) di dalam air yang di ambil daripada pancur atau sungai, kemudian dicuah di tempat orang yang berbuat maksiat, nescaya berpecahlah mereka itu dengan izin Allah Taala. Jika ditulis di sekeping timah dan ditanam di tempat berjual beli, nescaya tidak berlaku penjualan itu.

Jika ditulis wafak huruf ini di perut dari engkau serta bacaannya dan berkata engkau: “Ayuhai pulan, takut kepada aku!” serta membuka tangan engkau di hadapannya, nescaya takut ia kepada engkau. Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم, خلصتي اللهم من هموم الدنيا الدنية وخذ بناصيتي الى الخيرات ياخفي انت الخفي يا عالم خفي الارشاد في امري يا خبير هيا هيا هيا العجل عجل يا خاء بالخاتم الخلموتي خيوم اسألك ان تمدني بخادم حرف الخاء ويخير من

خلقك يا من يعلم السر واخفي الله لا اله الا هو له الاسماء الحسنى وبالف لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم

Inilah bacaannya:

اجب بحق هو طيال عيوط الاوكس وكس خنحج خنحج خغج ياه يموه العجل الوحا الساعة

*********

**HURUF DZAL**

(ذ)

Tabiatnya panas basah iaitu kendungan panas dan sejuk. Khasiatnya jika ditulis huruf ini dan ditanggung oleh orang yang musafir nescaya tidak merasai waktu atau lelah.

Huruf ini ada baginya khalwat dan riadah mendatangkan khadam, hendaklah baca doanya sebanyak 100 kali tiap-tiap lepas sembahyang nescaya datanglah khadam menunaikan segala hajat engkau.

Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم, لذذني اللهم بتلاوة اسمائك يارب تذللت بين يديك تذلل العبيد المفتقرين بالحاجات اليك وتلذذت باسمائك تلذذ الائك في سري وجهري. اللهم سخرلي خادم هذا الحرف بحق هذه الاسماء هو هي اهيا يموه ولا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم

Inilah bacaannya:

اجب ايها الملك دفعيائيل بحق دايم عللمهص علمه صيص شهليط الوحا العجل السعة

*********

## HURUF DHAD

(ض)

Tabiatnya sejuk kering, jika ditulis huruf ini serta bacaannya di secamping kain sutera pada ketika al-qomar di bintang huruf ini dan ditanggungnya nescaya dapat kehebatan dan kebesaran.

Huruf ini ada baginya khalwat dan riadah mendatangkan khadam, hendaklah baca doa ini dan bacaannya tiap-tiap lepas sembahyang. Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم, اللهم ياضار يانافع انفعني وعافني مما يضرني واضرب من يسؤني بنفحات العذاب العليم وانصرني على من يعاديني اللهم اني اسألك يا الله يا الله يا الله بك اتضرع وادعوك ان تقيض لي خادم حرف الضاد حتى يأتي الى مطيعا قاضيا حاجتي اجب وافعل ما امرك به ولا اسلط عليك من يوءذيك بمقامع الحديد فاني اسألك يامجيب السائلين ومجيب دعوة المضطرين رب جبريل وميكائيل واسرافيل وعزرائيل وبقوتهم ادعوك فاستجب لي ياديان يوم الدين هيا ياضاد بضر يال وضرميال وضوال لما روه الملائكة خر واله ساجدين العظيم سلطانه لا اله الا هو الحي القيوم اجب الداعي ياضاد ولا تنخل عني ساعة بحق اسماء الله بالف لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم

Inilah bacaannya:

اجب يالهجائيل طلمسموط الا له الخلق والامر تبارك الله رب العالمين

*********

## HURUF DZHO

(ظ)

Tabiatnya kering sejuk, khasiatnya serupa dengan huruf tho. Jika ditulis huruf ini ditanggung oleh kanak-kanak nescaya terpelihara daripada usikan. Jika ditulis serta bacaannya (dengan tulisan terbalik) diletakkan pada mana-mana tempat nescaya penduduknya berpecahlah.

Huruf ini ada baginya khalwat dan riadah hendaklah baca doanya 300 kali nescaya datanglah khadamnya menunaikan hajat kamu, inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم, ظهرت قدرتك اللهم مي الافاق و حصل من ظهر على الاشفاق وضل من ظهر بالاضداد والانداد اسئلك اللهم بما اودعت انبياءك واولياءك من الالفاظ اللطيفة الطاهرة العظام ان تظهرني على كشف سر الظاء حتى اضرب من تظاهر على خلقك بالاذي والفواحش وشر الاعراض واضلالة ومخالفة الامر هيا ياظاء تمثل لي اراك واخاطبك اجب بحق من قال انا الله الذي لا اله الا انا وتسئلك يا رب بالاسماء الحسنى هيا ياظاء بحق ياظ وظغيائيل وظور يائيل اظهر بالاسرار النورانية والايات الربانية العجل الوحا اقض حاجتي بحق الواحد القهار وبالف لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم

Inilah bacaannya:

اجب يالهجيائيل بحق هميطوش سعيدايل سطول نموه ظاظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ ظ صرياه يموه العجل الوحا السعة

*********

**HURUF GHAIN**
(غ)

Tabiatnya sejuk kering jika ditulis huruf ini serta nama-nama Allah yang permulaannya ghain, dan ditanggung, nescaya dapat kemuliaan dan kekayaan. Jika ditulisnya pada ketika as-sham nescaya jadi pengasih.

Huruf ini ada baginya khalwat dan riadah mendatangkan khadam bernama saqsaiil, hendaklah baca doa ini dan bacaannya tiap-tiap lepas sembahyang sebanyak 120 kali. Inilah doanya:

بسم الله الرحمن الرحيم, اللهم اغنني واكفني شر البلايا وسوء القضاء وغض طرفي وغمرني بخيرك يا الله اللهم نورني بنورك الذي نورت به اولياءك واستعفني بفبول

العمل وغفران الزلل اللهم ياغياث المستغيثين ياالله هيا خادم حرف الغين احب وافعل كذا بحق هذه اسملء وبحق اسمه الغفور الرحيم العلي العظيم غلماغ اغصوغ اغثني واغمرني بكل ماريد منك ياغفور ياالله يارحيم اجب بالاجابة من غير فتور بما يصر في الليل والنهر من غير فتور تهللت الانوار الغيبيات الغيبيات اجب بالف لا حول ولا قوة الا باالله العلي العظيم

Inilah bacaannya:

اجب ايها الملك الجلبل سلسائيل بحق مطط شهقي كلك هبوط غني مغني حي قيم الوحا

(Peringatan) Ketahuilah olehmu bahawa khasiat mana-mana huruf yang tersebut tidak ditentukan amalannya dengan sesuatu masa.

Jika engkau hendak mengetahui bilangan hari berkhalwat mana-mana huruf hendaklah engkau tolakkan 30-30 daripada bilangan huruf yang lebih bilangannya daripada 30. Yang baki ialah hari berkhalwat.

